

"KITA mesti bersyukur kerana dapat menjaga hubungan dengan Allah dengan cara yang sebaik-baiknya. Kita tidak sekali-kali lupa, manakala wujud saat-saat menakutkan yang di luar dari kawalan manusia, kita akan cepat-cepat bertaqarrub dengan Allah. Kita sembahyang hajat dan membaca doa serta bersedekah." Titah Sempena Menyambut dan Memperingati Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1424H/2003M.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DAN Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi. Dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa menyempurnakannya." - Surah Al Mu'minuun ayat 18.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyaksikan secara dekat model Kompleks Tamu dan Pasar Baru di Kampong Seramangun semasa lawatan kerja ke Mukim Pekan Tutong. - Foto : Halim Haji Sulaiman.

GEJALA RASUAH LUMPUHKAN NEGARA

Oleh Syukri Hidayat Haji Abu Bakar

JERUDONG, Ahad, 2 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman bersabda, rasuah walaupun dilihat kecil tetapi ia seperti musuh dalaman, jika tidak dikawal, akan menjadi sumber lumpuhannya sebuah negara.

YTM bersabda, ia bukan sahaja merupakan gejala yang sangat dilarang dalam ajaran agama, tetapi juga boleh mencemarkan maruah negara serta kewibawaan perkhidmatan awam atau keperibadian individu yang terlibat dari kaca mata umum.

"Oleh itu, rasuah perlu dibanteras dari berleluasa kerana ianya dipercayai boleh membawa kesan buruk kepada kesejahteraan masyarakat dan negara, di samping bertentangan dengan ajaran agama Islam serta nilai-nilai dan tatasusila murni kemanusiaan," sabda YTM pada Majlis Pelancaran Drama KOD 486 Musim Kedua

berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre di sini.

Sehubungan dengan itu, YTM berharap agar banyak lagi perancangan yang bermanfaat seperti projek tersebut dapat diwujudkan di masa akan datang dengan melibatkan lebih banyak belia remaja untuk meningkat dan memartabatkan masyarakat yang lebih cemerlang dari peringkat awal lagi.

Pada masa yang sama YTM menyarankan supaya Biro Mencegah Rasuah (BMR) akan sentiasa menilai keberkesanan setiap projek dan perancangan yang dibuat agar ia mencapai semua matlamat yang dihasratkan.

Jika projek-projek yang dijalankan mengeluarkan hasil-hasil positif, sabda YTM, insya-Allah, usaha-usaha jabatan akan mendapat sokongan dari semua pihak sama ada dari pihak awam, swasta mahupun pihak kerajaan.

"Para belia adalah disarankan untuk memfokuskan masa depan mereka

dalam arus dunia yang semakin mencabar dengan menanamkan nilai-nilai patriotik dan menghindari perbuatan antisosial dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang penuh bermasyarakat, beragama dan bernegara," sabda YTM seterusnya.

YTM menambah sabda, menurut perangkaan rasmi tahun 2004, lebih empat peratus penduduk negara ini terdiri dari golongan belia remaja yang satu ketika nanti akan menjadi aset negara yang perlu dijaga dan tanai bukan sahaja sebagai pelaburan masa hadapan negara ini, tetapi juga sebagai pemimpin pelapis yang lebih cemerlang.

Ketika bersabda YTM juga menekankan bahawa golongan belia remaja tidak terkecuali terdedah kepada anasir-anasir yang kurang sihat seperti penyalahgunaan dadah, budaya lepak, rasuah dan sebagainya.

Lihat muka 16

Lawatan kerja ke Mukim Pekan Tutong

TUTONG, Khamis, 30 Mac. - Daerah Tutong mencatat satu sejarah dengan keberangkatan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bagi membuat lawatan kerja ke Mukim Pekan Tutong.

Keberangkatan baginda ke Padang Sekolah Rendah Kampong Penanjong dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adani; Timbalannya, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai

Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib.

Destinasi pertama lawatan kerja baginda bermula di Bangunan Persatuan Pemuda Pemuda Kampong Penanjong Tutong (PERDA). Persatuan itu ketika ini menjalankan koperasi bas dan kedua merupakan salah sebuah persatuan aktif yang sering menjalankan kegiatan kebajikan dan kemasyarakatan. Persatuan tersebut ditubuhkan hampir 50 tahun lalu dan kini mempunyai lebih 200 orang ahli.

Dari sana baginda berkenan berangkat ke rumah kediaman Ketua Kampong Penanjong, Awang Ahmad Juriah bin Haji Ibrahim yang terletak berhadapan bangunan PERDA. Awang Ahmad Juriah berusia 64 tahun dilantik menjadi Ketua Kampong pada 10 Ogos 1996. Sebelum itu bapa kepada tujuh orang anak ini pernah bertugas di

Liputan
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Jabatan Kerja Raya dan berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Ketika berada di sana baginda berkenan menyaksikan pameran yang memaparkan aktiviti kampung. Kampong Penanjong mempunyai 2,117 orang penduduk dan 347 buah rumah. Seperti kampung lain, kampung tersebut juga menikmati kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan raya, telefon, dua buah sekolah kerajaan dan sebuah masjid.

Baginda seterusnya berangkat melawat ke Projek Kawalan Hakisan Persisiran Pantai di kampung berkenaan. Skop kerja bagi pembinaan projek tersebut meliputi enam perkara iaitu pembinaan enam buah

struktur pemecah ombak, penimbunan pasir bagi pembentukan pasir, pembinaan benteng batu sepanjang 160 meter, pembinaan struktur kawalan cerun (lereng bukit) sepanjang 450 meter, pembinaan longkang konkrit sepanjang 700 meter dan longkang limpah keluar serta membaiki pulih jalan rosak sejauh 400 meter dan ramp perahu.

Projek yang menelan belanja hampir \$8,500,000 itu mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2003 dan dijangka siap bulan Oktober tahun ini bertujuan untuk mengawal hakisan pantai kampung itu.

Baginda meneruskan lawatan ke Sekolah Menengah Muda Hashim yang terletak di Pekan Tutong.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Khadijah OKSW Haji Abdullah; Timbalannya, Awang Imbu Taris dan Baharin Haji Ibrahim, guru-guru kanan, guru-guru dan kakitangan serta pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Sekolah itu yang mempunyai visi 'berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan dari segi akademik dan ECA' ditubuhkan pada tahun 1966 atas sebidang tanah seluas 7.5 hektar. Sekolah tersebut merupakan salah sebuah institusi pendidikan yang tertua di negara ini. Ia mula dikenali sebagai Sekolah Menengah Melayu Pertama Tutong. Pada tahun 1972 sekolah berkenaan dengan rasminya ditukar nama sebagai Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan sekali lagi pada tahun 1984 nama sekolah itu ditukar seperti namanya sekarang.

Semasa di sana baginda meluangkan masa beramah mesra bersama guru-guru dan para pelajar sekolah berkenaan. Sekolah itu mula menerima pelajar aliran Inggeris. Setelah konsep ko pendidikan secara meluas dinilai semula pada 31 Januari 1998, sekolah itu menempatkan pelajar lelaki sahaja. Ketika ini sekolah itu mempunyai lebih 900 pelajar yang tinggal di Mukim Pekan Tutong, Mukim Rambai, Mukim Lamunin, Kampong Keriam, Kampong Bangsingung dan Kampong Bukit Panggal.

Baginda kemudian berangkat melawat Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Hospital yang mula beroperasi pada bulan Julai 1997 menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang menyeluruh dengan peralatan dan kemudahan canggih bagi memenuhi kehendak penduduk.

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara:
Sambutan tahun ini diwalihkan daripada tahun-tahun sudah

- Muka 2

JTB dikorporatkan menjadi TelBru

- Muka 6

Lawatan kerja
Kebawah DYMM ke Pekan Tutong

- Muka 8 & 9

Seruan Suci:
Amalkan sifat berjimat cermat. Air menjadi sumber kehidupan

- Muka 4 ANEKA

Irsyad Hukum:
Fahami Ujian Sakit!

- Muka 5 ANEKA

TAHUKAH AWDA

"JABATAN Telekom Brunei (JTB) dengan rasminya telah menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) pada 1 April 2006. Telekom Brunei Berhad telah ditubuhkan pada 30 Mei 2002. Sebelum acara rasmi pengkorporatan JTB menjadi TelBru acara sampingan telah diadakan iaitu Majlis Menandatangani Dokumen-dokumen Peralihan Tugas daripada JTB kepada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AiTi) dan TelBru pada 30 Mac 2006. TelBru merupakan sebagai pengganti syarikat (successor company) yang akan menjadi penyelia di dalam memberikan perkhidmatan info-komunikasi." - Sumber Kenyataan Akhbar TelBru.



5 APRIL 2006 BERSAMAAN 1427 ربيع الأول 6

TELBRU - BAWA BRUNEI LEBIH BERDAYA MAJU

MULAI 1 April 2006, Jabatan Telekom Brunei (JTB) dikorporatkan menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru). Tidak syak lagi tarikh itu merupakan detik yang penting dan signifikan dalam sejarah telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam. Signifikannya, adalah jelas membuktikan kejayaan kerajaan dalam usahanya untuk meng-korporatkan agensi-agensi kerajaan yang lain. Detik ini juga adalah selaras dengan perkembangan industri telekom di rantau ini dan juga di kebanyakan negara-negara ahli Pertubuhan Telekom Antarabangsa (ITU).

Kita melihat langkah kerajaan ini amatlah bijak-sana dan bertepatan ketika dunia industri telekomunikasi semakin canggih dan berkembang dengan pesatnya - dunia kini menjadi perkampungan global dan dunia tanpa sempadan dengan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan dunia siber. Kalau kita analisis secara terperinci, kebanyakan negara mempertaruhkan harapan tinggi kepada pihak swasta untuk menajana industri-industri telekomunikasi. Melihat senario itu, langkah kerajaan mengkorporatkan JTB amatlah disanjung tinggi dan sepatutnya mendapat kerjasama dari semua pihak bagi kebaikan masa depan negara mengharungi era globalisasi yang penuh mencabar.

Sebenarnya impian untuk menswastakan atau mengkorporatkan JTB adalah cetusan idea yang bernas daripada pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan baginda Ke-56 tahun pada 15 Julai 2002.

Alhamdulillah, dalam jangka masa empat tahun, impian itu menjadi realiti. JTB merupakan jabatan kerajaan pertama yang diswastakan. Penswastan itu jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk memperkukuh dan memperkaskan lagi peranan sektor swasta bagi bergandingan bahu membahu tamadun kemajuan Negara Brunei Darussalam di era globalisasi. Pengkorporatan ini sudah tentunya akan menjadi pendorong utama bagi kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti elektrik, air dan sempunya yang berpotensi untuk dikorporatkan.

Perkara ini selaras dengan titah baginda yang antara lain menekankan bahawa, "Kerajaan beta akan memperbadankan Jabatan Telekom Brunei (JTB). Dengan pengkorporatan JTB ini, kerajaan mempunyai satu lagi asas pertimbangan bagi melihat seterusnya kemungkinan pengkorporatan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersesuaian."

Seperti yang ditekankan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa melancarkan pengkorporatan JTB menjadi TelBru baru-baru ini, industri telekomunikasi sebagai salah satu perintis bagi pembangunan negara. Sektor ini sekian lama menyumbang pencapaian ekonomi yang agak signifikan dengan jumlah melebihi B\$300 juta.

Lebih membanggakan lagi, sektor telekom, dua tahun yang lalu menjangkau perolehan hampir B\$100 juta. Bertolak dari itu, pengkorporatan ini secara langsung akan menggalakkan pertumbuhan pesat industri telekomunikasi dan ICT, di samping itu 'target' utama ialah menarik minat pelabur asing untuk bergiat sama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dari terus bergantung kepada minyak dan gas.

Kita merasa optimis, TelBru akan sentiasa memainkan peranannya untuk membangun dan memperkembangkan infokomunikasi bagi keperluan pengguna di negara ini bagi merealisasikan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Yang jelas kemajuan teknologi dan infrastruktur moden dalam industri telekomunikasi telah membolehkan negara kita meraih hasil dan faedah dari perkhidmatan dan sistem telekomunikasi yang efisien dan boleh dipercayai. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai pusat bagi perdagangan dan pelancongan di kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA. Penubuhan TelBru adalah langkah bijaksana dalam merealisasikan impian murni itu.

Menjadi harapan semua pihak agar kemunculan TelBru dengan motonya 'menjana perubahan' akan terus membawa perubahan dinamik dalam industri telekomunikasi yang sekali gus akan terus menajana pertumbuhan ekonomi negara. TelBru akan menjadi contoh dan 'role model' bagi pelaksanaan rancangan pengkorporatan di masa akan datang. Kita berharap TelBru akan menjadi sebuah badan korporat yang berjaya dan dihormati bagi mengangkat martabat bangsa dan negara di mata dunia antarabangsa, sekali gus membawa Negara Brunei Darussalam untuk lebih berdaya maju.

HASRAT NEGARA

Sambutan tahun ini diwalihkan daripada tahun-tahun sudah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah rahmat dan perlindungan-Nya jua, Negara Brunei Darussalam terus kekal menikmati suasana kehidupan yang aman, damai dan sejahtera serta membolehkan kita dapat berama-sama meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda yang Ke-60 Tahun pada bulan Julai nanti.

Saya percaya dan penuh yakin bahawa dengan adanya semangat kegigihan dan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan, segala acara-acara sambutan perayaan yang dirancang di peringkat kebangsaan mahupun di daerah-daerah akan berjalan dengan teratur, sempurna dan penuh kejayaan.

Kemeriahan pula bukan sahaja dalam dirasakan oleh rakyat dan penduduk di negara ini bahkan juga kepada para pelancong yang datang berkunjung ke negara ini.

Dengan berkat semangat muafakat dan perundingan serta usaha kerjasama antara sekalian rakyat dan penduduk negara

ini, maka sekali lagi dapatlah kita sama-sama mengukayakan Sambutan Hari Keputeraan Paduka Ayahanda.

Saya difahamkan bahawa pada tahun ini, paduka ayahanda telah pun mengurniakan titah perkenan bagi perlantikan tiga orang ahli baru dari kalangan pihak swasta dan tokoh awam dalam jawatankuasa Kebangsaan. Perlantikan ini sudah tentunya akan meningkatkan lagi kerjasama dan kesepaduan di antara Jawatankuasa Kebangsaan dengan pihak swasta dan tokoh-tokoh awam dalam sama-sama menggembleng tenaga dalam merangka dan mengukayakan acara-acara sambutan perayaan pada tahun ini.

Adalah juga difahamkan bahawa sambutan tahun ini akan diwalihkan daripada tahun-tahun yang sudah dengan mengambil kira bahawa sambutan perayaan pada tahun ini adalah merupakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda Ke-60 Tahun.

Usaha yang gigih serta semangat kerjasama dan bersatu padu yang tinggi di dalam setiap lapangan yang diceburi itu hendaknya diteruskan, baik di sektor kerajaan mahupun sektor swasta, semata-mata untuk kepentingan dalam bermasyarakat dan ber-negara.

Dengan tulus ikhlas,



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 bertempat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong pada hari Isnin, 27 Safar 1427/27 Mac 2006.

selaku Penaung kepada Jawatankuasa Kebangsaan ini, dengan amat sukacita, saya ingin merakamkan penghargaan kepada sekalian Ahli-ahli Jawatankuasa termasuk Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, sektor swasta serta sekalian rakyat dan penduduk di atas segala khidmat bakti dan sumbangan mereka dari peringkat awal lagi dalam sama-sama menjayakan dan memeriahkan sambutan perayaan pada tahun ini.

Kesepakatan dan perpaduan yang ditunjukkan membuktikan ketataan yang tidak berbelah bahagi rakyat dan penduduk negara ini ke hadapan majlis paduka ayahanda dalam menerajui tampuk negara yang sama-sama kita cintai ini.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah mengadap Majlis Santap Malam bagi Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, TYT George Yeo di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Berangkat sama ke jamuan tersebut ialah Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersama Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini bagi mengetuai delegasi Republik Singapura ke Program Pertukaran Lawatan Negara Brunei Darussalam - Republik Singapura Ke-12.

Sementara itu pada 28 Mac lepas DYTM berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, TYT M A Hakim yang akan menamatkan perkhidmatan.

TYT berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Julai 2004.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, TYT George Yeo (atas kiri), manakala gambar atas kanan, DYTM menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, TYT M A Hakim. - Foto : Pg. Rafee Dato Paduka Haji Metassim dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



Lawatan rasmi ke China

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan hari ini berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi lawatan enam hari di atas jemputan Kerajaan Republik Rakyat China (kiri).

YTM diiringi oleh YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Semasa di China, YTM mengadakan perjumpaan bersama TYT Tang Jiaxuan, State Council dan TYT Wu Dawei, Naib Menteri Hal Ehwal Luar.

YTM juga akan membuat perjumpaan bersama pegawai-pegawai Syarikat 'China's National Offshore Oil Corporation' dan berangkat ke Nanjing, Jiangsu Province bagi melawat tempat-tempat bersejarah dan penting.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah berangkat ke Majlis Pelancaran Tahun Undang-undang yang berlangsung di Mahkamah Besar di ibu negara.

Perintah Kanak-kanak dan Orang Muda diperkenankan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mac. - Sistem undang-undang di Negara Brunei Darussalam perlu berubah mengikut perubahan masa agar ia terus relevan demi untuk menggalakkan pelaksanaan keadilan yang betul dan tahun 2006 menandakan satu lagi peristiwa penting dalam sistem perundangan di negara ini.

Perkara itu telah digariskan oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi di Majlis Pelancaran Tahun Undang-undang 2006 di Mahkamah Besar di sini.

Yang Berhormat berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu perintah baru yang digelar Perintah Kanak-kanak dan Orang Muda.

"Sebaik sahaja dikuatkuasakan nanti, Mahkamah Juvenil sebagai sebahagian dari sistem undang-undang kita akan ditubuhkan," jelas Yang Berhormat.

Mahkamah Juvenil akan diberikan pelbagai kuasa untuk menangani pesalah kanak-kanak, termasuk membuat perintah bagi pemulihan akhlak atau khidmat masyarakat, di samping membuat suatu perintah tambahan yang menghendaki sama ada kanak-kanak atau orang muda atau kedua-duanya dan penjaganya untuk menjalani kaunseling, psikoterapi atau program bagi tujuan pemulihan, menenangkan, menggalakkan atau melindungi kesejahteraan dan keselamatan fizikal, sosial dan emosi kanak-kanak atau orang muda.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan titah perkenan baginda akan menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa perintah itu selepas infrastruktur yang dikehendaki dan tenaga manusia yang terlatih sudah tersedia.

Yang Berhormat juga menjelaskan, undang-undang baru yang dipanggil Perintah Pusat Asuhan Kanak-kanak 2006 dan Peraturan-Peraturan Pusat Asuhan Kanak-kanak 2006 telah berkuat kuasa pada 8 Mac 2006 lalu.

Undang-undang itu untuk mengawal selia pengendalian atau pengurusan sesebuah pusat asuhan kanak-kanak dengan melesenkan dan menangani perkara-perkara seperti tempoh pengendalian, jadual program

harian, rawatan perubatan, pemakanan dan disiplin, kebersihan dan persekitaran kesihatan, keselamatan dan maklumat kecemasan.

Pindaan Akta Keterangan yang dikuatkuasakan telah membenarkan penggunaan hubungan langsung melalui video atau televisyen dalam memberikan keterangan pada sebarang percakapan di hadapan sesebuah mahkamah.

Pindaan tersebut adalah faedah kesan kemajuan teknologi yang menyerap dalam kehidupan harian ketika ini telah membuat mahkamah-mahkamah mengambil faedah dari kemajuan itu.

Perintah Bantuan Bersama dalam perkara-perkara jenayah yang telah berkuat kuasa bermula pada 1 Januari 2006 telah membenarkan Negara Brunei Darussalam menghulurkan kerjasama dalam penyiasatan kes-kes jenayah yang dijalankan oleh negara-negara asing dalam banyak hal walaupun tanpa membuat penyusunan teliti terlebih dahulu.

Yang Berhormat juga menjelaskan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan Perintah Ekstradisi 2006 yang baru bagi menggantikan Akta Ekstradisi tahun 1915.

Perintah itu memastikan bahawa Negara Brunei Darussalam tidak akan pernah menjadi tempat yang selamat untuk berlindung bagi penjenayah-penjenayah dan banduan pelarian dari keadilan.

"Perintah baru ini membawa undang-undang ekstradisi kita selaras dengan undang-undang dan amalan antarabangsa pada masa ini untuk memenuhi komitmen antarabangsa dalam bidang ini," jelas Peguam Negara.

Pindaan Akta Iktisad Peguam untuk membenarkan Barrister, Peguamcara atau Barrister dan Penguamcara Mahkamah Besar mana-mana negara atau Wilayah Australia diiktiraf sebagai orang-orang yang berkelayakan bagi maksud-maksud akta itu juga telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Saya berharap ini adalah berita baik kepada pelajar-pelajar Brunei dan ibu bapa pelajar-pelajar Brunei yang mahu mengambil jurusan undang-undang di Australia," jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Dato Seri Paduka Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli berucap di Majlis Pelancaran Tahun Undang-Undang 2006 di Mahkamah Besar.

Liputan Samle Haji
Jait samle.jait@information.gov.bn
Foto: Abdullah Haji Awang Damit

Negara Brunei Darussalam sebagai anggota ASEAN komited dengan sepenuhnya dalam membuat beberapa perjanjian perdagangan pelbagai hala.

Sehubungan dengan itu, dua undang-undang di bawah Akta Kastam telah dikenalkan termasuk Perintah Kastam (Layanan Keutamaan Sama Rata ASEAN), 2005 dan Perintah Kastam (Barang-barang di bawah Program Early Harvest), (Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Menyeluruh Ekonomi di antara ASEAN-CINA), 2005.

Perintah Pengurusan Bencana 2006 juga menjadi satu lagi undang-undang baru yang diperkenankan bagi mengadakan peruntukan pengurusan bencana secara berkesan bagi Negara Brunei Darussalam.

Majlis Bencana Kebangsaan dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan telah ditubuhkan di bawah perintah untuk mengadakan peruntukan bagi rangka kerja pengurusan langkah-langkah pencegahan, bersiap sedia, gerak balas dan

UPACARA Pelancaran Tahun Undang-undang bermula dengan perbarisan daripada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di perkarangan Mahkamah Besar. Kelihatan Ketua Hakim, Dato Seri Paduka Mohammad Saied memeriksa perbarisan yang terdiri daripada anggota PDB (kanan).

Mengawal kelakuan Peguambela

PERSATUAN UNDANG-UNDANG DITUBUHKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mac. - Dalam mengawal selia kelakuan para Peguambela semua negara-negara 'common law' mempunyai badan tindakan tata tertib yang dikenali sebagai Persatuan Undang-undang yang berfungsi untuk mengekalkan tata tertib dalam profesion tersebut.

Negara Brunei Darussalam juga sudah mempunyai Persatuan Undang-undang yang kini memikul beban untuk memastikan supaya ahli-ahlinya berkelakuan dan mengendalikan

diri dengan cara ketulenan dan pandangan yang diiktiraf mengenai profesion terhormat itu, sekali gus pada waktu yang sama tidak menjejaskan imej profesion serta tidak mencemarkan dari segi perlakuan mereka terhadap anak guam mereka di luar dan dalam mahkamah.

"Ini bukanlah satu tugas yang mudah terutama sekali dalam sebuah masyarakat para peguam yang agak kecil dan memerlukan pematuhan yang sepenuhnya kepada dasar-dasar persatuan tersebut," jelas Dato Seri

Paduka Mohammad Saied, Ketua Hakim di Majlis Pelancaran Tahun Undang-undang di Mahkamah Besar, Jalan Tutong, di sini.

Beliau mengingatkan agar kefahaman semula jadi yang bercampur dengan prasangka masyarakat bahawa sebuah Persatuan Undang-undang yang 'terkenal keengganannya' untuk mengendalikan secukupnya ahli mereka sendiri dengan menggantung atau menghalangnya sekali gus menjadi cabaran kepada Persatuan Undang-Undang.

Menurut Ketua Hakim, kewajipan yang ditanggung oleh mana-mana kelas Peguam Kehakiman masih kekal dan tidak berbeza mengikut cuaca di mana pengalaman telah membuktikan bahawa sistem keadilan mempunyai daya pemulihan yang sangat besar tidak kira apa jua situasi atau keadaan termasuk dari segi politik atau sosial, umum atau persendirian yang mana sistem tersebut tidak terjejas dan membolehkan para pegawai menjalankan fungsi kehakiman tidak mengira apa yang berlaku di sekeliling mereka untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang.

"Jika sistem keadilan gagal kerana 'sebarang sebab' dan terpaksa terhenti, keadaan huru-hara akan berlaku yang akan boleh membawa bencana," jelasnya.

Di samping itu, beliau melahirkan rasa gembira di atas kerjasama dan kemajuan yang diberikan pihak polis dalam penyelesaian kes-kes lalu lintas yang mengendalikan empat kali dalam seminggu sekali gus menunjukkan kerjasama Pegawai-pegawai Pendakwa Polis dan Majistret yang erat.

Ketua Hakim juga menjelaskan kekurangan bilik-bilik mahkamah menjadi penghalang kepada perbicaraan-perbicaraan sebetulnya tetapi ia akan dapat diselesaikan dengan siapnya bangunan baru.

Katanya, jurulatih terlatih sangat penting kepada mahkamah dalam proses mendapat suatu perbicaraan yang saksama dalam menjaga nama baik keseluruhan sistem keadilan supaya fungsi mahkamah-mahkamah berjalan dengan licin

dan efisien dalam menyelesaikan kes-kes dengan lebih cepat.

Jabatan Kehakiman kini juga, jelasnya, sedang menunggu pelaksanaan undang-undang baru iaitu Perintah Pesalah (Pemulihan Akhlak dan Khidmat Masyarakat), 2006 (Bil. S 6) dan Perintah Kanak-kanak dan Orang Muda, 2006 (Bil. S. 9) yang memerlukan kakitangan yang terlatih dan pekerja yang berkelayakan sebelum undang-undang itu dikuatkuasakan.

Undang-undang itu perlu dan berguna kepada kepentingan masyarakat umum dan anak-anak muda supaya keperluan-keperluan asas yang dilengkapi secepat mungkin untuk membolehkan kedua-dua akta itu dikuatkuasakan dengan lebih awal.

Kejayaan profesion Peguam Kehakiman, katanya, memerlukan pematuhan dan pegangan mutlak terhadap sumpah kehakiman yang membebaskan tetapi untuk mengekalkan kebebasan proses kehakiman dan keutuhan pegawai kehakiman, kerajaan telah menyediakan berbagai cara seperti memperuntukkan syarat-syarat perkhidmatan yang khusus dan berkecuali untuk memastikan supaya pegawai kehakiman tidak tunduk kepada sebarang godaan dalam proses membuat keputusan yang bukan dibuat sebagai keputusan bebas dan dicemari dengan memikirkan ganjaran yang akan diterimanya.

Ketua Hakim juga yakin pegawai-pegawai kehakiman dapat mematuhi dengan tegas segala sumpah kehakiman dan memikirkan kepercayaan individu dalam menjalankan kewajipan dan patut diberi pujian di atas kejujuran dan dedikasi mereka kepada kewajipan-kewajipan profesional mereka.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap sudah tiba masanya bagi mempertimbangkan kemungkinan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman yang bebas.

Ke arah itu, Buku Panduan Koroner kini dalam proses disusun untuk memberi bantuan penyiasat polis, koroner dan ahli patologi dalam mengendalikan kes-kes keraguan yang mungkin timbul mengenai tatacara dan amalan.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Bapak Agung Laksono. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Menerima mengadap

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Lu Bing di majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir sama di majlis itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Lu Bing. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji

Mohd. Jaafar.

Tuan Yang Terutama berada di negara ini bagi lawatan empat hari mengadap delegasi perdagangan dari ekonomi Guangxi.

Ketua Dewan Perwakilan Indonesia mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Bapak Agung Laksono. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Bapak Agung Laksono disertai lapan orang rombongan terdiri daripada Wakil Ketua Dewan, Bapak H. Soetardjo Soerjogoeitno dan ahli-ahli anggota dewan. Hadir di majlis itu Yang Dipetua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Haji Kemaluddin.

Juga hadir Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Duta Besar Republik Indonesia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Herijanto Soeprapto.

Bapak Agung Laksono dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan muhibah selama tiga hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap ahli rombongan dari Republik Singapura bagi Program Pertukaran Lawatan Antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura Ke-12 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Menerima mengadap rombongan Republik Singapura

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

diketahui oleh Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura, Tuan Yang Terutama George Yeo.

Rombongan seramai 26 orang itu termasuklah Menteri Pertahanan, Menteri Alam Sekitar dan Sumber-sumber Air, Menteri Tenaga Manusia dan Menteri Pertahanan II, Menteri Pembangunan Masyarakat Belia dan Sukan dan Menteri Perdagangan dan Industri II.

Hadir sama di Majlis Mengadap ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad; Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Eusoff Agaki; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan kementerian-kementerian yang lain.

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Ibu Silvia Agung Laksono, isteri Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia di Istana Nurul Iman di sini hari ini.

Ibu Silvia berada di negara ini bagi menemani suami beliau, Bapak Agung Laksono yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Negara Brunei Darussalam dari 28 hingga 30 Mac.

Di Majlis Mengadap itu, baginda juga berkenan menerima pesembah yang disampaikan oleh Ibu Silvia.

Mengiringi Ibu Silvia di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Datin Paduka Hajah Siti Rafeah binti Pengiran Bendahara Pengiran Muda Haji Hashim, isteri Yang Dipetua Dewan Majlis Mesyuarat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Haji Kemaluddin.

Juga mengiringi Ibu Silvia ialah Puan Koesmoekamdarimah Herinjato, isteri Duta Besar Isti-mewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam.

Sejurus selepas itu, baginda kemudian berke-

nan menerima mengadap Puan Yang Terutama Dr. Ruth Penelope Adler, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam.

Puan Yang Terutama merupakan Pesuruhjaya Tinggi Australia yang baru ke negara ini dan telah menyemahkan Surat Perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada 7 Mac lalu.

Hadir sama di kedua-dua Majlis Mengadap itu ialah Datin Hajah Masnah binti Haji Tuah.

YTM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman berkenan menerima mengadap seorang Duta Besar dan dua isteri perwakilan Negara Brunei Darussalam ke negara sahabat.

Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Ibu Silvia Agung Laksono. - Foto Harun Haji Rashid.

Brunei Darussalam ke Kemboja, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Basmillah binti Pengiran Haji Abbas yang menerima Surat Watikah Perlantikan pada 7 Mac lepas.

Kemudian Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Datin Hajah Sunah binti Abdul Hamid, isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United

Kingdom, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Pengiran Maidin bin Pengiran Haji Hashim dan Datin Hajah Mastura binti Haji Moksin, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Pehin Dato Inderasugara Brigedier Jeneral (B) Haji Awang Mohammad Yusof bin Abu Bakar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Australia, Puan Yang Terutama Dr. Ruth Penelope Adler. - Foto: Maasri Osman



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman ketika berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Basmillah binti Pengiran Haji Abbas, Datin Hajah Sunah binti Abdul Hamid dan Datin Hajah Mastura binti Haji Moksin. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

DYTM berangkat ke mesyuarat Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Liputan Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JERUDONG, Isnin, 27 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di The Empire Hotel and Country Club dijunjung oleh Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz selaku Penasihat dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan serta ahli-ahli jawatankuasa berkenaan.

Di mesyuarat tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah disempahkan mengenai laporan persediaan-persediaan atur cara sepanjang perayaan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 di setiap daerah, di samping berkenan menyertai perbincangan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan dalam sembah alu-aluannya antara lain menyempahkan tarikh-tarikh keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemerlang bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bersama rakyat dan penduduk di daerah-daerah.

Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bersama rakyat dan penduduk akan dimulakan dengan Daerah Tutong pada 17

Julai, diikuti Daerah Temburong pada 19 Julai, Daerah Belait pada 22 Julai dan Daerah Brunei dan Muara pada 23 Julai 2006.

Yang Berhormat seterusnya menyempahkan bahawa sambutan perayaan tahun ini Jabatan Perdana Menteri akan mengendalikan Majlis Ilmu 2006 iaitu seminar yang bertemakan 'Raja Berdaulat, Negara Berkata, Rakyat Selamat' dengan tajuk seminar, 'Mendukung Kedaulatan Raja'.

Duli Yang Teramat Mulia turut disempahkan mengenai Majlis Kesyukuran bagi menyempahkan ikrar taat setia yang akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas serta Ekspo Antarabangsa Produk Halal yang akan dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Acara-acara lain yang akan diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan tahun ini ialah Konsert Emas Diraja yang akan berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre; Pertunjukan Brunei Darussalam Tatu 2006 yang akan dikendalikan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Malam Rumpun Seri 60 yang

akan diselenggarakan dengan Perlawanan Tarik Kalat Se-Borneo, Peraduan Basikal dan Kenderaan Berhias, persembahan kebudayaan dan kesenian serta persembahan bunga api akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Di samping itu beberapa acara di peringkat kebangsaan juga akan turut diadakan di daerah-daerah, yang mana Daerah Brunei dan Muara akan mengendalikan acara-acara Perlawanan Lumba Perahu, Pertandingan Kikik ASEAN dan Perlawanan Gasing.

Sementara itu Daerah Belait akan mengendalikan dua acara menarik iaitu Perlumbaan Bot Kawalan Jauh dan Perarakan Bercucuk Di Air serta Pertandingan Rakit Klasik.

Daerah Tutong akan mengendalikan acara Pertandingan 'Motorcross and Endurance', manakala Daerah Temburong pula akan mengendalikan acara Persembahan Budaya Etnik Se-Borneo.

Di akhir mesyuarat, Duli Yang Teramat Mulia yang juga selaku Penaung Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 berkenan berangkat ke Majlis Santap bersama Penasihat-penasihat, Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke mesyuarat berkenaan menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap persediaan dan pelaksanaan acara-acara kebesaran di negara ini dan di harap menjadi pemangkin kepada jawatankuasa berkenaan serta pihak-pihak yang terlibat untuk lebih komited dan penuh dedikasi demi kesempurnaan dalam mengendalikan acara-acara perayaan yang dirancang.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di The Empire Hotel and Country Club dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Majlis Santap bersama Penasihat-penasihat, Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



DULI Yang Teramat Mulia menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba di Empire Hotel and Country Club, Jerudong.



SEBELUM berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Mesyuarat Ke-3 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 ketika bermesyuarat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Peng korporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB) menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru)

JTB dikorporatkan menjadi TelBru

BERAKAS, Sabtu, 1 April. - Jabatan Telekom Brunei (JTB) hari ini secara rasmi dikorporatkan menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) dengan acara kemuncak penyerahan dokumen-dokumen peralihan tugas JTB kepada TelBru di La-Pangian Terbang Lama, di sini.

la menandakan bahawa dua bidang kuasa yang berasingan akan dipikul AITI sebagai penyedia perkhidmatan dan tugas-tugas 'regulatory' yang sebelumnya dipangku oleh JTB.

Peng korporatan JTB menjadi TelBru telah dirasmikan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berhubung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

TelBru sebagai pengganti syarikat (successor company) akan menjadi penyedia di dalam memberikan perkhidmatan infokomunikasi.

Segala fungsi yang berkaitan dengan permohonan perkhidmatan-perkhidmatan, pembayaran dan sebarang pertanyaan pelanggan masih beroperasi dan disediakan di semua Pusat Urusiaga Telekom selain mengekalkan Ibu Pejabat TelBru di Lapangan Terbang Lama, di sini.

AITi bertanggungjawab dalam mengeluarkan lesen, mengawal selia dan mengembangkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan dan juga mengurus spektrum frekuensi radio kebangsaan.

Pejabat AITI bertempat di Blok B14, Simpang 32-5, Kampong Anggerik Desa, Jalan Berakas BB3713, semenjak ditubuhkan pada tahun 2003.

Menteri Perhubungan secara rasminya juga melancarkan Logo TelBru dan AITI yang akan digunakan bagi semua hak miliknya termasuk bangunan, kenderaan dan pakaian seragam pegawai dan kakitangan.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berucap merasmikan Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei menjadi TelBru.

Bersempena majlis tersebut, Pameran Telekomunikasi juga dibuka kepada orang ramai bermula hari pelancaran selama empat hari.

Pameran tersebut memamerkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh TelBru, AITI, DST Communications Sdn. Bhd., B-Mobile Communications Sdn. Bhd., lain-lain wakil penjual ICT dan pengusaha industri di negara ini.

AiTi meneliti dasar mengawal harga

BERAKAS, Sabtu, 1 April. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng menjelaskan, sebagai sebuah badan kerajaan yang autonomus, AITI akan berperanan meneliti dasar bagi penyediaan perkhidmatan dan kawalan harga penggunaan perkhidmatan telekomunikasi dan ICT.

Menurut Yang Berhormat, bermula hari ini AITI akan bertanggungjawab penuh ataupun menjadi 'full-pledged' dalam perlesenan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi dan ICT, mengendalikan frekuensi spektrum negara dan memajukan pembangunan industri telekomunikasi dan ICT di negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan, bermakna di bawah rejim perlesenan yang baru, AITI akan mengeluarkan lesen-lesen kerja kepada TelBru dan membuat perundingan untuk memperbaharui lesen-lesen DST Communication Sdn. Bhd. serta lesen-lesen yang lain seperti lesen yang diberikan kepada B-Mobile Communications, Sdn. Bhd., penyedia-penyedia perkhidmatan Internet (ISPs) iaitu BruNet dan Simpurnet, penyedia-penyedia perkhidmatan telefon awam dan lain-lain.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB) menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) hari ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Kata Yang Berhormat, pertumbuhan dari segi jumlah pengguna bagi perkhidmatan telefon bimbit pada masa kini berbanding dengan 10 tahun kebelakangan menunjukkan peningkatan yang sangat ketara, di mana berdasarkan statistik pada awal tahun 2006, jumlah densiti pengguna telefon bimbit adalah sebanyak 65 bagi setiap 100 orang di negara ini.

"Dengan adanya dua syarikat yang memberikan perkhidmatan telefon bimbit ke-

pada orang ramai, kita akan menjangka pertumbuhan yang lebih tinggi dalam industri yang semakin maju ini," katanya.

Yang Berhormat menambahkan, contoh lain ialah penggunaan internet yang juga nampak berkembang pesat sejak lima tahun kebelakangan ini di mana jangkaan penggunaan internet telah meningkat tiga kali ganda sejak tahun 2000 densiti pengguna menunjukkan dari enam bagi setiap 100 orang kepada lebih 30 bagi setiap 100 orang pada penghujung tahun 2004.

Bagaimanapun jelasnya, jumlah tersebut masih boleh dipertingkatkan lagi, malah penyediaan perkhidmatan 'internet dial-up' berkuasa narrow-band kepada orang ramai dan masyarakat bukan menjadi tumpuan sebenar.

"Sebaliknya dasar utama adalah bagi meningkatkan usaha dalam penggunaan internet jalur lebar atau 'Internet Broadband' yang berkuasa tinggi untuk orang ramai khususnya di rumah-rumah persendirian," katanya.

Namun, menurut Yang Berhormat, bilangan terkini bagi pelanggan jalur lebar secara persendirian adalah dikira masih di tahap yang rendah iaitu kurang daripada 10 daripada setiap seratus 100 buah rumah per-

sendirian.

Dalam hal ini, ujar Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat Kementerian Perhubungan untuk mencapai satu matlamat dasar iaitu sekurang-kurangnya 40 daripada setiap 100 buah rumah dijangka akan mempunyai perkhidmatan jalur lebar pada tahun 2010.

Yang Berhormat menambahkan, di sinilah pentingnya akses dan kemampuan bagi melanggan perkhidmatan-perkhidmatan jalur lebar yang mana akan menjadi agenda utama kita dan terdapat empat inisiatif dasar yang boleh diambil kira dalam konteks Negara Brunei Darussalam.

Pertama ialah mengenai penyusunan semula dasar industri atau lebih dikenali dengan 'Regulatory and Industry Restructuring' yang merupakan satu-satunya trend masa kini yang menjadi amalan di negara-negara maju dan membangun.

Kedua, penyediaan rangka-rangka kerja pengawalseliaan dan undang-undang yang bersesuaian dalam pembangunan industri telekomunikasi dan ICT yang mantap.

Inisiatif dasar yang ketiga ialah dasar bagi memperkenalkan satu suasana yang kondusif dan kompetitif bagi industri telekomunikasi dan ICT dan seterusnya mengadakan persaingan yang saksama kepada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam industri ini.

Dalam hal ini penyusunan semula industri telekomunikasi dan ICT termasuklah penubuhan badan korporat dan peralihan daripada jabatan kerajaan bagi mengawal selia dan memajukan sektor telekomunikasi dan ICT di negara masing-masing.

Pada tahun 2001, kata Yang Berhormat, kerajaan telah membuat beberapa rangka kerja undang-undang yang baru untuk tujuan kawal selia bagi pihak AITI dan pembahagian tugas-tugas bagi TelBru dan AITI di negara ini.

Rangka-rangka kerja undang-undang ini adalah Perintah Pengganti Telekomunikasi 2001, Perintah Telekomunikasi 2001 dan Perintah Pihak Berkuasa Negara Brunei Darussalam (AITi) 2001.

ACARA bersejarah Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) turut sama diserikan dengan bahan pameran yang dapat disaksikan oleh orang ramai. Pameran tersebut meliputi peralatan-peralatan perhubungan dan perkembangan masa kini. Melalui pameran itu orang ramai dapat mengetahui perkembangan telekomunikasi semasa.



Orang ramai mengharapkan perkhidmatan terbaik dari TelBru

BERAKAS, Sabtu, 1 April. - Semua orang di negara ini mengharapkan perkhidmatan yang terbaik setelah Jabatan Telekom Brunei (JTB) dikorporatkan menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru).

Perkara tersebut disuarakan oleh seorang pegawai kanan kerajaan, Dayang Hajah Norliha binti Haji Abu Bakar ketika diminta mengulas pengkorporatan TelBru oleh wakil PELITA BRUNEI sehubungan perasmian TelBru di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut beliau, orang ramai dan kerajaan berharap TelBru akan dapat memenuhi ekspektasi dan aspirasi mereka setelah JTB dikorporatkan sepenuhnya hari ini sejak perkhidmatan telekomunikasi wujud di negara ini pada awal tahun

1920-an.

Katanya, cabaran utama yang harus dipenuhi oleh TelBru ialah memenuhi perkhidmatan telekomunikasi, baik kepada orang ramai atau kerajaan, selain dapat membantu meningkatkan ekonomi negara melalui perkhidmatan telekomunikasi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Namun, jelasnya, di peringkat awal ini sententunya akan terdapat beberapa masalah kecil yang mungkin akan terjadi di mana kita selaku pengguna akan dapat bersabar dan menyelesaikan masalah melalui kaunter-kaunter TelBru yang ada di negara ini.

Tambahnya, beliau sendiri mengalu-alukan pengkorporatan TelBru kerana ia akan memberikan sumbangan besar kepada eko-



DAYANG Hajah Norliha binti Haji Abu Bakar mengulas mengenai Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB) menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) ketika ditemubual oleh wakil PELITA BRUNEI, selepas perasmian TelBru.

nomi negara.

Sementara seorang lagi pengunjung yang enggan namanya disebutkan memberitahu pengkorporatan JTB menjadi TelBru yang menjadikan persaingan dalam bidang telekomunikasi lebih kompetitif dan urusan pentadbiran agak mudah.

Jelasnya, apa yang kita harapkan ialah segala perkhidmatan yang diberikan akan lebih berkesan dan boleh memenuhi cita rasa para pelanggannya.

Persembahan dikir semarakkan Maulud

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mac. - Majlis Perhimpunan Agung dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan diadakan serentak di seluruh negara pada 11 April depan.

Sehubungan dengan itu, bagi menyemarakkan lagi majlis tersebut salah satu acara penting dalam kalendar Islam ialah dengan mengadakan Dikir Maulud Syarifil Anam yang diadakan di masjid-masjid (gambar kanan), surau-surau dan balai ibadat bagi menandakan bermulanya Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut.



KESIHATAN

200 kes penyakit strok dilaporkan sepanjang tahun 2005

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 19 Mac. - Lebih 200 kes penyakit Angin Ahmar (strok) dilaporkan di negara ini pada 2005 yang mana 70 peratus daripadanya adalah strok 'ischaemic', manakala 30 peratus lagi berpunca daripada pendarahan dalam.

Sebanyak 245 kes yang

diterima membabitkan pesakit yang menghadapi serangan kali pertama, sementara selebihnya adalah pesakit yang mendapat serangan berulang dan memerlukan penjagaan perubatan khusus serta pemulihan sepanjang hayat sekali gus meningkatkan beban kos perubatan.

Sehubungan itu Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah khusus untuk menyediakan penjagaan khas bagi pesakit berkenaan, di samping berusaha mengurangkan bebanan penyakit dengan mengurangkan faktor risiko penyakit strok.

Menteri Kesihatan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi ketika berucap di Perasmian Simposium Kebangsaan Penyakit Strok Pertama hari ini, menegaskan bahawa selain penyakit strok, penyakit Vaskular juga antara penyebab kematian di negara ini.

Yang Berhormat berkata, seorang daripada lima orang dewasa mempunyai risiko tinggi menghadapi penyakit vaskular dan satu daripada tiga orang dewasa daripada kumpulan berisiko tinggi adalah penghidap penyakit Vaskular.

Menurut Yang Berhormat, tanda penyakit strok kurang dikenal pasti dan perkara itu menyebabkan ramai penghidapnya gagal mendapatkan rawatan segera yang mana warga tua adalah kumpulan berisiko tinggi. Pesakit itu juga kurang berpengetahuan mengenai faktor risiko dan tanda-tanda penyakit yang menyebabkan ramai daripada mereka gagal mendapatkan rawatan awal.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat berkata, faktor masa penting dalam pengurusan rawatan penyakit strok terutama apabila pesakit berkenaan mengalami keadaan yang

membahayakan nyawa seperti pendarahan otak yang memerlukan rawatan segera atau menghadapi risiko maut.

Menteri Kesihatan seterusnya menggesa agar semua pakar neurologi, doktor dan kakitangan perkhidmatan perubatan menimba pengetahuan yang kukuh dan memahami cara mengenal pasti petanda awal serta rawatan penyakit itu.

Katanya, penyediaan penjagaan lanjut mestilah diberikan kepada pesakit bagi mengenal pasti pesakit yang berisiko tinggi supaya terapi pencegahan lebih awal dapat diberikan kepada mereka.

Usaha Kementerian Kesihatan mencapai matlamat perkhidmatan terbaik bukan saja tertumpu kepada menyediakan peralatan dan kemudahan, malah memastikan semua yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan diberi pendidikan berterusan pengetahuan menghadapi ancaman penyakit yang baru dan cara merawat penyakit itu.

"Khalangan doktor perlu memastikan pengetahuan mereka sejajar dengan senario perubatan yang selalu berubah, supaya mereka

dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada pesakit melalui pendidikan perubatan berterusan," katanya.

Kementerian Kesihatan dalam usaha meningkatkan taraf perkhidmatan perubatan di negara ini turut memandang serius Pendidikan Perubatan Berterusan (CME) untuk semua pakar perubatan dan sudah memperkenalkan Program Pengutipan Mata CME bagi kursus dan persidangan yang diiktiraf.

Yang Berhormat menegaskan, semua doktor di sektor awam dan swasta

perlu mengumpul sekurang-kurangnya 30 mata CME setahun supaya mereka dapat mengekalkan kepakaran dan untuk memastikan pendaftaran mereka kepada Lembaga Perubatan Brunei adalah sah bagi membolehkan mereka mengamalkan perkhidmatan di negara ini.

Simposium yang dianjurkan oleh Bahagian Neurologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menampilkan enam orang pakar perubatan dari negara ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi dan Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair semasa perasmian Simposium Kebangsaan Penyakit Strok Pertama. - Foto: Halim Haji Sulaiman.



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir bagi mendengarkan simposium. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

Kementerian Pendidikan lantik penyelaras untuk tangani HFMD

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

RIMBA, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Pendidikan telah melantik penyelaras untuk mengawasi dan menangani Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), di samping untuk sekolah akan sentiasa memantau keadaan kesihatan warga sekolah sebagai langkah berjaga-jaga harian dalam memantau penyakit itu dari terus merebak.

Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan hari ini menganjurkan Majlis Taklimat untuk penyelaras-penyelaras sekolah yang terdiri dari guru-guru yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Taklimat yang disampaikan oleh tiga orang Pegawai Perubatan terdiri Dr. Yung Chee Tee, Dr. Jan Nyut dan Dr. Hajah Zaliha



TAKLIMAT disampaikan oleh Pegawai Perubatan. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

binti Haji Misli telah dihadiri oleh 200 orang penyelaras.

Ia merupakan tindakan kerjasama yang berterusan di antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Kesihatan dalam usahanya untuk melibatkan semua pihak khususnya warga sekolah untuk sama-sama bertanggungjawab dalam meningkatkan kewaspadaan terdapat HFMD.



ANTARA yang hadir mendengar sesi taklimat menangani Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD). - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Derma darah amalan terpuji

Berita dan foto oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Sabtu, 11 Mac. - Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Pengiran Haji Mohd. Ali bin Pengiran Haji Othman menyeru para belia dan beliawanis serta masyarakat setempat agar tampil ke hadapan secara sukarela menderma darah bagi kesejahteraan semua.

Katanya, budaya membuat kebajikan mesti terus di-semai dan dijadikan sebagai budaya yang unggul serta kukuh bertapak dalam masyarakat sebagai warisan serta ikutan generasi akan datang. Beliau berucap demikian selaku tetamu kehormat di Majlis Bantuan Derma Darah beramai-ramai kali ke-20 berlangsung di Dewan Bandaran di sini.

Beliau menambah, bantuan menderma darah merupakan satu pengorbanan yang amat tinggi bagi menyelamatkan jiwa insan atau setidaknya membantu rawatan para pesakit yang memerlukan.

"Jika pengorbanan itu diniatkan dengan ikhlas akan setentunya mendapat pahala dan ganjaran sewajarnya daripada Allah Subhanahu Wataala," ujarnya.

Menurutnya, kewujudan masyarakat yang mengamalkan sikap bantu-membantu dan tolong-menolong akan menghasilkan suasana dan kualiti kehidupan yang penuh harmoni, sejahtera, aman, damai, penuh kesefahaman dan pemedulian serta melahirkan semangat patriotisme.

Lebih 300 pegawai dan kakitangan kerajaan, sektor swasta, penuntut sekolah, maktab dan persatuan belia serta orang perseorangan tampil menderma darah.

Majlis disempenakan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Belait dengan kerjasama Perkhidmatan Perubatan Hospital Suri Seri Begawan dan Persatuan PERTIWI Cawangan Daerah Belait.

Pasukan dan mereka yang terbanyak menderma darah telah menerima cenderamata dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia merupakan kategori jabatan-jabatan kerajaan yang terbanyak menderma darah, manakala Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah bagi kategori sekolah dan maktab.

Awang Muhd. Anwar bin Haji Narawi, seorang kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia merupakan orang yang pertama menderma darah pada hari



TETAMU kehormat, Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Pengiran Haji Mohd. Ali bin Pengiran Haji Othman menyampaikan cenderamata penghargaan kepada wakil Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah yang mempunyai bilangan penderma paling ramai.

tersebut dan kali ketujuh menyertai majlis seumpama itu. Katanya, penyertaannya semata-mata untuk membantu pihak hospital terutama pesakit yang mengalami kekurangan darah.

Menurut Pegawai Unit Tabung Simpanan Darah Negara antara kriteria mereka yang ingin menderma darah mestilah berumur 18 tahun ke atas, berat badan 48 kilogram dan sihat tidak menghidap sebarang penyakit seperti darah tinggi dan kencing manis. Darah yang ada dalam simpanan unit tersebut kebanyakannya diperlukan semasa kecemasan seperti melahirkan anak, kemalangan serta pesakit kurang darah.

Majlis bertujuan bagi memberi galakan dan kesedaran kepada belia dan beliawanis di daerah ini khususnya dan masyarakat di negara ini amnya terhadap sikap prihatin sesama manusia, di samping membiasakan mereka membuat amal kebajikan serta membantu Unit Tabung Simpanan Darah Negara mendapatkan bekalan simpanan darah sebanyak yang mungkin.



SYABAS ... Awang Muhd. Anwar bin Haji Narawi, kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia merupakan orang yang pertama menderma darah pada hari tersebut.

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Padang Sekolah Rendah Penanjong dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai Daerah Tutong.



MESRA ... Baginda berkenan berinteraksi secara dekat bersama seorang warga tua penduduk Kampong Penanjong.



BAGINDA berkenan menyaksikan demonstrasi bantuan kecemasan oleh Pasukan Bulan Sabit Merah Sekolah Menengah Sufri Bolkiah.



BAGINDA berkenan mendengar sembah taklimat sepintas lalu mengenai perkembangan kampung oleh Ketua Kampung Penanjong, Awang Ahmad Juriah.



BAGINDA berinteraksi secara langsung bersama seorang penuntut setiap kali keberangkatan lawatan baginda ke kelas-kelas sekolah (kiri).



BAGINDA disebarkan taklimat mengenai kemudahan peralatan yang digunakan bagi tujuan menyelamat dan memadam api ketika meninjau Balai Bomba Tutong.

LAWATAN KERJA KEBAWA

TUTONG, Khamis, 30 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke rumah kediaman Ketua Kampung Panchor, Awang Haji Kepli Abang Sepawai.

Kebangkitan baginda itu terkandung dalam aturcara keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Pekan Tutong hari ini. Awang Haji Kepli berusia 72 tahun dilantik menjadi Ketua Kampung pada 7 November 1995. Sebelum itu beliau pernah bertugas di Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Kampung Panchor mempunyai penduduk 1,200 orang dengan 155 buah rumah. Antara kemudahan yang disediakan di kampung itu termasuk bekalan elektrik, air, jalan raya, telefon dan sebuah masjid.

Baginda seterusnya melawat ke Kompleks Tamu dan Pasar Baru di Kampung Serembangan. Kompleks tersebut di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 mula dibina pada 3 Mac 2005 dan dijangka siap Jun tahun ini di atas tapak seluas 4.221 hektar. Kos pembinaan kompleks tersebut

bernilai lebih \$8,300,000.

Kompleks tersebut dihasratkan sebagai pusat perniagaan bagi para peniaga kecil dan sederhana di daerah itu. Antara kemudahan yang disediakan di kompleks itu nanti 'pavilion' serba guna, gerai makan, pasar sayur dan kedai runcit, pasar terbuka, pasar daging, ikan dan ayam, gerai salai-salaian, gerai makanan masak, blok pentadbiran, surau, tandas awam, letak kereta sebanyak 167 buah dan kawasan terbuka.

Balai Polis Tutong yang terletak di Pekan Tutong merupakan destinasi seterusnya dalam lawatan kerja baginda pada hari itu. Balai Polis yang mempunyai keluasan 1.67 hektar mula digunakan pada bulan April 1972 dengan misinya 'Memantapkan Keamanan Bersama Masyarakat'.

Balai berkenaan diketuai oleh Pesuruhjaya Polis bersama 60 orang anggota. Balai tersebut telah berjaya menangani beberapa kes jenayah termasuk kes curi dan pelanggaran Akta Imigresen. Anggota balai itu juga menyertai operasi bersepadu yang dikendalikan bersama agensi-agensi lain. Selain itu balai tersebut juga menjalankan aktiviti mengawal dan menjaga keamanan serta keselamatan

Liputan
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji
saidah.omaralli@information
dan Samle Haji Ja
samle.jait@information.g
Foto : Halim Sulaim
Pg. Rafee Pg. Dato P
Haji Metassim d
Abdullah Haji Awang

daerah. Sehubungan itu beberapa kemudahan disediakan seperti kenderaan bagi anggota bertugas.

Baginda meneruskan lawatan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat yang terletak berdekatan dengan Balai Polis. Jabatan berkenaan mula dibina pada tahun 1968 dan siap serta digunakan pada tahun berikutnya.

Jabatan berkenaan diketuai oleh Stesen Komander Bomba Tutong, Pemangku Pegawai Balai Muhammad Firdaus Ekas dengan anggotanya seramai 76 orang dan lima orang kakitangan awam. Semasa di sana baginda berkenan menyaksikan prosedur kuratun dan rawatan jika berlaku wabak Penyakit Selesema Burung di negara ini dan demonstrasi menyelamat.

AHLI-AHLI Majlis Perundingan Kampung Penanjong mengambil kesempatan dengan bergambar bersama baginda semasa baginda berangkat ke kampung berkenaan (kiri).



BAGINDA berkenan mengajukan soalan kepada seorang penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah mengenai perkembangan pelajaran yang diajarkan (atas).

BAGINDA berkenan menandatangani buku keberangkatan sempena lawatan ke Stesen Minyak Persatuan PAKATAN, Tutong (kiri).

BAGINDA Kampon

DYMM KE PEKAN TUTONG



mem-
ereta
ber-
kem-
diakan
buah
berek.
melaku-
amaan,
akatan

ya me-
nyak
N Ste-
kenaan
ada 15
dengan
dan
berke-
H. Pe-
ng Haji
Yusuf
sera-



mendengar penerangan mengenai tatacara dan persediaan yang dilakukan di Wad
ma Burung yang ditempatkan di hospital berkenaan.



bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Panchor selepas berangkat melawat ke rumah kediaman Ketua
Awang Haji Kepli.

gunakan pada 15 Mac 1997
dan diawasi oleh seorang
Penolong Pengurus Sta-
dium dan Kompleks Sukan
dengan dibantu oleh 25
orang kakitangan.

Kompleks tersebut di-
lengkapi dengan dewan
(gelanggang) badminton,
squasy, sepak takraw, bola
tampar, futsal, bola jaring,
bola keranjang dan bilik
angkat berat. Selain itu
ianya juga menyediakan
gelanggang terbuka bagi
permainan tenis, sepak
takraw, bola tampar, bola
jaring, padang bola sepak
dan balapan.

Selain menyediakan
kemudahan sukan kom-
pleks itu juga dilengkapi
dengan pelbagai kemudah-
an seperti bilik mesyuarat,
bilik pentadbiran, bilik
wuduk lelaki dan perem-
puan, surau dan bilik kece-
masan. Antara pencapaian
yang dikecapi menerusi
kompleks itu melahirkan
atlet sukan seperti Pesta
Sukan Kebangsaan dan
Pesta Sukan Remaja.

Baginda menamatkan
atur cara lawatan dengan
berangkat ke Dewan
Utama Kompleks Dewan
Kemasyarakatan Tutong
bagi Majlis Santap dan
seterusnya beramah mesra
bersama rakyat dan pen-
duduk yang bermastautin
di kawasan Pekan Tutong.



BAGINDA menyaksikan per-
kembangan projek kawalan
hakisian persisiran pantai
yang giat dilaksanakan pe-
maju bagi Kampong Pe-
nanjong (atas).

BAGINDA menitahkan se-
suatu kepada Setiausaha
Tetap Kementerian Kebuda-
yaa, Belia dan Sukan
Awang Haji Jemat semasa
berangkat melawat Kom-
pleks Sukan Tutong (atas
kanan).

BAGINDA berkenan berang-
kat ke Dewan Utama, Kom-
pleks Dewan Kemasyara-
katan Tutong bagi Majlis
Santap Tengah Hari (kanan).



PARA pegawai dan kakitangan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengambil peluang bergambar bersama
baginda. Hospital tersebut mula beroperasi pada bulan Julai 1997 dengan menyediakan pelbagai Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan kepa-
da para penduduk Daerah Tutong.



MERIAH ... Orang ramai yang kebetulan membeli-belah di Bangunan Kompleks OG Pekan
Tutong berpusu-pusu tidak melepaskan peluang menjunjung ziarah ke hadapan majlis bagin-
da semasa baginda berkenan melawat ke kompleks itu.

LATIHAN OPERASI SERAMA II



SEORANG pekerja yang positif dijangkiti virus H5N1 sedang dirawat oleh pegawai-pegawai kesihatan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Dua pekerja ladang dijangkiti H5N1

TUTONG, Selasa 4 Mac. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini melaporkan satu kes dua pekerja ladang disyaki dijangkiti menghidapi virus Selesema Burung jenis H5N1 oleh ujian makmal.

Mangsa berkenaan adalah dua pekerja yang bekerja di salah sebuah ladang ternakan ayam di Jalan Maraburong di Daerah Tutong telah disahkan dijangkiti oleh virus H5N1.

Sebelum mangsa jangkitan Selesema Burung itu dibawa ke rumah sakit ber-

kenaan, para pesakit yang menghidapi penyakit tibi yang sedang ditahan di wad berdekatan dengan bilik pusat pengasingan bagi mangsa Selesema Burung di hospital berkenaan telah diarahkan pindah serta-merta ke Hospital Seri Seri Begawan di Kuala Belait bagi mengelakkan jangkitan virus Selesema Burung.

Mangsa yang positif dijangkiti oleh virus H5N1 itu setibanya di rumah sakit berkenaan terus disambut oleh dua jururawat yang lengkap dengan pakaian yang dikhaskan untuk digunakan

semasa wabak Selesema Burung berlaku serta doktor yang mengawasi mangsa tersebut terus dibawa masuk ke dalam wad atau bilik pengasingan di tingkat dua di rumah sakit berkenaan untuk di kuarantin sehingga mangsa itu sembuh sepenuhnya.

Bagaimanapun, skenario berkenaan merupakan latihan Operasi Serama II sebagai langkah meningkatkan kewaspadaan dalam menangani wabak maut itu.

Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah seperti mana yang telah dirancang dalam Pelan Tindakan Menangani Pandemik Influenza dan antara langkah-langkah yang diaktifkan ialah 'surveilans', pengurusan pesakit, pengawalan dan pencegahan, bantuan teknikal dan logistik, media dan perhubungan awam serta perkhidmatan makmal dan tenaga manusia.

Langkah-langkah lain yang telah dijalankan dalam Operasi Serama II ini memberikan perkhidmatan rawatan termasuk pengasingan pesakit-pesakit serta langkah keselamatan bagi melindungi dan mengurangkan risiko jangkitan kepada para pekerja kesihatan.

Lain-lain langkah termasuklah memastikan peralatan perlindungan diri, peralatan perubatan utama dan ubat-ubatan serta tempat-tempat penyimpanan ubat-ubatan dan peralatan berkenaan khususnya di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah adalah mencukupi.

Pada masa ini kes-kes yang disyaki telah menerima rawatan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dengan ujian darah telah dijalankan ke atas kes berkenaan.

Sebuah ladang ternakan dijangkiti penyakit Selesema Burung:

900 ekor ayam dilaporkan mati

KAMPONG KUPANG, Selasa, 4 April. - Satu kes jangkitan penyakit Selesema Burung terjadi ke atas sekelompok ternakan ayam, manakala dua pekerja ladang di Kawasan Kemajuan Pertanian, Jalan Maraburong juga disyaki dijangkiti penyakit tersebut.

Kelompok ternakan terjejas terjadi di Reban 10 yang diusahakan oleh sebuah syarikat milik anak tempatan dengan jumlah ternakan ayam yang terlibat sebanyak 1,000 ekor.

Dari jumlah tersebut sebanyak 900 ekor ayam telah dilaporkan mati pada 3 April 2006, sementara sebahagian besar ternakan ayam menunjukkan tanda-tanda seperti muram, bersin dan tidak aktif.

Berikutan kejadian itu, pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian telah menjalankan penyiasatan dan mengambil contoh untuk pemeriksaan makmal yang dilakukan di Makmal Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian dan Makmal Rujukan OIE, Australia.

Bagaimanapun skenario tersebut hanya merupakan Latihan Simulasi Selesema Burung yang dikenali sebagai 'Operasi Serama II', lanjutan daripada latihan Operasi Serama I yang diadakan pada 9 Jun 2005.

Operasi Serama II melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Objektif operasi berkenaan ialah untuk meningkatkan keberkesanan Pelan Tindakan yang disediakan dengan kerjasama agensi-agensi yang terlibat dalam Pelan Tindakan Kebangsaan, di samping memperbaiki sebarang kekurangan yang ter-



AYAM-AYAM yang sudah dimusnahkan dimasukkan ke dalam lubang pelupusan dan disemur dengan cecair khas pembasmi kuman sebelum ditimbus.

Laporan

Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

Aliddin Haji Mokhtal aliddin.mokhtal@information.gov.bn

Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim dan Masri Osman

dapat semasa Operasi Serama I.

Latihan tersebut juga memberikan pendedahan dan latihan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat menangani penyakit Selesema Burung jika sekiranya berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Pengarah Pertanian, Pengiran Hajah Mariana binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin, antara aktiviti yang dijalankan dalam latihan simulasi hari ini ialah dengan memusnahkan ternakan ayam yang terjejas, mengubur bangkai ternakan ayam yang dimusnahkan dan mengambil pesakit dari ladang terjejas dan menghantar ke Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Daerah Tutong.

Selain mengambil contoh-contoh untuk dihantar ke

Makmal Rujukan, CSIRO, Australia, juga dilakukan ialah mengawal lalu lintas di tempat-tempat yang berkenaan dan mengawal pergerakan haiwan, kenderaan dan orang ramai serta menjalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah (house to house search) bagi memastikan semua ternakan dalam kawasan terjejas dimusnahkan.

"Kesimpulan daripada latihan yang kita adakan pada hari ini menunjukkan semua agensi-agensi yang berkenaan sudah siap sedia untuk menangani sebarang kes 'Avian Influenza' di Negara Brunei Darussalam," jelas Pengiran Hajah Mariana dalam Sidang Akhbar Mengenai Operasi Serama II di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat Jabatan Pertanian.

Pengarah Pertanian seterusnya berkata, pada keseluruhannya prosedur stan-

dard operasi adalah berkesan yang mana langkah-langkah pembasmi dan pengawalan penyakit tersebut berjalan lancar tanpa masalah.

Penyakit Selesema Burung adalah sejenis penyakit virus yang boleh mendatangkan masalah pada sistem pernafasan, pencernaan dan saraf bagi ayam dan burung.

Jangkitan boleh berlaku melalui pencemaran yang masuk ke dalam mulut pada mulanya dan boleh juga melalui sistem pernafasan serta mata, manakala jenis-jenis haiwan yang berisiko adalah semua jenis burung, ayam, itik dan semua spesies yang sejenis dengannya.

Cara jangkitan penyakit Selesema Burung boleh berlaku melalui sentuhan secara langsung dengan najis dan cecair burung, ayam atau itik yang telah dijangkiti serta barang-barang yang tercemar olehnya.

Menguji keberkesanan Pelan Tindakan Siap Sedia

TUTONG, Selasa, 4 April. - Kemajuan Pertanian Kampong Maraburong, Daerah Tutong.

Ia selaras dengan langkah KPSSU dan beberapa kementerian serta jabatan kerajaan dalam membendung penularan penyakit Avian Influenza atau Selesema Burung di negara ini.

Latihan simulasi yang dinamakan 'Operasi Serama II' dijalankan di sebuah ladang ternakan ayam di Kawasan

Kemajuan Pertanian Kampong Maraburong, Daerah Tutong.

Ia selaras dengan langkah KPSSU dan beberapa kementerian serta jabatan kerajaan dalam membendung penularan penyakit Avian Influenza atau Selesema Burung di negara ini.

Ke arah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan penubuhan Jawatankuasa Ke-

bangsaan Menangani Pandemik Influenza dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Penyediaan Pelan Tindakan Siap Sedia menghadapi kemungkinan Avian Influenza dan Pandemik sering ditekankan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa terutamanya Pertubuhan Kesihat-

an Sedunia (WHO), Pertubuhan Sedunia Kesihatan Haiwan (OIE) dan Pertubuhan Pertanian dan Makanan (FAO).

Setiap negara disarankan untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Tindakan secara bersepadu dan meningkatkan kerjasama 'inter-agencies and intra-agency'.

Pelan Tindakan yang disediakan itu disarankan untuk diuji pelaksanaannya dengan mengadakan latihan simulasi.



PARA pegawai Jabatan Pertanian memusnahkan ayam-ayam yang dijangkiti 'Avian Influenza' dalam latihan 'Operasi Serama II'.

PENDIDIKAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman semasa menerima cek berjumlah B\$48,598.44 daripada Yang Berhormat Awang Haji Idris bin Haji Abbas, Pengarah Pengurusan Arkitek Idris. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Pelajar perlu dilibat dalam kegiatan kokurikulum

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JALAN MUARA, Selasa, 14 Mac. - Penglibatan para pelajar dalam kegiatan kokurikulum perlu diambil perhatian semua pihak, di samping persekolahan utama dalam bilik darjah.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengiran Dato Paduka Haji Ismail berkata, mengambil bahagian dalam Pertandingan Koir merupakan satu contoh yang baik yang mana semangat untuk ikut serta perlu disanjung tinggi dan dipupuk.

"Semangat ikut serta ini dengan sendirinya mencerminkan perpaduan dan membentuk keperibadian serta akhlak yang mulia," jelasnya di Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-13 berlangsung di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), di sini.

Dalam suasana dunia yang sering berubah lagi mencabar, pelbagai jenis lagu dan irama sudah timbul tetapi ada juga yang kurang sihat sifatnya, malah ada pula yang sangat keterla-

luan.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan, semua pihak perlu peka akan unsur-unsur negatif itu dan kegiatan-kegiatan lain yang boleh mengganggu gugat calak Brunei yang tulen.

"Oleh yang demikian kita perlu mewujudkan lebih kreatif lagi banyak kegiatan-kegiatan untuk menarik minat dan penyer-taan yang benar-benar bersifat sukarrelawan," tambah beliau.

Pasukan Koir MSPSBS selaku penyelenggara pertandingan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 muncul juara setelah berjaya menewaskan sembilan pasukan yang mara ke peringkat akhir.

Dengan membawakan lagu 'Bahagia Brunei Darussalam', Pasukan Koir MSPSBS menerima hadiah wang tunai B\$1,000.00 berserta sebuah piala pusingan dan piala iringan.

Naib johan disandang oleh Pasukan Koir Sekolah Menengah Berakas yang juga membawakan lagu 'Bahagia Brunei Darussalam', menerima hadiah wang tunai B\$800.00 dan piala iringan.

Sementara Pasukan Koir

Arkitek Idris beri sumbangan

Oleh Rusydina Haji Junaidi

TUNGKU, Khamis, 23 Mac.

Memperkembangkan pendidikan seni lukis dan reka bentuk di negara ini merupakan salah satu aspek penting untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang mahir dalam bidang tersebut melanjutkan pelajaran ke peringkat antarabangsa, di samping mengelakkan mereka dari mensia-siakan bakat yang ada.

Perkara tersebut ditekankan oleh Yang Berhormat Awang Idris bin Haji Abbas, Pengarah Pengurusan Arkitek Idris pada Majlis Penyampaian Sumbangan Cek berjumlah B\$48,598.44 kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD) berlangsung di Bilik Persidangan UBD, di sini.

Sumbangan tersebut diterima oleh Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Yang Berhormat berharap melalui sumbangan

tersebut pihak UBD akan dapat menubuhkan sebuah fakulti dalam bidang seni lukis dan reka bentuk, kerana beliau percaya terdapat ramai pelajar-pelajar di negara ini mempunyai bakat dalam bidang tersebut.

"Pelajar-pelajar tersebut bukan sahaja akan menjadi pelukis atau pereka malahan mereka juga berpeluang menjadi arkitek dalam pelbagai jenis bidang seperti 'multimedia works', 'industrial designs, technology designs' dan sebagainya," jelasnya lagi.

Sementara itu Dato Paduka Dr. Haji Ismail pada majlis itu juga menyampaikan penghargaan kepada Yang Berhormat atas sumbangan tersebut.

Katanya, UBD akan berusaha untuk menjadikan Fakulti Seni Lukis dan Reka Bentuk sama pentingnya dengan Fakulti Sains dan Perniagaan.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail menyampaikan hadiah kepada Pasukan Koir Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan yang muncul Johan Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-13. - Foto : Pengiran Ibni Pengiran Haji Hidup.

Sekolah Menengah Sayidina Abu Bakar yang membawakan lagu 'Negara Tercinta' berjaya menduduki

tempat ketiga dengan menerima wang tunai B\$500.00 dan sebuah piala iringan.

Mahasiswa-mahasiswi perlu tahu MMN

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BERAKAS, Sabtu, 25 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) penting diketahui oleh semua rakyat negara ini terutamanya mahasiswa dan mahasiswi yang bakal menjadi pewaris turun-temurun negara.

Penubuhan semula MMN di negara ini, merupakan perkembangan besar bagi membolehkan rakyat dan penduduk di negara ini melalui ahli-ahli yang dilantik memberikan pandangan, sekali gus sama-sama ikut serta dalam membuat dasar-dasar negara ke arah pembangunan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pah-lawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menekankan perkara tersebut dalam Sesi Ramah Mesra Bersama Mahasiswa dan Mahasiswi Universiti

Brunei Darussalam (UBD) berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

Serombongan 29 mahasiswa dan mahasiswi disertai dua pensyarah dari Akademi Pengajian Brunei, UBD membuat lawatan ke Jabatan Penerangan.

Terdahulu, taklimat mengenai 'Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Awang Haji Ahmad Ghazali bin Haji Tengah, Ketua Bahagian Kene-garaan, Penyelidikan dan Pusat Sumber Jabatan Penerangan.

Beliau juga antara lain menekankan bahawa pen-

getahuan mengenai pemasyhuran kemerdekaan negara adalah sangat penting, bukan saja bagi mahasiswa dan mahasiswi, tersebut malahan kepada semua rakyat di negara ini kerana ia merupakan ilmu pengetahuan yang sangat berharga dan tidak terkira nilainya bagi seorang warga Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN mahasiswa dan mahasiswi serta pensyarah dari Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam membuat lawatan ke Jabatan Penerangan. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid menyam-paikan sijil kepada seorang peserta kursus. - Foto : Masri Osman.

IPA kendalikan Kursus IT

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Khamis, 16 Mac. - Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pengurusan, Awang Sa Bali berkata Institut Perkhidmatan Awam (IPA) Negara Brunei Darussalam merasa bangga mengendalikan Program Pengurusan Teknologi Maklumat (IT) bagi para pengurus yang tidak berkemahiran dalam IT yang disertai oleh Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam (CLMV).

Beliau juga menekankan perlunya usaha membantu negara-negara seperti CLMV dalam teknologi infokomunikasi (ICT), supaya jurang perpisahan antara negara CLMV dengan negara-negara ASEAN dapat dirapatkan.

Beliau menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penutup Peserta Kursus Pengurusan IT bagi para pengurus yang tidak berkemahiran dalam IT dari-

pada beberapa negara ASEAN yang berlangsung di IPA di sini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid menyam-paikan sijil kepada 16 orang peserta daripada CLMV.

Kursus yang bermula 27 Februari hingga 16 Mac 2006 merupakan program di bawah Inisiatif Perpaduan ASEAN yang di-kendalikan sendiri oleh pegawai-pegawai IPA.

Empat pelajar ditawarkan Biasiswa Kerajaan Jepun

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Jumaat, 17 Mac. - Empat orang pelajar dari negara ini ditawarkan Program Biasiswa oleh Kerajaan Jepun bagi melanjutkan pengajian di empat universiti di Jepun bermula April ini.

Keempat-empat mereka yang bertuah ialah Dayang Adeline Li Ching Pang yang akan menjalani Latihan Bahasa Jepun selama setahun di Universiti Pengajian Luar Osaka sebelum meneruskan sebagai mahasiswa dalam bahasa Jepun selama empat tahun di universiti yang sama.

Mahasiswa Dayang Hamidah binti Haji Mohd. Harun, setahun sebelum itu akan menjalani Kursus Bahasa Jepun dan empat tahun lagi di bidang Biologi di Universiti Pengajian Luar Tokyo.

Sementara itu, Awang Fadil Galawat akan mendaftar sebagai penuntut Ijazah Lanjutan dalam Penyelidikan di

Universiti Kyushu sehingga Mac 2008 dengan mengambil kursus dalam Penghasilan Pertanian, Kejuruteraan dan Ekonomi selepas mendapat latihan dalam bahasa Jepun selama enam bulan.

Seorang lagi pelajar yang ditawarkan biasiswa Kerajaan Jepun ialah Awang Daniel Choo akan mula melanjutkan pengajian di sebuah kolej latihan khusus.

Beliau akan mengambil Kursus Teknikal Seni Bina di Kolej Teknikal Syusei Osaka selama dua tahun selepas menduduki Latihan Bahasa Jepun setahun di Pusat Pendidikan Bahasa Jepun, Osaka.

Keempat-empat pelajar terbabit hari ini diundang menghadiri Majlis Makan Tengah Hari bersama Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Yoshinobu Nisaka sambil membina-

cangan mengenai program yang mereka sertai.

Mereka dijangka akan berlepas ke Jepun pada awal April ini dan diharap akan menambah ilmu pengetahuan serta kebolehan masing-masing sambil belajar mengenai masyarakat dan budaya Jepun.

Mereka yang berminat menyertai Program Biasiswa Kerajaan Jepun boleh mendapatkan borang pendaftaran untuk Biasiswa 2007 mulai pertengahan April ini yang akan berakhir pada Jun tahun ini.

Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui Masayo Tada di Kedutaan Besar Jepun melalui talian 2229265 atau faksimili 2229481 atau e-mel ke embassy@japan.com.bn ataupun melayari laman web www.bn.emb-japan.go.jp.



KEEMPAT-EMPAT pelajar yang mendapat tawaran Biasiswa Kerajaan Jepun menjalani kursus singkat yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Jepun. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

KEMASYARAKATAN

Lebih \$100 ribu diperolehi dari orang ramai melalui kutipan SMS

Oleh Sukri Hidayat
Haji Abu Bakar

BERAKAS, Isnin, 20 Mac. - Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan menerima sumbangan derma berjumlah B\$101,699.65 hasil kutipan derma orang ramai melalui projek SMS Brunei Prihatin DSTCom Prima dan Easi serta sumbangan dari kakitangan DST Group.

Penyerahan cek berjumlah B\$93,273.00 hasil kutipan melalui SMS disampaikan oleh Awang Haji Marsad bin Haji Ismail, Ketua Pegawai Operasi DST Group kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Sumbangan orang ramai melalui SMS dijalankan selama tiga bulan mulai 7 Disember 2005 sehingga 28 Februari 2006.

Pada majlis yang sama sejumlah B\$8,426.65 juga diserahkan oleh Awang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menerima cek sumbangan orang ramai bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan melalui projek SMS Brunei Prihatin. - Foto : Pg. Ibrni Pg. Haji Hidayat.

Haji Marsad kepada Yang Berhormat sumbangan dari semua kakitangan DST Group melalui kutipan keseluruhan acara DST Group Walkathon bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan.

Projek tersebut selaras dengan seruan Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan turut sama menghulurkan derma kepada tabung tersebut bagi meringankan beban dan kesengsaraan

yang dialami oleh mangsa-mangsa gempa bumi Pakistan.

Jumlah keseluruhan kutipan yang diterima bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan setakat ini berjumlah B\$296,732.55.00.

Menaja gaji guru

BENGKURONG, Jumaat, 3 Mac. - Pusat Ehsan Kampong Bengkurong hari ini menerima sumbangan berupa tajaan gaji guru bagi pusat berkenaan yang bernilai \$400.00 sebulan bagi bulan Mac hingga Disember 2006.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman telah diadakan hari ini antara Pusat Ehsan dan Kumpulan Prihatin Pusat Ehsan.

Menandatangani memorandum bagi Ahli Lembaga Amanah Pusat Ehsan, Dr. Haji Effendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, manakala bagi Kumpulan Prihatin Pusat Ehsan ialah Dayang Nadhirah Irene binti Abdullah.

Untuk keterangan lanjut mengenai Skim Penggajian Angkat Guru-guru Pusat Ehsan, orang ramai bolehlah menghubungi Pengurus Pusat Ehsan, Pengiran Haji Tajuddin melalui talian 2655245 atau Koordinator Program Pusat Ehsan di talian 8766774.



BERI SUMBANGAN ... Kumpulan Prihatin Pusat Ehsan menyampaikan sumbangan berupa tajaan gaji guru ke Pusat Ehsan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BMR usahakan pelbagai projek bagi membanteras gejala rasuah di negara ini

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Mac. - Biro Pencegah Rasuah (BMR) dalam usahanya membela-bela lagi langkah pencegahan rasuah dan pendidikan masyarakat akan melancarkan musim kedua drama Melayu bersiri KOD 486 tidak lama lagi.

Ia merupakan salah satu usaha berterusan BMR dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keburukan gejala rasuah melalui penyiaran televisyen sebagai salah satu saluran yang popular untuk mendidik dan juga meningkatkan kesedaran masyarakat.

Drama bertajuk 'KOD 486 Musim kedua' ini dijangka disiarkan di kaca televisyen pada April tahun ini sebanyak 13 episod memaparkan kisah-kisah benar penyiasatan rasuah yang

dijalankan oleh BMR dan diolah semula untuk menepati selera peminat-peminat drama di negara ini.

Melalui penerbitan drama bersiri itu objektif BMR untuk menarik perhatian masyarakat agar mereka lebih mengetahui risiko-risiko dan akibat rasuah dengan mendedahkan beberapa keadaan serta kegiatan yang boleh menjurus seseorang itu kepada perbuatan rasuah yang bertentangan dengan undang-undang negara.

Drama ini juga menunjukkan cara kehidupan dan tingkah laku yang tidak berdisiplin yang menyebabkan seseorang itu dengan mudah terjebak ke dalam gejala rasuah serta kesengsaraan yang dihadapi apabila didakwa oleh mahkamah atas jenayah rasuah.

BMR berharap, teladan yang didedahkan melalui drama ini akan mendidik masyarakat kita untuk lebih beretika dalam menentukan kehidupan dan tingkah laku agar dapat menjauhkan diri daripada rasuah.

Musim pertama drama KOD 486 yang dilancarkan pada Mac tahun lalu disiarkan di Radio Televisyen Brunei dan juga 'Brunei International Satellite Channel'.

Dalam drama KOD 486 Musim Kedua, para penonton berpeluang menyaksikan lakonan bakat-bakat baru terdiri pelakon-pelakon tempatan dan juga pelakon-pelakon undangan daripada luar negara.

Seperti drama musim pertama, KOD 486 musim kedua juga mengetengahkan Zamarul Hisham, pelakon dari Malaysia sebagai memegang watak utama selain

penampilan pelakon-pelakon Indonesia iaitu Tio Duarte dan Lulia Veronika Amir.

BMR akan mengadakan Majlis Pelancaran Drama KOD 486 Musim Kedua pada Ahad, 2 April 2006 bertempat di Amphitheatre, Jerudong Park dan Playground pada jam 8.15 pagi.

Acara kemuncak majlis pelancaran termasuk persembahan koir daripada murid-murid sekolah dan persembahan nyanyian lagu-lagu tema drama KOD 486 musim kedua yang akan dinyanyikan oleh penyanyi tempatan termasuk Zamarul Hisham dan Tio Duarte.

Poster-poster dan autograf artis-artis juga akan diberikan secara percuma pada majlis pelancaran nanti selain pelbagai cenderahati juga akan dijual pada hari itu.

Pegawai, kakitangan KHEDN menyumbang tabung gempa bumi

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 14 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hari ini menerima derma untuk Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan berjumlah \$20,600.00 hasil sumbangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di KKBS di sini.

Derma tersebut diserahkan oleh Setiausaha Tetap KHEDN, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail kepada Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Jumlah keseluruhan derma bagi Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan pada masa ini sebanyak \$197,443.90 tidak termasuk sumbangan yang dihantar melalui penghantaran Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff semasa hadir di Majlis Penyerahan Derma Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Pakistan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal. - Foto : Halim Haji Sulaiman.

YSHHB beri bantuan projek R&D

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mac. - Peranan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam bidang pendidikan termasuklah memberikan bantuan ke atas beberapa projek penyelidikan dan perkembangan (Research & Development - R&D) yang dijalankan oleh institut pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam bagi kemajuan saintifik, teknologi dan kemasyarakatan.

Selaras dengan tujuan tersebut, YSHHB telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk mengelolakan Seminar Kekeluargaan Dalam Konteks Masyarakat Islam Brunei Kelima dan juga Simposium Keempat 'National Perinatal 2006' berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB di sini.

Hadir menyampaikan kedua-dua sumbangan tersebut ialah Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud, Pengarah Urusan YSHHB.

Sumbangan bagi Seminar Kekeluargaan Dalam Konteks Masyarakat Islam Brunei Kelima berjumlah B\$9,735.00 diterima oleh Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim, Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPISHOAS), UBD.

Sumbangan tersebut merupakan tajaan sebahagian daripada perbelanjaan bagi mengadakan seminar anjuran Jabatan Syariah, IPISHOAS, UBD yang akan berlangsung pada 5 April.

Sementara itu sumbangan bagi Simposium Keempat 'National Perinatal 2006' berjumlah B\$1,978.00 diterima oleh Dr. Hajah Roselina binti Dato Paduka Haji Yaakub, Pengerusi Simposium tersebut.

Sumbangan tersebut juga merupakan tajaan sebahagian

daripada kos logistik simposium yang dikendalikan oleh Jabatan Obstetrics and Gynaecology, Kementerian Kesihatan dan Institut Perubatan UBD.

Hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Urusan YSHHB, Penolong Pengarah Urusan YSHHB serta pegawai-pegawai UBD dan YSHHB.



DR. Hajah Roselina binti Dato Paduka Haji Yaakub menerima sumbangan daripada Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim. - Foto : Masri Osman.

Derma dari De'Image Salon

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

BENGKURONG, Isnin, 6 Mac. - Pusat Ehsan Kampong Bengkurong hari ini menerima sumbangan derma daripada De'Image Salon menilai \$500.00 bagi membayar gaji guru-guru untuk bulan Mac di pusat berkenaan di sini.

Sumbangan \$500.00 adalah hasil melalui kutipan memotong rambut pelanggan pada 19 Januari lalu.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Pengurus De'Image Salon, Woon Wei Wan kepada Pengurus Pusat Ehsan, Pengiran Haji Tajuddin.

Sejurus selepas penyampaian derma berkenaan, tukang gunting De'Image Salon juga memberikan khidmat bergunting rambut kepada penuntut-penuntut Pusat Ehsan secara percuma.

\$1.8 juta diperuntukkan bagi SLAMAT \$2.5 juta bagi sistem AMEDAS

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 23 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar berkata, kerajaan melalui Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN) memperuntukkan lebih \$1.8 juta untuk mengadakan Sistem Menganalisa Data, Memantau dan Mengesan Kilat atau (System of Lightning Data Acquisition, Monitoring and Tracking, SLAMAT) yang telah pun dimulakan pada bulan November 2004 lalu.

Kata Yang Berhormat, sejak akhir-akhir ini kita menyaksikan berlakunya bencana alam di dunia baik yang boleh diramal mahupun yang tidak boleh diramal seperti ribut taufan yang mengakibatkan banjir, hujan ribut yang membawa akibat kepada pelaut-pelaut dan penangkap ikan dan ombak besar yang melanda daratan dan memusnahkan orang awam serta harta benda.

Yang Berhormat menjelaskan, sistem yang dibina di lima stesen kilat di semua daerah iaitu Anggerek Desa, Tasek Merimbun, Jalan Maulana, Kampong Labi dan Kampong Labu membolehkan negara mengesan, mengumpul, memantau dan

menganalisa maklumat kilat di semua kawasan di negara ini.

"Selain daripada itu, RKN Kelapan juga memperuntukkan lebih \$2.5 juta bagi Sistem Automatik Menganalisa Data Kajucaua atau (Automatic Meteorological Data Acquisition System, AMEDAS) iaitu peralatan bagi menyediakan 'real-time' pemerhatian cuaca secara automatik di seluruh negara," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakannya pada Sambutan Hari Kajucaua Sedunia 2006 berlangsung di Bangunan Baru Perkhidmatan Kajucaua, Kampong Anggerek Desa.

Yang Berhormat menambah, terdapat 14 stesen cuaca automatik (automatic weather stations) di seluruh negara iaitu empat stesen di Brunei Muara, tiga di Tutong, empat di Kuala Belait dan tiga di Temburong.

Automatic Weather Station ini katanya, mengandungi peralatan dan sensor yang dapat menyukat kelayuan dan arah tuju angin, suhu, humidity, arah tuju cahaya matahari dan hujan, manakala tambahan sensor antara lain akan dapat

mengetahui keadaan pencemaran udara.

"Adalah diharapkan peralatan-peralatan ini akan dapat membantu meningkatkan keupayaan Perkhidmatan Kajucaua di negara serta pada masa yang sama memberikan maklumat dan perkhidmatan kepada orang ramai," jelasnya.

Walaupun pada realitinya, kita tidak mungkin dapat mengelakkan terjadinya bencana alam, tetapi kita boleh berusaha mengurangkan kesannya yang serius kepada penduduk.

Sementara itu, ia juga membantu meringankan kesan (mitigating) menuruskannya kepada pengurangan kesan buruk bencana alam yang boleh meyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan penduduk dunia.

"Dalam hal ini saya penuh percaya, objektif ini boleh dicapai jika kita selaku negara ahli, meningkatkan dan tetap memfokus kepada komitmen kita seperti mana yang dituntut dalam konvensyen Pertubuhan Kajucaua Sedunia dan sebagai agensi kebangsaan bagi kaji cuaca dan hidrologi atau lebih dikenali sebagai 'National Meteorological and Hydrological Service (NMHS),' katanya.

Perkhidmatan Kajucaua Negara Brunei Darussalam tegasnya Yang Berhormat,



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang.

seharusnya dapat menyediakan maklumat kaji cuaca sama ada yang berupa ramalan, khidmat nasihat, amaran awal atau yang seumpamanya secara lebih bersistematis, teratur, efisien dan berkesan.

Justeru itu, Yang Berhormat menyarankan bahawa tanggungjawab bukan hanya tertumpu kepada perkhidmatan kaji cuaca sepenuhnya, malah juga merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan dan kerjasama padu serta komitmen daripada pihak lain sama ada pihak kerajaan mahupun swasta.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga merasmikan bangunan baru Perkhidmatan Kajucaua serta melancarkan SLAMAT dan Sistem AMEDAS selain melawat ke Pusat Data dan Maklumat Iklim.

Sistem AMEDAS meningkatkan penyediaan ramalan cuaca

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 23 Mac. - Sistem Menganalisa Data Kajucaua Automatik (AMEDAS) bertujuan memperkukuhkan kemampuan dan liputan perkhidmatan kajucaua negara dalam memantau keadaan cuaca sambil mempertingkatkan keberkesanan dalam penyediaan ramalan dan amaran cuaca.

Di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN8), projek-projek

SLAMAT dan AMEDAS telah diumumkan oleh Perkhidmatan Kajucaua Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam.

Secara amnya kedua-dua projek ini mempunyai objektif supaya pemantauan aktiviti kilat dan juga pemantauan cuaca di seluruh negara dapat dilakukan sepanjang masa.

Peraksanaan projek-projek ini akan memperkukuh-

kan kemampuan penyediaan perkhidmatan cuaca di negara ini melalui maklumat kilat dan cuaca yang terkini dari keempat-empat daerah termasuk dari beberapa kawasan pedalaman.

Pemasangan kemudahan ini juga bertujuan untuk mencapai dan mendukung Visi Kementerian Perhubungan 'Service Hub 2024' untuk mewujudkan sebuah industri pengangkutan dan komunikasi yang sentiasa berkembang dan berpanjangan.

Ia juga untuk menjadikan negara ini sebagai hub yang kompetitif, berkesan dan penting di rantau BIMP-EAGA dan seterusnya menyumbang dan mendukung Visi Negara 'Kesejahteraan Rakyat 2024' di mana penyediaan perkhidmatan kajucaua yang baik dan mantap akan dapat menyumbang kepada keamanan dan keselamatan nyawa dan harta-benda.

Peraksanaan projek AMEDAS melibatkan pemasangan di empat belas stesen automatik di seluruh negara iaitu empat di Brunei Muara, tiga di Tutong, empat di Belait dan tiga lagi di Temburong.

Dengan adanya rangkaian stesen automatik itu pemantauan yang berterusan dapat memberikan Perkhidmatan Kajucaua Negara Brunei Darussalam keupayaan untuk mengetahui perubahan dan pergerakan cuaca di seluruh negara sambil mengumpul data dan maklumat bagi kegunaan khidmat kaji iklim dan keahaman yang lebih mendalam mengenai cuaca dan iklim di negara ini.

SLAMAT beri khidmat di keempat daerah

BERAKAS, Khamis, 22 Mac. - Sistem Menganalisa Data, Memantau dan Mengesan Kilat atau (System for Lightning Data Acquisition, Monitoring and Tracking, SLAMAT) bertujuan untuk memperkukuhkan kemampuan dan liputan perkhidmatan kajucaua negara dalam memantau kejadian kilat yang boleh memberikan kesan buruk sama ada bagi penerbangan mahupun kepada pihak awam.

Rangkaian pengesan kilat SLAMAT mengandungi sebanyak lima stesen yang dipasang di keempat-empat daerah di negara ini.

Di setiap stesen SLAMAT, sensor-sensor yang berkemampuan mengesan dan mengasinkan caj-kej elektrik disebabkan kilat berserta alat Sistem Penunjuk Arah Global Global Positioning System, GPS telah pun dipasang.

Stesen-stesen ini dirancang

kaikan dengan menggunakan sambungan telekomunikasi 'leased-lines' yang dilanggan daripada Jabatan Telekom Brunei (JTB).

Kesemua data yang diterima daripada stesen-stesen ini diproses oleh 'central server' yang beroperasi secara 24 jam.

Pengesanan kilat akan membolehkan amaran awal dikeluarkan kepada pesawat-pesawat terbang selain pengumpulan data kilat dan penganalisannya akan meningkatkan keahaman Perkhidmatan Kajucaua Negara Brunei Darussalam menyedai khidmat amaran dan pemantauan ribut petir.

Lain-lain kegunaan pemantauan kilat adalah bagi khidmat nasihat dan amaran untuk pengurusan stesen janakuasa elektrik di mana kerosakan teruk daripada sembaran kilat yang menyebabkan 'black-outs' ataupun 'brown-outs' dapat dielakkan.

Tenaga manusia amat penting dalam pertahanan angkatan bersenjata

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

TUTONG, Jumaat, 24 Mac. - Teras sesebuah angkatan bersenjata itu bukanlah hanya terletak kepada keupayaan dan kemampuan dari segi kelengkapan serta peralatan sahaja tetapi faktor tenaga manusia termasuk segi kualiti dan kapisiti juga saling bergandingan dan sangat mustahak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini telah bertitah mengenai mustahaknya perkembangan sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran.

"Ke arah itu, baginda telah memperkenankan peruntukkan sebanyak \$250 juta untuk Program Perkembangan Sumber Tenaga Manusia," jelas Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Pengambilan Rekrut Lelaki Ke-129 terdiri seramai 171 orang di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), di sini.

Beliau melahirkan rasa gembira di atas usaha Kementerian Pertahanan dan ABDB di atas usaha memberi perhatian bagi meningkatkan kemahiran sumber tenaga manusia yang antaranya memperkenalkan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Biasiswa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

"Melalui biasiswa-biasiswa tersebut para penuntut Sekolah Pendidikan Pusat Latihan yang mempunyai keputusan cemerlang akan

berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi di luar negara," jelasnya.

Terdahulu, beliau menjelaskan upacara perbarisan sempena tamatnya latihan selaku anggota rekrut itu menjadi salah satu mercu tanda yang sangat mustahak dalam perjalanan sejarah hidup yang tamat latihan selaku rekrut ABDB serta mendatangkan kesan yang mendalam terhasap arah tuju kerjaya masing-masing di masa akan datang.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa cabaran hidup setiap anggota yang dihadapi tidak berakhir sekali pun sudah tamatnya proses latihan malah merupakan satu langkah awal dan titik tolak dalam kehidupan selaku anggota ABDB.

"Keadaan yang aman, tenteram dan selamat serta stabil setentunya tidak datang sendiri malah ia terhasil dengan wujudnya beberapa faktor utama yang mustahak dan perlu sentiasa dihayati termasuk pencapaian penubuhan ABDB Ke-45 pada 31 Mei 2006 nanti," ujarnya.

Pada usia tersebut, ABDB telah melangkah jauh dan boleh dianggap sebagai sebuah angkatan yang matang, dewasa dan berwibawa dalam menaati peranan serta melaksanakan tanggungjawab selaku tonggak dan benteng pertahanan, kestabilan dan keamanan negara.

Sebelum ini, ABDB telah memberi sumbangan yang amat bermakna apabila sama-sama berganding bahu dengan negara-negara dalam melaksanakan komitmen negara selaku anggota masyarakat antarabangsa

yang bertanggungjawab dan komited kepada keamanan dan kestabilan serantau.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berkata, kecemerlangan yang dicapai pada peringkat serantau dan antarabangsa itu tentu saja melibatkan komitmen dan persediaan yang padu, serta tahap moral dan disiplin yang tinggi di kalangan anggota-anggota berkenaan.

"Tidak dapat tidak, tahap moral dan disiplin yang tinggi itu bukan timbul secara bermusim atau berkala, atau berlangsung sesuatu majlis dan upacara sahaja, malah ianya sudah tentunya telah disemai dan diamalkan di sepanjang masa," jelas Dato Paduka.

Majlis berkenaan juga menyaksikan Jurulatih Terbaik diberikan kepada 12633 Koperal Eddiwn Shah; 17641 Rekrut Zunaiddi bin Tuah menjadi Penembak Terbaik Rifle M16 A2.

Tetamu kehormat juga menyampaikan hadiah Penembak Terbaik Heavy Barrel Automatic Rifle (HBAR) kepada 17645 Rekrut Mohd. Ikhwani bin Awang Ramlee; Latihan Jasmani Terbaik diterima oleh 17639 Rekrut Harun bin Awang Haji Osman dan rekrut Terbaik Keseluruhan diberikan kepada 17646 Rekrut Masruni bin Ismail.

Majlis berkenaan juga menyaksikan penyampaian Lencana Pangkat perlatihan enam orang bakal Pegawai Kadet Lelaki kepada 1729 Rekrut Awang Muhd. Ashady; 17621 Rekrut Mohd. Hamerolazmi; 17622 Rekrut Muhd. Nur Aidi; 17624 Rekrut Ron Armadi dan 17626 Rekrut Awangku Baharuddin bin Pengiran Haji Ali yang disempurnakan oleh Pemerintah ABDB.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail.



SEBAHAGIAN para peserta Seminar Mesyuarat Lembaga Persatuan Keselamatan Sosial Pra-ASEAN ASSA yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, The Mall Gadong (atas).

PARA peserta seminar mendengar penerangan (bawah).



ASSA bincang dana dan pelaburan

GADONG, Rabu, 8 Mac. - Pemangku Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman berkata, hilangnya budaya ke-

keluarga, meningkatnya jangka hayat, proses pembangunan bandar dan perubahan sebilangan penduduk yang dulunya berkerja sendiri kepada bekerja makan gaji merupakan antara faktor yang menyebabkan sistem perlindungan ekonomi itu semakin tidak lagi berfungsi.

Katanya, keluarga merupakan sumber perlindungan ekonomi kepada ahli-ahlinya terutama mereka yang sudah berumur kerana setiap ahli keluarga bertanggungjawab antara satu dengan yang lain.

Beliau menambah, globalisasi bukan hanya memberi tekanan dalaman yang perlu diterima oleh masyarakat tetapi juga cabaran dan tuntutan yang mesti dihadapi.

"Semua ini merubah persamaan, mutu dan menimbulkan persoalan sama ada sistem sosial, ekonomi, politik serta proses dan peluang-peluang yang menjadi asas dalam memberikan perlindungan kepada manusia itu masih relevan," jelasnya pada Seminar Mesyuarat Lembaga Persatuan Keselamatan Sosial Pra-ASEAN (ASSA) di sini.

Bagaimanapun beliau percaya perkembangan sosial dewasa ini akan merubah jaringan perlindungan tradisi di semua peringkat negara, masyarakat dan keluarga.

Lima orang penceramah telah membentangkan kertas kerja untuk menangani pelbagai topik mengenai sistem dana pencen kepada strategi-strategi pelaburan.

Para peserta seminar juga berkongsi pengalaman dalam menangani Skim-skim Perlindungan Sosial dan Tabung Penjimat Mandatori.

ASSA merupakan kerjasama dalam bidang sekuriti sosial di ASEAN sebagai usaha untuk menaikkan pembangunan sekuriti sosial melalui pertukaran pandangan dan pengalaman di antara ahli-ahlinya.

TAP Negara Brunei Darussalam merupakan ahli ASSA Ke-7.

PEMBANGUNAN

'Combined cycle' siap tahun depan

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

TUTONG, Rabu, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam bakal mempunyai janakuasa elektrik berkonsepkan 'combined cycle' pertama yang dijangka siap pada 30 Jun tahun depan.

Projek menelan belanja sekitar B\$ 161.4 juta menurut kadar pertukaran matawang SAS pada tahun lalu itu bertujuan menambah kapasiti penjana sistem bekalan tenaga elektrik di negara ini berikutan permintaan bekalan yang meningkat di tahun akan datang.

Perlaksanaan projek tersebut diharatkan bagi memastikan 'firm generation capacity' berada di situasi yang terjamin dan stabil bagi beberapa tahun akan datang tertakluk kepada kadar pertumbuhan permintaan.

Projek itu juga diharap akan dapat memberikan lebih fleksibiliti kepada jabatan berkenaan untuk

mengendalikan kerja-kerja pemeliharaan dan operasi khususnya bagi sistem penjana.

Sehubungan pembinaan projek tersebut Majlis Perletakan Batu Asas telah dilaksanakan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

Tapak pembinaan projek yang terletak di Kampong Bukit Pangkal ini mempunyai keluasan 75 ekar dan merupakan pelaksanaan projek fasa 1.

Projek ini juga diharatkan berperanan sebagai sistem penjana utama yang akan menjadi nadi penting bagi keseluruhan sistem penjana di negara ini dengan kadar penjana 116.2 MW (net site output) bagi projek fasa 1 yang mampu menghasilkan kecekapan setinggi 47.1 peratus.



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menuang simen ke atas tapak projek janakuasa elektrik. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Stesen penjana 'combined cycle' fasa 1 menggunakan konfigurasi 2:2:1 dilengkapi dua buah jentera gas turbin yang

dibekalkan dari Amerika Syarikat, dua buah 'heat recovery steam generator' dan sebuah jentera 'steam turbine'.

Empangan Ulu Tutong siap 2009

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 22 Mac. - Negara Brunei akan mempunyai sumber air mentah baru apabila Empangan Ulu Tutong yang kini masih dalam pembinaan akan siap pada tahun 2009. Empangan tersebut telah dikenal pasti boleh menghasilkan air sebanyak 100 juta liter padu air.

Bagi pembinaan empangan ini, kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang bukan sedikit demi untuk membekalkan air yang bersih dan selamat untuk kegunaan rakyat dan penduduk negara ini.

Memandangkan kepada usaha kerajaan itu, kita di negara ini perlulah menghargai dan menggunakan air dengan bijak dan berhemat, tegas Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan, Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussein ketika melancarkan Hari Air Sedunia 2006 yang berlangsung di Kementerian Pembangunan, di sini.

Menurut Dato Paduka, memandangkan kepada penggunaan air di Negara Brunei Darussalam adalah paling tinggi di rantau ini iaitu dengan anggaran sebanyak 450 liter setiap orang dalam sehari berbanding dengan negara-negara jiran yang hanya menggunakan kurang dari 200 liter setiap orang sehari, kita perlu menggunakan bekalan air dengan bijak serta mengamalkan sifat berhemat cermat dengan tidak membazir dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti harian.

Dengan yang demikian, jelas Dato Paduka, para pengguna perlu sentiasa membudayakan diri bukan saja terhad kepada penjimatan penggunaan bekalan air, malah perlu memperluaskan pengetahuan dan mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan menjaga ekosistem kawasan-kawasan sungai dan tadahan air supaya tidak dicemar oleh aktiviti harian kita mahupun pihak-pihak yang berkepentingan dalam me-

majukan sosioekonomi individu dan negara.

Menurutnya lagi, penghasilan bekalan air bersih di negara ini sejak 10 tahun kebelakangan telah meningkat sebanyak 43 peratus dari 277 juta liter sehari di tahun 1996 kepada 395 juta liter sehari pada tahun ini.

Sehubungan dengan itu beberapa projek bekalan air sedang giat dalam proses pembinaan dan akan dijangka siap pada tahun depan termasuk Loji Rawatan Air di Sungai Liang Daerah Belait yang boleh menghasilkan air bersih sebanyak 36 juta liter sehari, Loji Rawatan Air Daerah Temburong (lima juta liter sehari), sementara Loji Rawatan Air Bukit Barun, Daerah Tutong juga boleh menghasilkan air bersih sebanyak 60 juta liter sehari.

Rakyat dan penduduk di negara ini sangat beruntung kerana mempunyai sumber bekalan air yang mencukupi bagi keperluan masa ini dan akan datang di mana sumber bekalan air di negara ini bergantung daripada sungai-sungai yang meliputi sepanjang 3,425 kilometer.

Hampir 77 peratus pengambilan air sungai digunakan bagi keperluan domestik dan komersil, sementara 18 peratus lagi adalah bagi kegunaan industri minyak dan gas serta pertanian.

Timbalan Menteri Pembangunan menjelaskan, sumber yang dinikmati oleh hampir keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini adalah dirancang, diperkembang dan diuruskan selaras dengan 'World Health Organization Guideline For Drinking Water Quality'.

Sehingga kini menurut Dato Paduka, sejumlah 99.9 peratus penduduk negara ini yang melebihi 370,000 orang telah dibekalkan dengan air yang bersih dan selamat digunakan termasuk penduduk pedalaman.

Berdasarkan kenyataan



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd. Hussein menyampaikan hadiah kepada wakil pemenang rawatan air terbaik yang disandang oleh Loji Air Tasek. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

United Nations World Water Development Report Ke-2 yang disampaikan di Forum Air Sedunia Ke-4 di Mexico telah memfokuskan kepada kepentingan pentadbiran dalam pengurusan sumber-sumber air.

Kenyataan itu menjelaskan, menurut Timbalan Menteri Pembangunan, bahawa sumber air di dunia ini adalah mencukupi tetapi pengurusan yang tidak sempurna, kepakaran dan sumber kewangan yang terhad serta perubahan alam sekitar yang tidak menentu telah mengakibatkan 20 peratus penduduk dunia masih tidak mendapat bekalan air yang bersih dan selamat.

Dari itu promosi-promosi kefahaman terhadap 'Living In Harmony With Water' perlu dipergiatkan dalam menjaga kepentingan jangka panjang dan generasi akan datang agar mereka dapat menikmati kesejahteraan dan keharmonian seperti apa yang dinikmati hari ini.

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Salleh bin Haji Matussin di majlis itu berkata bahawa perkembangan ekonomi sese-

buah negara juga bergantung kepada kecekapan sistem pengangkutan air di mana secara keseluruhan, kehidupan harian kita bergantung dan dipengaruhi oleh air.

"Kepentingan air adalah sangat mutlak. Ia merupakan milik bersama yang sangat berharga. Tetapi pada tahun kebelakangan ini, isu-isu air semakin diabaikan oleh orang ramai," ujarnya.

Beliau menyeru semua pihak supaya bersama-sama berusaha memelihara air yang merupakan aset dan anugerah Allah Subhanahu Wataala yang berharga akan dapat dinikmati dengan mudah dan selamat untuk digunakan oleh kita semua, di samping untuk generasi akan datang.

Pada majlis itu, Timbalan Menteri Pembangunan telah menyampaikan hadiah kepada Loji Rawatan Air Terbaik kepada Loji Air Tasek, Loji Air Layong dan Loji Air Mengkabau yang masing-masing dipilih pemenang pertama, kedua dan ketiga.

Sambutan Hari Air Sedunia tahun ini bertema Air dan Budaya (Water and Culture).



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan para tetamu semasa hadir di majlis tersebut. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

e-IMMS bantu pemeliharaan

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

RIMBA, Sabtu, 11 Mac. - Lima resolusi telah dibentangkan dari Seminar Cabaran dan Kesedaran Pemeliharaan Bangunan-bangunan Kerajaan Tahun 2004 yang dikenal pasti akan dapat dijadikan panduan oleh jabatan-jabatan dalam menangani kerja-kerja pemeliharaan bangunan-bangunan kerajaan ke arah pelaksanaan yang lebih efisien dan berkesan.

Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Mohammad Zin berkata, di antara resolusi itu telah menjelaskan perlunya Kementerian dan jabatan membentuk unit organisasi pemeliharaan khusus bagi mengendali dan mengurus bidang pemeliharaan, pembaikan serta pemeliharaan persekitarannya supaya pe-

gawai dan kakitangan yang mengendalikan unit atau bahagian berkenaan diberi latihan yang berterusan dalam bidang teknikal yang bersesuaian sehingga ke tahap profesional.

"Dalam jangka panjang, jabatan telah merancang satu sistem pemeliharaan maklumat berkomputer e-IMMS yang boleh membantu bidang pemeliharaan secara berperancangan dengan lebih baik dan berkesan yang mana sistem tersebut diselenggarakan dengan e-kerajaan," jelasnya di Majlis Jerayawara Pemeliharaan Bangunan-bangunan Kerajaan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad

melancarkan perasmian jerayawara itu di Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Sempena majlis itu, satu Penandatanganan Memorandum Penyerahan Kerja-kerja Pemeliharaan Bangunan-bangunan Kerajaan telah ditandatangani oleh Pemangku Setiausaha Tetap JPM, bersama Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya. Memorandum berkenaan akan membolehkan JKR memberi khidmat nasihat dan bantuan kepada semua Kementerian dalam penyediaan anggaran peruntukan pemeliharaan bangunan yang berperancangan dan menghadapkan permohonan belanjawan kepada Kementerian Kewangan.

Agensi kerajaan perlu memberiga program pembangunan

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BERAKAS, Sabtu, 25 Mac. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria berkata, kerajaan bukan saja melaksanakan projek atau program bagi kesejahteraan rakyat tetapi juga perlu sentiasa memberigakan atau menjelaskan program masing-masing kepada rakyat dan penduduk di negara ini untuk membolehkan mereka memberikan pandangan dan ikut serta dalam membangun negara.

Beliau menekankan perkara tersebut pada Majlis Maklum Balas Isu-isu Hari Penerangan Mukim Kota Batu Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

Hadir pada majlis itu ialah Yang Berhormat Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Ibrahim, Penghulu Mukim Kota Batu, ketua-ketua jabatan, Ketua-ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis-majlis Perundingan Kampung dan Mukim Kota Batu.

Awang Haji Amer berkata, Perjumpaan Penerangan yang diungayakkan oleh jabatan ini merupakan forum yang positif ke arah penglibatan rakyat dalam pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat di mana ia akan diteruskan serta dikembangkan di masa yang akan datang.

Majlis pagi itu bertujuan untuk membolehkan pihak kerajaan menyampaikan ulasan-ulasan mengenai isu-isu yang dibangkitkan semasa Majlis Hari Penerangan, di samping membolehkan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, Ketua-ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dan Mukim yang hadir sama-sama membincangkan dan memberikan pandangan bagi tujuan pembangunan serta kesejahteraan penduduk Mukim Kota Batu.

Juga turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan kerajaan, para Penghulu, Ketua Kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung ketika hadir di Majlis Maklum Balas Isu-isu Hari Penerangan Mukim Kota Batu Daerah Brunei dan Muara. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

SUKAN



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi melancarkan acara Walkaton Bertaja. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.



PESERTA lelaki yang menyertai acara Walkaton Bertaja berjalan sejauh empat kilometer, manakala peserta wanita berjalan sejauh 3.5 kilometer. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Lebih 100 peserta sertai Walkaton Bertaja

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mac. - Lebih 100 kakitangan Kementerian Kesihatan menyertai Walkaton Bertaja bersama keluarga mereka di kawasan letak kereta Kementerian Kesihatan di sini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman melancarkan acara Walkaton Bertaja anjuran Persatuan Saintis Makmal Perubatan Brunei Darussalam (BAMLS) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Acara bermula dengan senamrobik yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Khalid As'hari bin Haji

Azahari yang diikuti walkaton sejauh 3.5 kilometer bagi peserta wanita dan empat kilometer bagi peserta lelaki yang bermula dan berakhir di Kementerian Kesihatan.

Selain cabutan tiket bertuah, penyampaian hadiah kepada lima pemenang utama yang mengutip derma walkaton tertinggi juga diadakan dalam acara tersebut.

Sementara itu beberapa acara sampingan termasuk sukan ria untuk pegawai, kakitangan dan anggota keluarga juga diadakan pada majlis itu, manakala bazar dan jualan 'booth' kereta yang menjual beraneka barangan juga diadakan sehingga waktu petang.

JPM menjuarai temasya sukan antara kementerian

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 19 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) muncul sebagai juara di Kejohanan Sukan Kementerian-kementerian 2005 / 2006 setelah memperolehi 22 pingat emas, 22 perak dan 13 gangsa.

Sementara tempat kedua Kementerian Pertahanan apabila berjaya mengutip 19 pingat emas, 19 perak dan 15 gangsa, manakala tempat ketiga disandang oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam

Negeri yang mengutip 12 pingat emas, 10 perak dan 13 gangsa.

Hadir menyempurnakan Majlis Penyampaian Hadiah dan Penutup Kejohanan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Kejohanan yang berlangsung selama seminggu menentang empat jenis sukan yang dipilih bagi penyertaan pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertujuan untuk melahirkan gaya hidup bangsa Brunei yang sihat dan cergas serta menanam semangat perpaduan dengan kerjasama di kalangan kementerian, di samping mencungkil bakat dan meningkatkan mutu sukan khususnya di peringkat belia yang mempunyai potensi untuk menjadi ahli sukan negara.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan piala kepada wakil pasukan Kementerian Pertahanan yang menduduki tempat kedua dengan mengumpul 19 pingat emas, 19 perak dan 15 gangsa (kiri). - Foto: Masri Osman.

Kedudukan keseluruhan pingat-pingat pada Temasya Sukan Antara Kementerian-kementerian 2005 - 2006

Pasukan	Emas	Perak	Gangsa
Jabatan Perdana Menteri	22	22	13
Kementerian Pertahanan	19	19	15
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	12	10	13

Pemain golf wanita Brunei julang Piala Cabaran Golf Ke-8

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 22 Mac. - Pasukan Golf Wanita negara ini buat pertama kalinya menjulang Piala Cabaran Golf Wanita Brunei Ke-8 selepas mengalahkan sembilan pasukan yang lain setelah mengumpul mata nett 548 keseluruhan.

Pasukan negara terdiri daripada Hajah Rusni Lamat, Hajah Azizah Haji Ahmad, Ok Yong Oh dan Joan Chin. Mereka adalah terdiri dari 27 pemain golf wanita Brunei menyertai kejohanan dua hari yang diadakan di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei di sini.

Tempat kedua ialah Kelab Golf Bintulu dengan memperolehi nett 586 mata dan di tempat ketiga, Sabah Golf and Country Club dengan mengumpul net 592 mata.

Sementara itu dalam kategori perseorangan pemenangnya ialah Alice Tay juga dari Negara Brunei Darussalam dengan 128 mata; kedua, Rahima Orchient dengan mengumpul 134 mata dan ketiga, Peggy Sia 135 mata.

Manakala dalam kategori gross, pertama juga dari Negara Brunei Darussalam, Valerie Tan dengan memperolehi 149 mata;



DATIN Hajah Masnah binti Haji Tuah, isteri Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang Kejohanan Golf Wanita Brunei Ke-8 merebut Piala Cabaran yang berlangsung di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

kedua, Diane Luk 153 dan ketiga, Rokiah Daud mengumpul 154 mata.

Menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Datin Hajah Masnah binti Haji Tuah, isteri Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Kejohanan itu dianjurkan oleh para pemain golf wanita Kelab Golf Pantai Mentiri dengan tujuan mengeratkan silaturahim di kalangan pemain, selain untuk meningkatkan mutu sukan golf bagi para pemain golf.

Sementara itu semalam para pemain golf wanita diberikan dengan Majlis Makan Malam oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,


Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat berlangsung di sebuah hotel di Berakas.

Kejohanan dua hari itu disertai oleh kira-kira 100 orang pemain golf wanita dari 10 buah pasukan, masing-masing dari Kelab Golf Miri, Eastwood Valley, Kelab Golf Bintulu, Kelab Golf Labuan, Pantai Mentiri Kelab Golf, Sabah Golf and Country Club, Kelab Golf Tawau, Sutera Harbour Golf and Country Club, Kelab Golf Kinabalu dan Kelab Golf Keningau.

Tahun depan kejohanan serupa akan diadakan di Sabah, Malaysia.



JUARA ... JPM muncul juara keseluruhan setelah berjaya merangkul sejumlah 22 pingat emas, 22 perak dan 13 gangsa. - Foto: Masri Osman.



Seluruh juara Kejohanan Bola Sepak Belia Putat

PUTAT, Ahad, 26 Mac. - Pasukan Salurah menjuarai Kejohanan Bola Sepak Tujuh Orang Sepasukan setelah menewaskan Pasukan Pengkalan Balas dengan jaringan tiga gol tanpa balas.

Ketiga disandang oleh Pasukan Pengkalan Tinggi selepas menundukkan Pasukan Paluk, dua gol berbalas satu.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Ketua Kampong Putat, Awang Haji Sani bin Akim selaku tetamu kehormat.

Pasukan-pasukan yang bertanding di peringkat saringan pada 19 Mac lepas terdiri daripada Pasukan Salurah, Pengkalan Batang, Pengkalan Tinggi, Paluk, Naribong dan Bukit Kawah.

Kejohanan tersebut merupakan salah satu aktiviti sukan yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Badan Sukan dan Pembangunan Belia Majlis Perundingan Kampong Putat untuk menggalakkan para belia mengamalkan cara hidup sihat.



PASUKAN Salurah juara Kejohanan Bola Sepak Belia Tujuh Orang Sepasukan.

Sertai Jalan Amal

Oleh Zabaidah Haji Salat

zabaidah.salat@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 2 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi melan- carkan dan seterusnya menyertai Jalan Amal (Charity Walk) anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kebangkitan tiba baginda di Padang 1, Polo Club Jerudong telah dijun- jung dan dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Di- muliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jailani.

Jalan Amal adalah seba- gai salah satu aktiviti amal bagi mengutip derma bagi Tabung Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim dan untuk pelbagai tabung kebajikan di negara ini, di samping bagi menggalak- kan orang ramai menga- malkan cara hidup sihat bersempena dengan Sam- butan Hari Polis Ke-85 Tahun Pasukan Polis Diraja Brunei.

Berangkat sama me- nyertai Jalan Amal ialah

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sebelum memulakan Jalan Amal, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan pu- tra-putera baginda ber- kenan menyertai senaman memanaskan badan selama kira-kira 15 minit di bawah pimpinan ASP Haji Mohd. Noor bin Haji Sarbini.

Kemudiannya baginda dan putera-putera baginda dengan diiringi oleh Pe- suruhjaya Polis dan Tim- balan Pesuruhjaya Polis me- mulakan Jalan Amal sejauh enam kilometer yang be- mula jam 8.00 pagi dan be- akhir kira-kira sejam kemu- dian dari Padang 1, Polo Club Jerudong menuju sek- tar kawasan Jalan Taman Permainan Jerudong Park. Manakala peserta wanita berjalan sejauh 3.5 kilome- ter bermula dan berakhir di tempat yang sama.

Jalan Amal yang diser- tai lebih 2,000 orang terma-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyertai Jalan Amal anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei bersama lebih 2,000 peserta. Gambar atas, baginda bersama putera-putera baginda dan lain-lain peserta ketika melalui Jalan Taman Permainan Jerudong Park. Jalan Amal tersebut diadakan sempena Sambutan Hari Polis Ke-85 Tahun. - Foto: Pengiran Haji Bahar Pg. Haji Omar.

suk Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dari beberapa buah kementerian, Setia- usaha-setiausaha Tetap Ja- batan Perdana Menteri, Pasukan Polis Diraja Brunei bersama keluarga, Pasukan Angkatan Ber- senjata Diraja Brunei (ABDB), agensi-agensi penguat kuasa undang-un- dang seperti Jabatan Imi- gresen dan Jabatan Pen- gangkutan Darat, pihak swasta dan pengawasan ke- jiranan kampung serta orang ramai.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman berkenan menyaksikan Pertunjukan Kebudayaan Republik Rakyat China yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto: Harun Haji Rashid. (Berita lanjut akan disiarkan keluaran PELITA BRUNEI minggu hadapan).

Dari muka 1

Beberapa perkhidmatan utama disediakan di hospital itu termasuk perkhidmatan pesakit luar, kecemasan dan kecemasan, obsetetrik dan ginekoloji, pergigian dan per- khidmatan pembedahan mata yang diperkenalkan hampir empat tahun lalu. Pusat Ku- arantin dan rawatan jika berlaku wabak penyakit sele- sema burung di negara ini, dua buah wad pengasingan yang mengikut piawaian antara- bangsa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) di- tempatkan di hospital berke- naan.

Dari sana baginda berke- nan melawat ke Sekolah Me- nengah Suffi Bolkiah. Sekolah berkenaan ditubuhkan pada

tahun 1967 dengan nama Sekolah Persediaan Ingeris Maktab Anthony Abell Cawa- nangan Tutong. Bangunannya terletak di Sekolah Rendah Muda Hashim. Dua tahun ke- mudian sekolah itu dipisahkan dari Maktab Anthony Abell dan diberi nama Sekolah In- geris Tutong.

Pada tahun 1971 sekolah berkenaan memiliki bangun- anyanya sendiri (yang ada seka- rang) dengan mengekalkan nama Sekolah Ingeris Tutong namun pada tahun berikutnya apabila sekolah tersebut di- buka rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Suffi Bolkiah ianya ditukar nama menjadi Sekolah Ingeris Suffi Bol- kiah dan sekali lagi pada tahun 1985 sekolah itu ditukar

namanya yang ada sekarang.

Sekolah tersebut mula di- jadikan sebagai sebuah seko- lah berasaskan pada tahun 1998 iaitu dengan menerima kemasukan pelajar perempuan sahaja. Dengan misi sekolah 'memaksimumkan keupayaan penuntut melalui pengajaran dan pembelajaran yang berke- san sejajar dengan aspirasi negara' sekolah itu menun- jukkan pencapaian peperiksa- an tiga tahun kebelakangan. Pada tahun 2003 keputusan PMB 65.73 peratus meningkat pada tahun 2004 iaitu 82.94 peratus dan 85.45 peratus pada tahun lalu begitu juga BGCE Peringkat O pada tahun 2002 pencapaiannya 83.44 peratus meningkat pada tahun berikut- nya 86.58 peratus dan 86.39 peratus pada tahun 2004.

Industri telekomunikasi dan ICT meningkat

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 1 April. - Menteri Perhubu- ngan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng berkata, sektor telekomunikasi dan teknologi infokomunikasi (ICT) dalam pertum- buhan ekonomi negara agak signifikan kerana saiz industri itu secara keseluruhan telah me- lebih B\$300 juta dengan purata peningkatan ta- hunan sebanyak 10 pe- ratus.

"Pendapatan sektor tele- kom sahaja dalam dua tahun kebelakangan ini telah men-jangkau hampir B\$100 juta setahun, diharapkan peng- korporatan Jabatan Telekom Brunei akan dapat meng- galakkan lagi pertumbuhan pesat industri telekomu- nikasi dan ICT serta dapat pula menarik banyak pe- labur luar untuk bergiat sama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara," jelasnya.

Katanya, dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8), sek-

tor telekomunikasi dan ICT juga telah mencatat ke- majuan yang ketara ter- utamanya dalam pertum- buhan pelangan.

"Jumlah pertumbuhan bagi pemasangan telefon di rumah-rumah (fixed line) adalah mengagumkan de- ngan kadar pencapaian 99 peratus sementara lebih 50 peratus bagi telefon ber- gerak," tambahnya.

Bagaimanapun, jelas- nya, taraf penggunaan inter- net di negara ini masih belum menggalakkan lagi dan masih di tahap yang rendah.

Yang Berhormat men- dedahkan pencapaian itu ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Pengkor- poratan Jabatan Telekom Brunei (JTB) menjadi Tele- kom Brunei Berhad (TelBru), di Pusat Persida- ngan Antarabangsa (ICC).

Katanya, dengan ter- tubuhnya TelBru, segala kerja-kerja pengawalseliaan dan perlesenan perkhidmat- an-perkhidmatan telekomu- nikasi dan ICT di negara ini akan dikendalikan sepenuh- nya oleh Pihak Berkuasa

Industri Infokomunikasi Teknologi Negara Brunei Darussalam (AiTi).

Oleh yang demikian, jelasnya, pengkorporatan JTB ini selaras dengan has- rat kerajaan untuk memper- kukuh dan memperkesan- kan lagi peranan sektor swasta.

"Kita berharap pengkor- poratan TelBru akan mem- berikan kebaikan kepada pengguna-pengguna dan juga membuka peluang untuk meningkatkan kualiti serta keupayaan inovasi melalui penyediaan produk dengan harga yang lebih kompetitif," ujarnya.

Ini katanya, industri telekomunikasi dapat diang- gap sebagai salah satu pe- rintis (forerunner) bagi pembangunan negara yang mana hasil daripada kema- juan sektor ini diharap akan dapat merangsang lagi pem- bangunan dan kemajuan di dalam sektor-sektor yang lain.

Dalam hal itu, ujar Yang Berhormat, kita juga akan mengalami perubahan struktur di mana pelong- garan peraturan dan libera-

lisasi sektor telekomunikasi akan giat dilaksanakan bagi memastikan pengurusan yang lebih cekap, pening- katan kemudahan dan per- khidmatan bagi memenuhi permintaan yang kian me- ningkat serta membolehkan lebih ramai penduduk me- nikmati perkhidmatan seja- rang dengan perubahan tek- nologi yang pesat.

TelBru ditubuh dan di- daftarkan pada Mei 2002 di bawah Akta Syarikat-sya- rikat dimiliki oleh 'Prime Minister Corporation' (pe- milik golden share) bersama Brooketon Sendirian Ber- had.

Langkah awal penubuh- an TelBru ialah untuk me- nangani isu-isu penting dan membuat persediaan awal bagi pemindahan aset dan kakitangan di mana bebe- rapa langkah telah disusun di dalam persediaan peng- korporatan seperti skim per- khidmatan kakitangan, pe- lan perniagaan, menilai se- mula aset yang akan di- pindahkan, sistem peng- urusan kakitangan dan ta- tacara kewangan. (Berita lanjut muka 6).

Dari muka 1

YTM menambah sabda, ia bukan sahaja menjejaskan masa depan diri beliau sendiri dan keluarga tetapi juga kepada negara secara amnya di mana golongan ini memerlukan pendekatan yang positif, di samping berbentuk inovatif bagi menarik per-hatian mereka.

Menyentuh penerbitan Drama Bersiri Pendidikan Anti Rasuah KOD 486 Musim Kedua yang diunkayahkan oleh Biro Mencegah Rasuah dan melibatkan lebih ramai remaja berbanding pada siri sebelumnya, YTM menyifatkannya se- bagai salah satu petanda baik di mana penglibatan belia-belia remaja dalam projek drama itu membuktikan bahawa mereka adalah golongan masyarakat yang mudah dibawa bersama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang ber- kebajikan.

Projek serupa ini, sabda YTM, harus dicontohi oleh semua pihak sebagai wadah untuk melibatkan para belia remaja selain sebagai pendidikan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai kesan ancaman rasuah di negara ini.



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahman ketika berseabda di Majlis Pelancaran Drama KOD 486 Musim Kedua. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

مٹھایتی اسلام دالم مقترتیگتکن دای سایغ بقسا
MENGHAYATI ISLAM DALAM MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA

دتریتکن اوله جیائن فرائغن، جیائن فردان منقری دان دجیتن اوله جیائن فرچیتتن کراجان، جیائن فردان منقری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans
991

Polis
993

Bomba & Penyelamat
995

Mencari & Menyelamat
998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air
140

Talian Kebajikan
141

Elektrik
144

Maklumat Penerbangan
2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)
2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

Sempena Hari Perhutanan Sedunia:

78 peratus tanah diselubungi hutan

Oleh Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

SUNGAI LIANG, Selasa, 21 Mac. - Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berkata, kekayaan khazanah hutan negara ini patut menjadi kebanggaan kita di mana 78 peratus dari permukaan tanahnya masih lagi diselubungi oleh hutan rimba tropika dan tertinggi di Benua Asia.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah berucap demikian di Majlis Pelancaran Hari Perhutanan Sedunia 2006 di Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang di sini.

Yang Mulia menjelaskan, kawasan hutan di negara ini termasuk Taman Negara Ulu Temburong dan Ulu Belait dikenal pasti oleh Tabung Hidupan Liar

Dunia 'World Wildlife Fund (WWF)' sebagai kawasan Pusat Borneo.

"Ini adalah satu pendekatan dan pengiktirafan antarabangsa bagi mengentengkan kekayaan sumber biodiversiti hutan negara dalam Joint Project 'Heart of Borneo' bersama jiran-jiran kitani Kalimantan, Sarawak dan Sabah," ujar Yang Mulia.

Yang Mulia menjelaskan, hasrat Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk bekerjasama dengan WWF ialah bagi menarik minat pelabur asing langsung dalam menjana faedah sosio-ekonomi dan pembangunan di kawasan pedalaman dan alam sekitar melalui pakej industri ekopelancongan

dan pada masa yang sama menjamin sumber air di masa hadapan.

Beliau menambah, melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-9, kementerian akan membuka peluang untuk sektor swasta tempatan menceburkan diri dalam sektor perhutanan dan pelancongan.

Yang Mulia menjelaskan, beberapa projek dirancang di bawah program jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini dan diharapkan akan lebih memacu lagi kepesatan aktiviti perekonomian di negara ini seterusnya akan mengembangkan lagi sektor hiliran seperti memproses kayu-kayuan yang kebanyakannya melibatkan sektor swasta tempatan yang berkebolehan.

Dato Paduka juga memaklumkan, satu inisiatif bagi menjamin keberkesanan perancangan pentadbiran dan perancangan sumber hutan negara sedang berjalan lancar di mana pengubalan Akta Perhutanan Penggal 46 sedang dalam proses terakhir dengan bantuan Pejabat Peguam Negara.

"Dengan adanya akta yang baru digubal ini, yang selaras dengan kehendak semasa serta cabaran dan peluang masa kini dan akan datang, akan dapat memberikan asas perundangan yang jitu, demi kesejahteraan kehidupan orang awam di negara ini terutama dalam mengimbangi kemajuan pesat negara ini," kata Yang Mulia.

Taman Rekreasi Hutan

Sungai Liang terpilih sebagai lokasi pelancaran Hari Perhutanan Sedunia 2006 hari ini.

Tema sambutan tahun ini, 'Hutan Kekal, Sumber Air Terjamin' antara lain memfokuskan kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya melindungi ekosistem hutan yang mudah rosak dan terhakis serta yang paling penting melindungi hutan tadahan air bagi sumber air bersih negara.

Hari Perhutanan Sedunia diraikan setiap tahun di seluruh dunia sebagai memperingati peranan penting yang dimainkan oleh hutan dalam kehidupan mencakupi kepentingan sosial, ekonomi dan alam sekitar dan Negara Brunei Darussalam menyambutnya pada setiap 21 Mac.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Haji Shahril bin Haji Shahbudin dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, tema tahun ini dipilih oleh Jabatan Perhutanan sesuai dengan keadaan dunia yang semakin hanyut dibawa arus dan gelombang pembangunan pesat, di samping mengetengahkan sebahagian fungsi utama hutan kepada kehidupan masyarakat seharian.

Menurutnya, Sambutan Hari Perhutanan turut dimeriahkan dengan mengadakan beberapa aktiviti susulan seperti Cabaran Bukit Shahbandar 2006, Perkhemahan Alam Semula Jadi, acara memancing di kolam Taman Rekreasi Hutan membabitkan penyertaan orang awam.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah ketika melancarkan Hari Perhutanan Sedunia 2006 di Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang.

Sejurus selepas melancarkan majlis, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah dan jemputan yang hadir merentasi denai

Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang sambil menyaksikan Pameran Kebudayaan Tradisi yang berasaskan sumber hutan.

HARI Perhutanan Sedunia
diraikan setiap tahun di seluruh dunia sebagai memperingati peranan penting yang dimainkan oleh hutan dalam kehidupan mencakupi kepentingan sosial, ekonomi dan alam sekitar dan Negara Brunei Darussalam menyambutnya pada setiap 21 Mac.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah ketika menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada seorang peserta Peraduan Mencipta Logo.



PEMANGKU Pengarah Perhutanan, Awang Haji Shahril bin Haji Shahbudin ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Pelancaran Hari Perhutanan Sedunia 2006 di Taman Rekreasi Hutan Sungai Liang.



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika menyaksikan Pameran Tongkat di Majlis Pelancaran Hari Perhutanan Sedunia 2006.

Mengatasi sakit belakang

SAKIT belakang merupakan masalah yang kerap dialami oleh ramai orang. Terdapat banyak penyakit sakit belakang. Di antaranya:

- * Postur atau kedudukan badan yang tidak betul;

- * Otot yang tidak kuat dan mudah mendapat tekanan apabila melakukan pergerakan secara berlebihan;

- * Terdapat masalah pada tulang belakang seperti rapuh atau 'osteoporosis';

- * Bagi wanita, kadang kala disebabkan oleh datang haid;

- * Berat badan yang berlebihan;

- * Duduk atau berdiri dalam satu posisi terlalu lama;

- * Mengangkat barang yang terlalu berat.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL

Untuk menghindari sakit belakang, awda dinasihatkan supaya:

- * Memastikan postur atau kedudukan badan yang betul;

- * Elakkan dari berdiri terlalu lama. Apabila berdiri, pastikan belakang awda lurus;

- * Duduk dengan bahagian belakang yang lurus.

- * 'sit ups' atau 'crunches' juga boleh membantu menguatkan bahagian belakang awda;

- * Selalu lakukan senaman yang ringan yang



Sumbangan Bahagian Perhubungan Awam Kementerian Kesihatan

Jika perlu, letakkan bantal kecil di bahagian belakang jika kerusi awda tidak mempunyai tempat sandaran yang elok.

Melibatkan diri dengan bersenam

- * Senaman boleh menguatkan otot bahagian belakang. Awda boleh berenang, berbasikal atau berjalan kaki;

- * Senaman yang menguatkan otot perut seper-

tidak terlalu menegangkan otot seperti berjalan kaki, berenang dan sebagainya.

Mengelakkan dari melakukan pergerakan yang menyebabkan sakit pada bahagian belakang:

- * Jika awda perlu berdiri atau duduk untuk masa yang agak lama, tukar posisi awda sekali sekala;

- * Angkat barang de-



ngan cara yang betul. Jangan membongkok apabila hendak mengambil barang dari atas lantai. Sebaik-baiknya, duduk mencangkung dan pastikan belakang awda berkeadaan betul.

Kurangkan rasa sakit pada bahagian belakang dengan:

- * Berehat. Ini adalah untuk memberikan peluang kepada otot yang ter-

JIKA awda perlu duduk untuk masa yang lama, tukar posisi awda sekali-sekala.

cedera untuk sembuh;

- * Letakkan tuala yang sederhana panas pada bahagian yang sakit selama 15 ke 30 minit;

- * Makanlah ubat seperti 'paracetamol' untuk mengurangkan rasa sakit.

Bilakah awda perlu berjumpa doktor?

Awda perlu berjumpa doktor sekiranya:

- * Sakit belakang yang disebabkan oleh terjatuh atau akibat pukulan pada bahagian belakang awda;

- * Sakit belakang yang diikuti dengan lemah otot kaki dan hilang kawalan

buang air kecil atau air besar;

- * Sakit belakang yang berpanjangan untuk masa yang lama;

- * Sakit belakang yang diikuti dengan tanda-tanda lain seperti air kencing berdarah.

LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL

Untuk menghindari sakit belakang, awda dinasihatkan supaya:

- * Memastikan postur atau kedudukan badan yang betul;

- * Elakkan dari berdiri terlalu lama. Apabila berdiri, pastikan belakang awda lurus;

- * Duduk dengan bahagian belakang yang lurus. Jika perlu, letakkan bantal kecil di bahagian belakang jika kerusi awda tidak mempunyai tempat sandaran yang elok.



DUDUKLAH dengan bahagian badan belakang yang lurus. Jika perlu, letakkan bantal kecil di bahagian belakang.

RESTORAN, kafe dan kedai makan bertanggungjawab dalam memastikan semua makanan dan minuman yang dihidangkan selamat dan sesuai untuk dimakan. Akan tetapi, pengguna dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah asas yang boleh mengurangkan penyakit bawaan makanan.

Pencemaran makanan bukan hanya terjadi ke atas makanan yang berisiko tinggi dan cepat rosak seperti daging, ikan dan telur, bahkan ianya juga boleh berlaku ke atas semua makanan. Buah-buahan dan sayur-sayuran juga boleh terjejas jika ianya tercemar dengan najis haiwan perosak atau bahan kimia.

Makanan yang dicemari kuman merbahaya atau virus tidak akan dapat dilihat, dihidu atau dirasa perbedaannya daripada makanan yang selamat. Organisme-organisme ini boleh mencemari makanan semasa memasak, menyedia dan menghidang.

Apabila awda berhasrat untuk makan di restoran atau membeli makanan segera, beri perhatian kepada perkara berikut:

- * Meja dan perkakas dalam keadaan bersih, tidak ada tanda serangga dan haiwan perosak;

- * Pelayan berpakaian kemas dan bersih, tangan yang bersih dan kuku yang pendek;

- * Sarung tangan dan penyepit digunakan semasa mengendalikan makanan;

- * Kain bersih atau kain

buang pakai digunakan untuk membersihkan permukaan bagi mengelakkan pemindahan bakteria;

- * Tandas hendaklah bersih dan dilengkapi dengan kertas buang pakai dan cecair pencuci tangan.

Perkara yang perlu diberi perhatian di restoran layan sendiri dan kafe:

- * Makanan yang dimakan panas hendaklah disimpan di dalam alat pemanas;

- * Makanan sejuk hendaklah diletakkan di atas ais atau kabinet sejuk yang khusus;

- * Setiap hidangan hendaklah mempunyai peralatan sendiri;

- * Makanan sentiasa ditutup;

- * Pinggan, gelas dan alat-alat dapur bersih

PENCEMARAN makanan bukan hanya terjadi ke atas makanan yang berisiko tinggi dan cepat rosak seperti daging, ikan dan telur, bahkan ianya juga boleh berlaku ke atas semua makanan. Buah-buahan dan sayur-sayuran juga boleh terjejas jika ianya tercemar dengan najis haiwan perosak atau bahan kimia.

dan kering.

Apabila membeli makanan di restoran, kafe dan kedai makan, ingatlah:

- * Makanan panas hendaklah dihidang panas. Makanan sejuk hendaklah terasa sejuk apabila dimakan.

- * Hindari membeli ma-

kanan yang kelihatan tidak segar dan telah dipamerkan terlalu lama.

Membawa makanan balik ke rumah:

- * Makan secepat mungkin;

- * Jika disimpan di dalam peti sejuk, hendaklah dimakan dan memanaskannya jika/apabila perlu.



GAMBAR HIASAN: Semasa di kedai makan atau gerai, pastikan meja dan perkakas dalam keadaan bersih.

Makan di luar? Adakah makanan yang disediakan selamat?

Bengkel Merebiu Pelan Strategik Kebangsaan anjuan PPNBD

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menganjurkan Bengkel Merebiu Pelan Strategik Kebangsaan (National Strategic Planning Review Workshop) 2004 - 2013 yang memfokuskan lima keutamaan strategik yang digariskan iaitu Pengurusan, Program Belia, Sumber-sumber Dewasa, Kewangan dan Pertambahan Ahli.

Bengkel lima hari bermula pada 22 hingga 26 Mac lalu berlangsung di Ibu

beribu pejabat di Manila, Republik Filipina.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Skipper Haji Badar bin Haji Ali dalam laporan pencapaian Bengkel Pelan Strategik Kebangsaan yang diadakan pada penghujung tahun 2003 menjelaskan bahawa ada beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan yang menyebabkan tergendala perlaksanaannya.

Usaha-usaha bagi merealisasikan pelan strategik ini telah dibuat dengan melantik dan menyusun se-

dua orang pegawai profesional penuh masa iaitu Setiausaha Latihan dan Penyelia Perkembangan dan Kegiatan hanya telah dibuat pada suku ketiga tahun 2005.

Ada empat objektif utama yang hendak dicapai dalam bidang pengurusan yang mana hanya sebahagian kecil sahaja yang dapat dilaksanakan disebabkan beberapa perkara yang melibatkan kepimpinan dan kuasa dalam PPNBD.

Berdasarkan kepada ob-

Pasukan Latihan Kebangsaan PPNBD, jawatankuasa berkenaan juga telah mendatangkan pakar latihan dari Jabatan Institut Perkhidmatan Awam pada awal tahun 2006.

Dengan melibatkan pakar-pakar dari luar terutama dari pihak kerajaan adalah diharapkan kita akan dapat memberikan latihan-latihan yang lebih berkesan dan sistematik kepada Sumber-sumber Dewasa nanti.

Walaupun demikian pencapaian dalam bidang ini hanya dianggarkan di antara 30 hingga 40 peratus sahaja dan banyak lagi objektif keutamaan strategik yang perlu dibuat dan dilaksanakan.

Dalam bidang kewangan, PPNBD juga mempunyai dua objektif utama yang hendak dicapai, iaitu untuk mengkaji semula sistem pengurusan kewangan dan untuk mengutip tambahan B\$15,000.00 setahun bagi menampung perbelanjaan bagi pelaksanaan aktiviti persekutuan.

Keutamaan ini sepatutnya sudah selesai dilaksanakan pada tahun 2004, walau bagaimanapun disebabkan kesibukan menjadi tuan rumah Persidangan APR dan kekurangan tenaga serta kesibukan Jawatankuasa Eksekutif yang semuanya terlibat secara langsung dalam pengendalian persidangan tersebut maka perkara ini tidak dapat dilaksanakan.

Sistem Pengurusan Kewangan tidak dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan disebabkan kuasa tersebut pada tahun 2005 adalah samar-samar dan telah dialihkan kepada Jawatankuasa Task Force yang dilantik oleh Majlis Pengakap Kebangsaan Eksekutif Kebangsaan.

Perlantikan Pesuruhjaya Kutipan Dana/Kewangan hanya dibuat pada awal tahun 2006 yang mana jawatankuasa bagi bahagian ini belum ditubuhkan dan diharapkan ianya dapat dibentuk sedikit masa lagi. Pencapaian dalam bidang ini hanya dianggarkan kurang daripada 10 peratus sahaja.

Bagi mencapai objektif Pertambahan Ahli seramai 1,000 orang setiap tahun, adalah memerlukan tenaga kerja, masa, kewangan, logistik dan komitmen yang tinggi melalui jawatankuasa petugas yang dilantik.

Pesuruhjaya yang dilantik iaitu Pesuruhjaya Perkembangan Ahli sepatutnya memainkan peranan penting ke arah pelaksanaan objektif berkenaan masing-masing dari PPNBD dan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Walaupun bagaimanapun jawatankuasa yang sepatutnya dibentuk belum dapat ditubuhkan disebabkan kita belum mendapatkan ahli-ahli yang boleh memberikan komitmen dalam perkara ini.

Dasar Kementerian Pendidikan yang tidak membenarkan penuntut-penuntut perempuan menyertai Pergerakan Pengakap di sekolah pada tahun 2004 telah menjejaskan sedikit sebanyak perkembangan keahlian pengakap di negara ini.



DASAR Kementerian Pendidikan yang tidak membenarkan penuntut-penuntut perempuan menyertai pergerakan pengakap di sekolah pada tahun 2004 telah menjejaskan sedikit sebanyak perkembangan keahlian pengakap di negara ini.

Walaupun bagaimanapun dalam suku kedua 2005 dengan adanya perombakan kabinet dan pertukaran Menteri Pendidikan, maka dasar tersebut mula berubah dan sekolah-sekolah mula menubuhkan semula dan membenarkan penuntut-penuntut perempuan menyertai pergerakan pengakap.

Kegiatan menambah ahli terus dibuat oleh PPNBD melalui prosedur biasa iaitu keinginan yang timbul dari sekolah-sekolah itu sendiri untuk menubuhkan pasukan pengakap di sekolahnya.

Selain itu Dasar Pendidikan yang menggalakkan penubuhan kegiatan beruniform di sekolah-sekolah dan memperuntukkan kira-kira 90 minit masa bagi kegiatan luar termasuk kegiatan beruniform telah menyumbang kepada pertambahan penubuhan pasukan pengakap di sekolah.

Lawatan pegawai sepenuh masa PPNBD iaitu Penyelia Perkembangan Ahli dan Kegiatan juga sedikit sebanyak dapat menyumbang ke arah penubuhan pasukan-pasukan di sekolah-sekolah dengan mengadakan jerayawara mulai awal tahun 2006.

Pembahagian daerah yang besar khususnya Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara kepada enam zon juga adalah antara strategi yang dibuat bagi memudahkan pentadbiran, perhubungan dan pengawasan yang lebih dekat dan sistematik kepada sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan serta bukan kerajaan.

Pada suku pertama 2006, PPNBD telah berjaya menambah keahlian lebih kira-kira 350 orang ahli baru seluruh negara dan ia amatlah menggalakkan sekiranya berterusan sepanjang tahun.

Walaupun bagaimanapun pencapaian target pada keseluruhannya adalah masih rendah diperkirakan dari tahun 2004 hingga sekarang hanya dianggarkan lebih kurang 20 peratus sahaja.

Apa yang diharapkan melalui bengkel ini nanti ialah semua peserta akan terlibat secara aktif dengan memberikan sumbangan idea, pandangan, teguran, kritikan dan cadangan-cadangan yang membina bagi mencapai visi dan misi Pelan Strategik PPNBD.

Di samping itu para peserta juga mestilah bersedia dan komited dengan apa yang dicadangkan dan disuarakan dalam bengkel ini nanti

kerana apa yang kita kritik, tegur dan cadang itu apabila dijadikan rumusan bengkel ianya adalah apa yang akan kita buat dan lakukan seterusnya. Ini adalah tanggungjawab kita bersama bagi merealisasikan pelan strategik.

Beliau berkata, langkah-langkah yang telah diambil oleh PPNBD khususnya Bahagian Beruniform bagi merealisasikan pelan strategik itu dengan mengadakan pelbagai kursus yang bersesuaian terutama dengan membina pemimpin-pemimpin pengakap di kalangan guru-guru.

Sehubungan dengan itu beliau turut menyarankan supaya PPNBD khasnya bahagian beruniform agar berganding rapat dengan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang mempunyai kaitan dengan aktiviti beruniform.

Ketua Pengakap, Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyarankan PPNBD menyediakan program-program mencabar dan membina kecemerlangan di kalangan remaja selaras dengan visi-

nya ke arah 10,000 pengakap menjelang tahun 2013 dengan menjadikannya sebagai pergerakan belia yang utama di negara ini.

Yang Dimulikan Lagi Dihormati menegaskan, jika mengikut pelan strategik yang dirangka cipta pada penghujung tahun 2003, PPNBD perlu mendapatkan keahlian seramai 1,000 orang setahun.

"Ianya mungkin susah didapati jika sumber-sumber tenaga manusianya bukan dari kalangan murid-murid sekolah," tegas Yang Dimulikan Lagi Dihormati di majlis pembukaan rasmi bengkel tersebut.

Dengan adanya bengkel untuk menilai dan mengkaji semula Pelan Strategik Kebangsaan yang telah dirangka cipta dua tahun yang lalu, apakah PPNBD akan mencapai visi dan misinya untuk menambah bilangan keahliannya 10,000 orang menjelang tahun 2013.

Penglibatan semua yang merangkumi peringkat pemimpin yang terdiri daripada Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, para pemimpin dan ahli-ahli PPNBD adalah perlu bagi merealisasikan pelaksanaan Pelan Strategik Kebangsaan tersebut.



PADA suku pertama 2006, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah berjaya menambah keahlian kira-kira 350 orang ahli baru seluruh negara dan ia amatlah menggalakkan sekiranya berterusan sepanjang tahun.

Pejabat PPNBD bertujuan untuk menilai dan mengkaji semula sejauh mana pencapaian objektif strategik bagi memastikan hala tuju PPNBD.

Lebih 33 orang peserta terdiri daripada pesuruhjaya, pemimpin, penolong pemimpin dan pemimpin muda menyertai bengkel yang dikendalikan oleh Prasana dari Pertubuhan Pengakap Rantau Asia Pasifik (Asia Pacific Region) yang

mula pesuruhjaya-pesuruhjaya mengikut tugas dan keutamaan dalam pelan strategik.

Walaupun bagaimanapun kekurangan tenaga dalam PPNBD yang boleh menumpukan perhatian dan komitmen sepenuhnya terhadap tugas ini maka lantikan-lantikan yang dibuat tidak banyak merubah keadaan dan pelaksanaan keutamaan strategi itu.


Sehubungan dengan itu



JAWATANKUASA Petugas bagi mengkaji semula program belia ini telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 2005 dan keghighan Pengerusi Jawatankuasa Petugas yang diperbantukan oleh beberapa orang ahli jawatankuasa telah dapat menghasilkan program kegiatan melibatkan belia untuk dilaksanakan pada tahun 2006.



PPNBD menyediakan program-program mencabar dan membina kecemerlangan di kalangan remaja selaras dengan visinya ke arah 10,000 pengakap menjelang tahun 2013 dengan menjadikannya sebagai pergerakan belia yang utama di negara ini.



Amalkan sifat berjimat cermat

Air menjadi sumber kehidupan

kehidupan seharian, maka adalah disarankan supaya kita mengambil langkah proaktif dan berterusan bagi memelihara serta meningkatkan kuantiti dan kualiti sumber air bagi kegunaan dalam kehidupan.

Ini sememangnya bertepatan dengan tema Sambutan Hari Air Sedunia bagi tahun 2005 hingga tahun 2015 yang diadakan pada 22 Mac setiap tahun, iaitu 'Air Untuk Kehidupan' atau 'Water For Life'.

Kita di Negara Brunei Darussalam ini amat beruntung kerana dapat menikmati sumber bekalan air yang bersih dan mencukupi. Dan kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah dalam menjaga dan memelihara sistem bekalan air di seluruh negara dalam tahap yang tinggi dan terjamin dengan mengendalikan projek-projek yang bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan dan keupayaan kapasiti sumber air di empangan-empangan.

Itulah nikmat yang kita perolehi di negara kita, dan kita juga seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berupaya menyediakan bekalan air pada harga yang termurah di rantau ini dengan subsidi yang begitu tinggi.

Dalam menikmati kemudahan ini, sama-samalah kita saling ingat-mengingati supaya tidak mudah lalai dalam kenikmatan yang dikecapi itu. Sudah seharusnya kita menjaga dan memelihara air dengan mengamalkan sikap berjimat cermat. Penggunaan air yang berlebihan sehingga ke tahap yang sia-sia hendaklah di jauhi kerana ia adalah suatu pembaziran yang merugikan, baik kepada individu mahupun kepada negara. Dan sayugialah diingatkan kepada saudara-saudara sekalian

untuk bersyukur terhadap nikmat air itu kerana Allah Subhanahu Wataala berkuasa menurunkan, berkuasa pula untuk melenyapkannya. Cuba kita bayangkan jika Allah mencabut nikmat tersebut, maka apa yang akan terjadi kepada kita semua? Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al Mu'minuun ayat 18 tafsirnya:

"Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu, serta Kami tempatkan dia tersimpan di bumi. Dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya."

Akhirnya, marilah kita sama-sama bersyukur dan menghargai segala nikmat yang telah dikur-

niakan Allah Subhanahu Wataala kepada kita dengan mengamalkan sifat berjimat cermat dan bukannya pembaziran. Dengan demikian nikmat tersebut akan terus dikecapi dan dinikmati oleh rakyat jelata.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al Mursalaat ayat 27 - 28 tafsirnya:

"Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-gaung yang mantapnya, yang tinggi menjulang dan Kami telah memberi minum kepada kamu air tawar lagi memuakan dahaga. Kecelakaan besar pada hari itu, bagi orang-orang yang mendustakan nikmat-nikmat pemberian Kami."

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengurniakan nikmat yang melimpah ruah, yang tidak dapat dikira banyaknya kepada umat manusia. Ini dijelaskan dalam firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An Nahl ayat 18 tafsirnya:

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu: Sesungguhnya Allah Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani."

Di antara nikmat berharga yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepada umat manusia ialah air. Air sangat penting dalam kehidupan, bukan sahaja menjadi asasi kepada manusia, bahkan juga menjadi sumber kehidupan bagi makhluk ciptaan Allah Taala

yang lain seperti binatang-binatang, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Tanpa air bumi akan menjadi gersang dan tandus dan semua yang hidup akan menderita dan binasa. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An Nahl ayat 10 - 11 tafsirnya:

"Dialah yang menurunkan hujan dari langit, sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagiannya lagi menyebabkan tumbuhnya pokok-pokok (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang-binatang ternak makan padanya. Ia juga menumbuhkan bagi kamu dengan sebab hujan itu tanam-tanaman dan pokok-pokok zaitun dan tamar serta anggur dan juga dari segala jenis buah-buahan.

Sesungguhnya yang demikian mengandung satu tanda yang membuktikan kekuasaan Allah bagi kamu yang mahu berfikir."

Kepentingan air bukan sahaja memberi kehidupan kepada kita, bahkan juga memudahkan urusan-urusan pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai contoh dengan adanya sungai dan laut, kapal-kapal dapat digunakan untuk belayar bagi membawa bekalan makanan dan barang-barang keperluan, yang dengannya ekonomi sesebuah negara dapat berkembang dengan lebih maju. Perkara tersebut ada disebutkan dalam Surah Ibrahim ayat 32 tafsirnya:

"Allah jualah yang menciptakan langit dan

bumi dan menurunkan hujan dari langit, lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu, dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintah-Nya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu mengambil manfaat darinya."

Melihat betapa berharganya sumber air dan betapa kita sangat-sangat memerlukan dalam

KITA di Negara Brunei Darussalam ini amat beruntung kerana dapat menikmati sumber bekalan air yang bersih dan mencukupi. Dan kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah dalam menjaga dan memelihara sistem bekalan air di seluruh negara dalam tahap yang tinggi dan terjamin dengan mengendalikan projek-projek yang bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan dan keupayaan kapasiti sumber air di empangan-empangan.

وقت سمبهيڤ. امساک. شوروۃ دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڤ. امساک. شوروۃ دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 6 ربيع الأول، 1427 برسامان دغن 5 افريل، 2006 هيڤڤ كهاري ثلاث، 12 ربيع الأول، 1427 برسامان دغن 11 افريل، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروۃ	ضحی	مسيحي
ربيع الأول									اڤريل
6	12.25	3.26	6.29	7.38	4.51	5.01	6.18	6.41	5
7	12.24	3.27	6.29	7.38	4.51	5.01	6.17	6.40	6
8	12.24	3.27	6.29	7.38	4.50	5.00	6.17	6.40	7
9	12.24	3.28	6.29	7.38	4.50	5.00	6.16	6.40	8
10	12.24	3.28	6.29	7.38	4.49	4.59	6.16	6.39	9
11	12.23	3.28	6.29	7.38	4.49	4.59	6.15	6.39	10
12	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	4.58	6.15	6.39	11

وقت ۲ سمبهيڤ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڤ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تقهاري.

KEPENTINGAN air bukan sahaja memberi kehidupan kepada kita, bahkan juga memudahkan urusan pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai contoh dengan adanya sungai dan laut, kapal-kapal dapat digunakan untuk belayar bagi membawa bekalan makanan dan barang-barang keperluan, yang dengannya ekonomi sesebuah negara dapat berkembang dengan lebih maju.

FAHAMI UJIAN SAKIT!

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

UJIAN ITU MENGIKUT TAHAP KEIMANAN SESEORANG

SEMAKIN kuat iman seseorang itu, maka semakin hebatlah ujian ke atasnya. Ini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh 'Aisyah Radiallahuanha bawha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak terlepas dari menerima ujian yang sangat berat jika dibandingkan dengan orang lain yang maksudnya:

"Sesungguhnya aku belum pernah menyaksikan seseorang (menderita) kesakitan yang lebih parah dari apa yang dideritai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam." (Hadis riwayat Al-Bukhari)

Abu Sa'id Al-Khudri pula menceritakan bahawa pada suatu hari dia telah pergi menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ketika itu Baginda sedang demam. Lalu Abu Sa'id Al-Khudri meletakkan tangannya ke atas tubuh Baginda dan mendapati pada tangannya rasa panas, padahal tangannya berada di atas selimut yang menyelimuti tubuh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Lalu dia pun berkata yang maksudnya:

"Wahai Rasulullah! Alangkah beratnya cubaan (demam) itu kepada Tuan."

Baginda bersabda: "Sesungguhnya kami memang seperti demikian itu. Dilipatgandakan cubaan itu kepada kami serta dilipatgandakan pula pahalanya kepada kami."

Aku (Abu Sa'id) berkata: "Wahai Rasulullah! Siapakah manusia yang paling berat menerima dugaan?"


Baginda menjawab: "Para Nabi."

Aku (Abu Sa'id) berkata: "Wahai Rasulullah! Kemudian siapa?"

Baginda menjawab: "Kemudian orang-orang salih. Bahkan ada antara mereka yang diuji dengan kefikiran, sehinggalah dia tidak menemukan sesuatu kecuali selembar kain (pakaitan) untuk dipakai berselimut. Hinggalah ada antara mereka yang merasa gembira menerima bala (musibah) sebagaimana ada antara kamu yang merasa gembira memperoleh kesenangan." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

HIKMAT SEBALIK SAKIT

Apabila diuji dengan sesuatu penyakit, maka selaku seorang Muslim yang beriman, perkara yang utama yang perlu dilakukan ialah muhasabah diri, mengingati dan menghitung kembali betapa banyak kesalahan atau dosa yang telah dilakukannya. Maka apabila ditimpa dengan sedikit ujian itu, wajarlah bersabar dan menerimanya dengan reda tanpa sebarang keluhan atau rintihan. Jauh sekali menyalahkan qadad dan qadar Allah Subhanahu Wataala. Setentunya Allah Ta'ala Maha Mengetahui akan rahsia dan hikmah di sebalik ujian tersebut.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 222 Bahagian Kedua

Ada pula golongan manusia yang ditimpakan musibah itu adalah dengan maksud agar mereka mendapat kebaikan dan ganjaran, membuatkan mereka lebih muhasabah diri dalam semua hal keadaan, reda dengan Allah dan berserah dengan qadad dan qadar-Nya. Golongan ini akan merasa reda dan sabar serta taat dengan ujian Allah tanpa keluh-kesah dan rungutan, apa lagi untuk merasa kecewa dan berputus asa.

Untuk lebih jelas renungan hadis-hadis berikut yang menyatakan perbezaan antara dua golongan manusia, yang satu ditimpa musibah dan yang satu lagi tidak pernah ditimpa musibah.

Hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanha bawha Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesiapa yang Allah inginkan padanya sesuatu kebaikan, (Allah) akan mengujinya." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Manakala hadis lain membawakan mesej yang lain pula, iaitu riwayat Anas bin Malik Radiallahuanha daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Besarnya pahala (balasan) adalah seimbang (setara) dengan besarnya cubaan (bala). Dan sesungguhnya Allah, bila menyukai suatu kaum, Dia akan memberi cubaan kepada mereka. Maka sesiapa yang reda, baginya keredaan Allah. Dan sesiapa yang marah (tidak dapat menerima cubaan), maka baginya kemurkaan Allah." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

Berbeza pula bagi individu yang tidak pernah ditimpa ujian dan dugaan. Abu Hurairah Radiallahuanha meriwayatkan perbualan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan seorang Arab Badawi yang maksudnya:

"Adakah engkau (pernah) mengalami 'Ummu Mildam'?"

Dia berkata: "Apakah dia 'Ummu Mildam' itu?"

Baginda bersabda: "Rasa panas yang dirasakan di antara kulit dan daging (demam)."

Dia menjawab: "Aku tidak pernah merasakan perkara itu."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya (lagi): "Adakah engkau pernah merasa pening?"

Dia berkata: "Apakah dia pening itu?"

Baginda bersabda: "Rasa sakit berdenyut yang dirasakan oleh seseorang pada kepalanya."

Dia menjawab: "Aku tidak pernah merasakan perkara itu."

Maka apabila lelaki itu berpaling (berlalu pergi), Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Barang siapa mahu melihat (contoh) lelaki daripada ahli Neraka, maka lihatlah orang ini." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Dalam kitab Sahih Ibnu Hibban bi Tartib Ibnu Balban, Abu Hatim seterusnya menerangkan bahawa ini tidak bermakna orang yang sentiasa sihat di dunia ini bakal menjadi ahli Neraka kelak. Apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah Baginda menerangkan kepada umatnya bahawa seseorang itu tidak lepas dari melakukan kesalahan dan dosa. Perbuatan salah dan dosa itu pasti akan menerima balasan yang di akhirat kelak, melainkan jika telah diampunkan. Ini termasuklah menerima sebahagian balasan perbuatan itu semasa di dunia sama ada berupa penyakit, perasaan duka cita dan perkara-perkara yang menyedihkan.

LAIN-LAIN HIKMAH : SAKIT SEBAGAI BALASAN, PENEBUS DOSA DAN MENGANGKAT MARTABAT SESEORANG

Sakit adalah satu bentuk balasan terhadap dosa yang telah dilakukan di dunia. Dalam masa yang sama pula, ia menjadi penebus dosa serta mengangkat martabat seseorang hamba. Ini dapat dibuktikan melalui ayat Al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam seperti berikut :

1. Sebagai Balasan Di Dunia ('Uqubah wal Jaza')

Dalam kitab Tafsir al-Fakhr ar-Razi, sakit itu sebagai salah satu bentuk balasan iaitu akibat dari kesalahan atau dosa yang telah dilakukan di dunia. Perkara ini disebut dalam firman Allah Ta'ala yang tafsirnya:

"Sesiapa yang melakukan kejahatan, ia akan dibalas dengan kejahatan itu." (Surah An Nisaa' ayat 123).

Disebutkan dalam kitab tersebut, apabila diturunkan ayat di atas kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka telah timbul pertanyaan serta perasaan takut dari para sahabat dan pengikut Baginda. Antaranya ialah:

"Pertanyaan Sayidina Abu Bakar Radiallahuanha kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Wahai Rasulullah! Bagaimanakah (bentuk) kebaikan itu setelah diturunkan ayat ini? Sesiapa yang melakukan kejahatan, dia akan dibalas dengan kejahatan itu?" Apakah setiap kejahatan yang telah kami lakukan kami akan diberi balasan?"

Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Semoga Allah mengampunkanmu wahai Abu Bakar. (Baginda berkata demikian) sebanyak tiga kali. Bukankah engkau jatuh sakit? Bukankah engkau merasa sedih? Bukankah engkau dilanda keletihan? Bukankah engkau ditimpa bala (musibah)?"

(Abu Bakar) berkata: "Aku berkata (kepada Rasulullah): "Ya!"

Baginda bersabda: "Maka (dengan) itulah kamu diberi balasan semasa di dunia." (Hadis riwayat Al-Baihaqi).

"Aisyah Radiallahuanha meriwayatkan bahawa seorang lelaki demi membaca ayat di atas, dia lantas bertanya: "Apakah kami akan dibalas dengan setiap apa yang kami lakukan. Jika demikian, maka kami akan binasa." Maka kata-katanya itu telah sampai kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu Baginda bersabda yang maksudnya:

"Ya, (seseorang itu) akan diberi balasan dengan setiap perbuatan semasa berada di dunia berupa musibah pada tubuh badannya daripada perkara yang menyakitinya." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

BERSAMBUNG

KEBESARAN DAN KEMULIAAN RASULULLAH BERSIFAT ABADI

SETIAP 12 Rabiulawal, adalah tarikh yang amat bermakna bagi kita umat Islam dalam memperingati dan menyambut Hari Keputeraan Junjungan Agung kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga antara hari kebesaran Islam. Memperingati Hari Keputeraan Baginda atau lebih kerap kita sebut sebagai Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah mencerminkan kegembiraan umat Islam dalam menyambut hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (Nabi pilihan Allah) yang membawa banyak pengajaran dan panduan hidup serta keberuntungan besar bagi umatnya. Insan yang kita sambut hari keputeraannya sepanjang zaman ini bukan sebarang insan. Kebesaran dan kemuliaannya bersifat abadi. Dialah nikmat Allah yang terbesar bagi umat manusia. Kelahiran Baginda merupakan pembawa rahmat yang besar bagi alam semesta. Kedatangan Baginda dinyatakan oleh Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Qur'an iaitu dalam Surah An Nisaa', ayat 174 yang tafsirnya:

"Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (Al-Qur'an sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak)."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan contoh yang terbaik untuk diteladani dalam mencurahkan perasaan kasih sayang terhadap semua makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wataala. Baginda adalah manusia biasa yang sama memikul tanggungjawab sebagai hamba Allah serta menghadapi pahit manis kehidupan seperti orang lain, hanya Baginda sahaja merupakan insan terpilih yang diutus oleh Allah untuk menyampaikan pesan dan pengajaran-Nya kepada sekalian makhluk di dunia ini. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al Kahfi, ayat 110 tafsirnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahikan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu ..."

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah insan yang teramat istimewa di sisi Allah Subhanahu Wataala. Baginda mempunyai keperibadian yang mulia sekali gus menjadi contoh kepada umat manusia sekaliannya. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al Ahzab ayat 21 yang tafsirnya:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik ..."

Kehadiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam benar-benar dapat mengisi setiap tuntutan kehidupan umat Islam sezamannya. Jelas terbukti baik dari segi akhlakannya, perjuangannya, pengorbanannya, ibadatnya, kepimpinannya bahkan dalam aspek apa saja, Baginda merupakan contoh teladan dan sumber inspirasi umat Islam. Baginda bukan sekadar menjadi ketua, malahan guru, bapa dan sahabat umat Islam pada ketika itu. Justeru itu Baginda dianggap sebagai sinar

gemerlapan yang mencahayai lorong-lorong kehidupan mereka.

Di samping kita bersama memperingati dan menyelami rentetan sejarah hidup Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam setiap kali menjelang sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kita juga dituntut agar menjadikan Baginda sebagai suri teladan terbaik dalam menjalani kehidupan. Dengan cara ini juga kita dapat membuktikan betapa kecintaan kepada Baginda dan sunnahnya. Ini akan mempunyai kesan pada darjah keimanan kita. Dalam sebuah hadisnya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bahawa mencintai Allah dan Rasul-Nya merupakan salah satu syarat bagi mendapatkan kermanisan iman.

Kebesaran dan kemuliaan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tetap bersifat abadi iaitu yang merangkumi semua aspek baik dari segi pengurusan pemerintahan, kekeluargaan, dalam beribadat dan dalam kemuliaan akhlak dan budi pekerti Baginda sehingga para ulama sepakat memuji, menyanjung, memuliakan dan menyifatkan bahawa kemuliaan dan kebesaran serta kesempurnaan akhlak Baginda adalah sebahagian daripada sifat kenabian yang dinamakan kebaikan akhlak atau budi pekerti. Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Aku diutus adalah untuk menyempurnakan kebaikan akhlak." (Hadis riwayat Imam Malik).

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam memiliki ilmu yang luar biasa yang tidak pernah dimiliki oleh sesiapa pun, kerana Baginda adalah insan pilihan kekasih Allah. Ini terbukti dari sejarah hidup Baginda yang tidak ada sesuatu pun kecacatan akhlak serta peribadi yang Baginda miliki. Baginda seorang yang bersifat penyabar dan pemaaf serta mampu menahan kemarahan, kesakitan dan penganiayaan. Setiap kesusahan yang Baginda alami menjadikan Baginda bertambah sabar dan tabah serta sentiasa mengingati kebesaran Allah Subhanahu Wataala, walaupun menerima pelbagai cubaan dan dugaan. Selain itu Baginda juga memiliki keberanian dan kegagahan yang luar biasa, berani membela yang hak serta mempertahankan risalah Islam yang Baginda bawa.

Kemurahan dan kebaikan budi pekerti Baginda meratai kepada semua orang dan di sisi Baginda hak mereka adalah sama. Baginda sentiasa bersifat belas kasihan kepada umatnya serta sentiasa bermurah hati dan dermawan. Baginda seorang yang mempunyai sifat tawadu' dan tidak suka membesarkan diri walaupun kedudukan Baginda adalah seorang Nabi yang dikasihi Allah serta seorang pemimpin yang patut disanjung dan dimuliakan. Sebagaimana dalam sebuah hadis daripada Sayidina 'Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Janganlah kamu berlebihan memuji sebagaimana kaum Nasrani berlebihan memuji Ibnu Maryam (Nabi Isa Alaihissalam), aku hanyalah seorang hamba, oleh sebab itu katakanlah (panggilah): 'Abdullah (hamba Allah) dan

منوجوكر رمضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Rasul-Nya." (Riwayat Imam At-Tirmizi).

Sesungguhnya banyak lagi keistimewaan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang patut kita contoh. Baginda sebagai contoh ikutan yang baik, wajar mempunyai sifat-sifat yang terpuji yang memang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala, agar manusia dapat mengambil panduan daripadanya dalam menghadapi kehidupan sebagai hamba Allah untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat nanti. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam kita haruslah mengambil kesempatan dalam bidang dan kepakaran masing-masing untuk memajukan diri dan umat Islam dengan meneliti kembali kehidupan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermula dari kehidupan Baginda berumah tangga sehinggalah kepada perhubungan antarabangsa. Semoga dapatlah dikembalikan kegemilangan dan kemajuan tamadun Islam di kalangan masyarakat dunia dan dapat melahirkan kesejahteraan serta keamanan umat Islam seluruhnya.

Marilah kita sama-sama memberi selawat ke atas Baginda Junjungan Agung kita, semoga kita mendapat rahmat dan syafaat daripada Allah Subhanahu Wataala jua sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al Ahzab, ayat 56 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi: wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Bijak gunakan tenaga elektrik

DALAM alaf yang serba moden ini, kita tidak pernah terlepas dari kemajuan sains dan teknologi. Hampir setiap hari kita disajikan dengan pelbagai teknologi canggih. Inilah yang membawa kita setapak ke hadapan dengan mengharungi dunia yang penuh pancaroba ini. Tenaga elektrik merupakan sebahagian dari kehidupan kita, tanpanya kita mengalami kesukaran untuk menempuh kehidupan seharian.

Oleh yang demikian, kita mestilah bijak dalam menggunakannya agar tidak berlaku pembaziran dan kecauan yang boleh menyebabkan kebakaran. Hasilnya, kita bukan sahaja dapat mengurangkan bil elektrik malahan dapat meningkatkan dividen kepada ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu semua pihak haruslah bekerjasama di dalam membendung sikap pembaziran ini dengan prinsip kepada bak kata pepatah Melayu 'muafakat membawa berkat'.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjimatkan penggunaan elektrik. Ibu bapa haruslah memupuk sifat berjimat cermat dan mengikis sikap sambil lewa dalam diri anak-anak mereka sejak dari kecil lagi agar apabila mereka meningkat remaja, mereka bijak dalam menggunakan sesuatu peralatan elektrik seperti bak kata pepatah Melayu 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Selain itu, pihak kerajaan dan swasta haruslah memainkan peranan mereka dengan memberi kesedaran kepada orang ramai. Pihak kerajaan haruslah mening-

katkan mutu kesedaran kepada setiap pelajar melalui sistem pendidikan. Pameran bergerak, ceramah dan motivasi haruslah diadakan di sekolah-sekolah, maktab-maktab mahupun tempat pejabat. Manakala pihak swasta haruslah mengadakan ekspo dan promosi mengenai kepentingan elektrik di tempat-tempat membeli-belah.

Hasilnya, sifat berjimat cermat dapat dipupuk dalam diri setiap individu dan seterusnya menyedarkan mereka betapa pentingnya kegunaan elektrik dalam kehidupan seharian.

Sehubungan dengan itu, media massa juga berperanan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai dengan menyiarkan melalui majalah, akhbar, kaca televisyen mahupun di corong-corong radio. Media massa dapat mempengaruhi orang ramai dengan memberikan penerangan mengenai cara menjimatkan penggunaan elektrik dan faedah-faedahnya. Ini sedikit sebanyak menyedarkan dan seterusnya meningkatkan kewaspadaan mereka dalam menggunakan setiap peralatan elektrik.

Justeru itu, usaha yang berterusan dan kerjasama dari semua pihak dalam menjimatkan penggunaan elektrik akan dapat memberi implikasi yang positif kepada kehidupan masyarakat mahupun negara.

Muhammad Azmi bin Haji Zaini,
No. 1 Simpang 620, Kampong Salar,
Jalan Muara, BU 1429.
No. k/p: 00-315085

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

- 1. 'Persekitaran Yang Bersih Wujudkan Suasana Riang'. Tarikh Tutup 12 April 2006.
- 2. 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Pembawa Berkat'. Tarikh tutup 19 April 2006.
- 3. 'Sumbang Mahram - Apakah Kita Perlu Berdiam Diri?'. Tarikh tutup 26 April 2006.

Pendapat awda hendaklah ditapis jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrhim @ information.gov.bn e-mel:
pelita@brunei.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama Menjimatkan Penggunaan Elektrik'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Pembaziran tenaga merugikan negara

ELEKTRIK adalah salah satu tenaga yang sangat berguna di dalam era berteknologi tinggi ini. Banyak peralatan sama ada di dalam sesebuah rumah, pejabat, kedai dan pasar raya, mahupun jalan raya memerlukan tenaga elektrik untuk berfungsi.

Pentingnya tenaga elektrik di zaman ini sangatlah ketara. Andai kata bekalan elektrik terputus, ruten seharian seseorang individu itu terjerjes. Jika di rumah, nasi tidak dapat dimasak, pakaian tidak dapat dicuci dan sebagainya. Walaupun ada cara

lain untuk memasak makanan ataupun mencuci pakaian tapi tidak semudah biasanya. Kipas dan penghawa dingin tidak dapat berfungsi. Orang di dalam sesebuah rumah itu kepanasan. Jika malam pula, kanak-kanak kecil sering menangis jika bekalan elektrik terputus kerana takut gelap.

Itu baru saja andaian jika bekalan elektrik terputus di dalam sesebuah rumah. Jika pejabat yang kini menggunakan peralatan elektronik seperti komputer untuk bekerja, pasti keadaan jadi tidak produktif. Di jalan raya pula,

boleh menjadi sesak kerana lampu trafik tidak berfungsi.

Untuk menghasilkan tenaga elektrik bukan mudah. Di negara kita, salah satu sumber tenaga elektrik ialah minyak dan gas. Di negara luar ada juga yang menghasilkan tenaga elektrik melalui matahari dengan menggunakan 'solar cell' atau 'solar panel', air terjun, angin yang kencang dengan menggunakan 'wind-mill', dari ombak laut dan sebagainya.

Oleh kerana dengan elektrik bukannya mudah

untuk dihasilkan dan ianya sangat penting buat kita tidak boleh membazir ketika menggunakannya. Di negara kita, bekalan tenaga elektrik dapat dikategorikan di dalam kategori murah. Ada juga di antara kita tenaga elektrik dibayar oleh kerajaan. Semua ini adalah untuk kemudahan kita. Kita tidak boleh mensia-siakan.

Di mana saja kita berada, kita mestilah mengelakkan pembaziran elektrik. Jika di rumah kita dapat mengurangkan bil elektrik bulanan. Jika di luar rumah, tanggungjawab kepada negara itu

mesti ada di dalam diri kita. Kita tidak boleh membazir tenaga elektrik. Kita tidak boleh membiarkan lampu dan kipas terbuka jika tidak dipakai dan sebagainya. Pembaziran tenaga elektrik merugikan kita dan negara. Membazir itu juga perangai syaitan. Oleh itu, bersamalah kita menjimatkan penggunaan elektrik.

Siti Nordiana binti Haji Zaini,
No. 1 'A', Blok D1, Flat Polis Kawalan Diraja Kampong Beribi, Jalan Babu Raja, BE 1118.
No. k/p : 00-316486

Amalkan budaya berjimat

PENGUNAAN tenaga elektrik di negara ini adalah yang tertinggi di rantau Asia Tenggara dan adalah antara yang tertinggi di dunia. Penggunaannya adalah sebanding dengan negara-negara maju perindustrian. Tetapi bezanya penggunaan tinggi di negara kita bukanlah berlaku di tapak-tapak industri tetapi adalah di rumah-rumah persendirian. Teganya penggunaan bahan tenaga elektrik banyak digunakan di rumah-rumah berbanding dengan penggunaan komersial.

Maka dalam hubungan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik di negara ini, semua pihak memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar untuk mencapai hasrat itu. Pihak kerajaan sendiri telah berusaha bersungguh-sungguh dengan menjalankan pelbagai mekanisme seperti mengedarkan risalah-risalah kepada penduduk di negara ini, di samping itu, media-media massa kepunyaan kerajaan baik elektronik mahupun cetak telah pun menghimbau pelbagai pendekatan untuk menyedarkan orang ramai tentang penggunaan tenaga berkenaan. Pelbagai promosi dan poster-poster telah dibuat bagi menyedarkan agar orang ramai tidak membazir tenaga elektrik.

Namun apa yang diperhatikan penggunaan bahan tenaga itu terus meningkat dari tahun ke tahun dan tunggakan bil elektrik yang belum dijelaskan juga meningkat dan jumlahnya mencecah jutaan ringgit. Tunggakan itu amatlah merugikan kerajaan sedangkan ianya penting bagi terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam menjaga ekonomi negara.

Justeru itu, pemilik-pemilik rumah persendirian perlulah mengambil pungkur ke hadapan dengan seruan kerajaan untuk menjimatkan penggunaan elektrik. Mereka berperanan untuk tidak membazirkan tenaga elektrik dengan hanya menggunakan kepada yang perlu sahaja. Dalam erti kata lain janganlah dibiarkan rumah 'bermandikan cahaya' pada waktu malam. Jangan dibiarkan lampu 'beroperasi' 24 jam. Kesannya bukan sahaja kepada negara, malahan pemilik itu sendiri akan menerima padah dengan terpaksa membayar bil elektrik yang 'tinggi dan mahal' setiap bulan, walaupun pembayaran itu ada baiknya digunakan untuk keperluan yang lebih bermakna.

Begitu juga, pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam memainkan peranan dalam menjimatkan penggunaan bahan tenaga ini. Caranya ialah dengan mematuhi semua suis-suis lampu, komputer,

alat penghawa dingin, fotokopi dan lain-lain peralatan yang menggunakan elektrik apabila meninggalkan pejabat masing-masing.

Apa yang didapati, ada sebahagian pejabat 'terang-benderang' pada waktu malam walaupun tidak ada orang bekerja. Maka sehubungan dengan itu, anggota-anggota Perkhidmatan Awam (PA) perlulah mengamalkan budaya berjimat cermat. Kita kikislah budaya yang selalu kedengaran 'kerajaan kaya biar ia marak sentiasa lampu atau'. Begitu juga anggota PA perlu mematuhi semua suis apabila waktu makan tengah hari. Dengan adanya sikap sedemikian ianya akan menjimatkan wang kerajaan, kerana adalah dianggarkan kerajaan berbelanja banyak dalam penggunaan tenaga di Kementerian-kementerian dan di jabatan-jabatan kerajaan.

Selain itu, guru-guru juga berperanan dalam memastikan bangunan-bangunan sekolah tidak membazir tenaga elektrik. Peranan mereka ialah memastikan semua suis dimatikan terutama sekali di hujung minggu persekolahan. Langkah ini penting ianya bukan sahaja bertujuan untuk berjimat tetapi dalam waktu yang sama untuk mengelakkan sebarang kebakaran berlaku.

Lebih jauh dari itu, usaha menjimatkan penggunaan elektrik bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi pihak swasta juga berperanan sama dalam menangani fenomena ini. Gedung-gedung perniagaan, kompleks-kompleks membeli-belah dan bangunan-bangunan persendirian juga bertanggungjawab dalam memastikan penggunaan bahan tenaga ini tidak berlebihan dan tidak terlalu 'juntrah'. Maksud juntrah di sini ialah membiarkan perniagaan-perniagaan 'terang' selepas waktu perniagaan.

Maka dalam usaha untuk menjimatkan penggunaan bahan tenaga yang penting dalam kehidupan seharian kita, semua pihak perlulah peka dan bertanggungjawab. Perlu mustahaknya mengamalkan sikap berjimat cermat bukanlah rumit sangat asalkan semua pihak bersedia mengubah minda masing-masing terutama sekali pemilik-pemilik rumah persendirian agar lebih peka dengan fenomena ini. Jangan sampai bil tunggakan elektrik meningkat mengikis bekalan dipotong akibat gagal menjelaskan tunggakan.

Nor Azimah binti Haji Mohammad,
Hongkong and Shanghai Bank, Bandar Seri Begawan.
No. k/p : 00-297668

Bersama menjimatkan penggunaan elektrik

TENAGA elektrik adalah salah satu sumber tenaga yang penting dalam kehidupan manusia. Penggunaannya kian meningkat di seluruh dunia termasuk negara kita Negara Brunei Darussalam. Pada masa ini banyak tempat-tempat di negara kita khususnya di pedalaman telah pun menikmati kemudahan asas ini. Ini menyebabkan penggunaannya kian bertambah dari masa ke masa dan menyebabkan kos pengurusan, pemeliharaan dan pembejalan elektrik kian meningkat.

Sehubungan itu pihak kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah menyeru semua pihak agar menjimatkan

penggunaan elektrik.

Penjimatkan elektrik mestilah dimulakan oleh pihak jabatan-jabatan kerajaan, sektor-sektor swasta dan juga industri-industri. Ini kerana sektor-sektor tersebut merupakan pengguna tenaga elektrik terbesar. Langkah-langkah yang perlu diambil oleh mereka ialah seperti mengurangkan penggunaan alat penghawa dingin. Selepas waktu pejabat, penjaga bangunan hendaklah memastikan peralatan-peralatan elektrik dimatikan. Begitu juga dengan penggunaan lampu-lampu bagi tujuan keselamatan bangunan hendaklah dikurangkan penggunaannya cukup sekadar menerangi bangunan tersebut.

Bagi orang ramai pula, perlulah mengambil langkah-langkah penjimatkan elektrik, khususnya di rumah mereka. Di rumah juga kita tidak menyedari yang kita juga telah membazirkan elektrik. Contohnya, ketika kita berjalan jauh atau melancong ada yang menyalakan lampu-lampu di segenap ruang rumah bagi tujuan keselamatan dan lampu-lampu ini akan menyala siang dan malam sehinggalah tuan punya rumah tadi pulang. Ini secara langsung menunjukkan pembaziran elektrik. Keadaan seperti ini lebih-lebih lagi ketika musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri di mana penggunaan elektrik berlebihan dengan lampu-lampu neon

beraneka warna. Di pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang membekalkan elektrik kepada negara ini wajarlah mempunyai perancangan untuk mengelakkan orang ramai menjimatkan penggunaan elektrik. Pertama, mengadakan kempen-kempen atau jerayawara mengenai penjimatan elektrik.

Kedua, memberikan insentif seperti diskaun kepada para pelanggan yang menggunakan elektrik dalam kadar terendah dan kepada pengguna elektrik yang berlebihan serta banyak tunggakan hendaklah didenda bagi menyedarkan mereka betapa pentingnya penjimatan elektrik. Menggunakan

media elektronik dan media cetak dalam memberikan promosi kesedaran tentang cara-cara penjimatan elektrik.

Oleh itu, marilah kita sama-sama menjimatkan penggunaan elektrik di negara ini bagi masa depan generasi akan datang. Secara tidak langsung juga kita telah membantu pihak berkenaan dalam usaha membekalkan tenaga elektrik sepanjang masa. Kita juga perlu mengamalkan cogan kata 'Jimat elektrik untuk kesejahteraan semua'.

Haji Afiq bin Haji Julah,
Peti Surat 702, Seria, KB 1133.
No. k/p : 01-033690

REMAJA

BOROS

OLEH H. A. MANAP

AKHIR-AKHIR ini kita semakin tertekan dengan pelbagai perubahan yang bukan sahaja mengundangi kita untuk menjadi pengguna tetap, malah kita seakan-akan menjadi pelanggan penting dalam kehidupan rentak perubahan dan kemajuan tersebut. Teknologi canggih yang sering berkembang dan berubah-ubah menjadikan suasana dan iklim persekitaran lebih kompetitif dan berdaya saing yang tinggi. Kepesatan inovasi dan juga kepelbagaian trend menjadikan kita tidak mahu tertinggal dengan arus perubahan sedemikian ini.

Lain lagi perubahan fesyen, pakaian dan alat pakai yang lain semuanya bergerak dengan pelbagai pembaharuan yang menarik. Dalam kerancangan sedemikian ini, paling ketara generasi muda remaja merupakan jumlah terbesar yang mengangakat dan membantu kerancangan perubahan tersebut. Perubahan ini juga bila ia menjadi dakapan generasi muda remaja, ia mewujudkan satu budaya baru iaitu sering mengubah dan mencari yang terbaru. Peralatan dan kemudahan masa kini seperti telefon bimbit, komputer, alat pandang, dengar, pakaian, fesyen dan berbagai lagi telah mendominasi kehidupan dan 'style' generasi muda remaja. Trend sedemikianlah juga yang telah wujudkan budaya boros berbelanja. Generasi muda remaja lebih suka kepada yang terbaru dan mempunyai pendekatan-pendekatan media yang lebih canggih. Tidak hairan, berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat bahawa generasi muda remaja merupakan kelompok yang sering membeli jenama dan model terbaru peralatan teknologi seperti telefon bimbit, komputer, kamera, alat dengar muzik dan sebagainya. Trend inilah sekarang sudah menjadi fenomena baru yang sekali gus me-

rubah cara berfikir dan 'style' kehidupan mereka. Rata-rata masyarakat generasi muda remaja di negara kita memiliki telefon bimbit, yang dianggap memudahkan mereka berkomunikasi dengan ibu bapa dan keluarga terdekat. Namun perubahan teknologi masa kini menjadikan jangkauan mereka sudah lebih jauh dari sebelumnya. Inilah yang menjadikan skop perluasan kehendak mereka itu menjadi meningkat. Kemudahan dalam mendapatkan maklumat dan sebarang informasi terkini juga sudah mudah dan hanya berada di hujung jari jemari mereka. Di sebalik semakin tangkas dan dinamik perubahan ini, timbul masalah yang dihadapi oleh ibu bapa masa kini. Peningkatan perbelanjaan untuk memenuhi kehendak dan selera mereka sudah semakin bertambah. Ini amat ketara dengan adanya kegemaran generasi muda remaja yang suka membeli peralatan seperti telefon bimbit, komputer dan lainnya yang sering bertukar-tukar, ditambah lagi dengan pembaharuan demi pembaharuan yang diwujudkan. Akhirnya tabiat sedemikian mengundangi kepada gejala boros berbelanja, sedangkan peruntukan sedemikian masih boleh dipergunakan untuk biaya yang lebih penting. Kesedaran untuk meningkatkan tabiat berjimat cermat adalah penting di peringkat pertumbuhan mereka ini. Tahap ini merupakan peluang keemasan untuk mereka belajar menabung dan meningkatkan usaha. Mungkin pelbagai langkah boleh dilakukan untuk mengelak dari wujudnya budaya boros berbelanja. Meningkatkan kesedaran untuk masa depan yang lebih cemerlang dapat dijadikan sebagai agenda utama, di sebalik pengaruh dan proses kecanggihan teknologi media masa kini. Selain dari menabung pembelian takaful perlindungan diri, persekolahan dan perlindungan keluarga mungkin boleh membantu dalam meningkatkan dan menanamkan budaya jimat berbelanja. Hari ini kita mungkin mudah dan senang berbelanja kerana pelbagai kemudahan boleh sahaja kita peroleh. Namun kita perlu sentiasa ingat bahawa di depan kita adalah masa depan yang belum dapat ditentukan. Jika hari ini kita melihat kepesatan dan dinamik perubahan semasa, mungkin di hari muka keadaan ini akan lebih pesat dan gelombang-pula mungkin akan lebih deras. Inilah yang perlu diperingatkan kepada generasi muda remaja, agar mereka tidak lalai dengan perubahan dan kemudahan teknologi masa kini. Proses perubahan yang kita lalui sekarang ini merupakan petunjuk ke arah bagaimana kita boleh

membina masa depan dengan lebih baik dan sempurna. Generasi muda remaja perlu pandai dalam menilai dan memerhatikan gerak perubahan sedemikian, agar tidak menjadi mangsa kepadanya. Perubahan yang berlaku tidak pernah membezakan tempatnya. Kita tidak pernah sunyi dari paparan iklan yang menawarkan pelbagai jenama, produk dan sebagainya. Inilah juga yang selalu menjadi tarikan kepada kita untuk berbelanja. Tanpa memikirkan akan perlu, penting dan mahu membelinya kita menjadi 'rambang mata'. Namun jika kita pandai menilai dan meneliti kesannya, mungkin kita tidak akan terjerumus kepada tabiat yang merugikan. Generasi muda remaja mestilah pandai menjadi pengguna kemudahan. Jika peralatan yang mereka miliki masih baik dan boleh digunakan adalah lebih elok ia dipertahankan. Keperluan dan kemahuan hendaklah diurus dengan bijak dan rasional. Misalnya jika generasi muda remaja ada wang saku yang diberi oleh ibu bapa seharusnya ia digunakan dengan sebaiknya. Ada tiga pilihan yang boleh kita tentukan jika kita ada wang saku, adakah untuk dibelanjakan semuanya, belanja separuh dan menyimpan, atau menyimpan dan melabur. Sebagai generasi muda remaja kebiasaan untuk menyimpan separuh atau menabung

adalah cara yang amat digalakkan. Jika generasi muda remaja mahu berbelanja hendaklah difikirkan dan tentukan keutamaan dan keperluannya. Kemudahan atau kehendak naluri janganlah terlalu dilayan untuk ditunaikan. Bermulalah dengan membuat langkah positif iaitu meningkatkan kesedaran berbelanja dan menjadi pengguna yang bijak. Perubahan dan kemudahan sekeliling yang berlaku tidak akan memaksa kita untuk menjadi pengguna dan pembeli yang perlu berubah mengikut rentaknya. Namun banyak yang tersilap terutama sekali generasi muda remaja dalam menentukan kedudukan mereka sebagai pengguna. Justeru kerana kesilapan inilah menjadikan wujudnya generasi yang boros berbelanja, semata-mata memenuhi kehendak perubahan yang ada. Generasi muda remaja sebenarnya terdedah kepada banyak pilihan ketika mereka berbelanja. Bukan setakat barangan elektronik, pakaian pun menjadikan pilihan mereka beraneka corak. Lantas inilah yang menjadi elemen kepada pemborosan sedemikian. Di saat dan ketika inilah perlunya ilmu dan kemahiran berbelanja dijadikan sukat-sukat dalam kehendak, kemahuan dan keutamaan. Bijak berbelanja akan menjadikan kita sebagai masyarakat pengguna dan generasi yang berhemah dan baha-gia dari beban kekurangan wang saku.



TERBINANYA Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di tebing Sungai Kianggeh, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan ketika ini) pada tahun 1963 di atas tapak 17.177 kaki persegi setinggi enam tingkat. Terlaksananya pembinaan bangunan tersebut adalah cetusan ilham Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien) yang memang sentiasa peka dan prihatin terhadap perkembangan pendidikan di Brunei.

Ketika itu bangunan PGGMB merupakan bangunan yang tertinggi di Brunei pada pertengahan tahun 60-an hingga pertengahan tahun 70-an dan menjadi mercu tanda kepada Bandar Brunei. Bangunan tersebut juga merupakan bangunan yang mempelo-

pori penggunaan lif di Bandar Seri Begawan.

Bangunan PGGMB telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien) pada 26 Februari 1965, telah melalui arus peredaran masa dan zaman lebih tiga dekad dan menjadi kebanggaan di kalangan ahli-ahli PGGMB khasnya dan orang-orang Melayu amnya.

Bangunan tersebut mempunyai nilai sentimental di dalam hati setiap ahli veteran dan baru PGGMB, kerana bangunan tersebut merupakan salah satu agenda perjuangan PGGMB bagi pembangunan ekonomi yang meletakkan nama PGGMB setaraf dengan organisasi-organisasi swasta yang lain di Negara Brunei Darussalam.



PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 22 Mac 2006

Bangunan Mahkamah Sya'riah, Bandar Seri Begawan.

Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 22 Mac 2006

Abdul Hadi Kharin bin Othman,
Sekolah Nusa Laila Puteri
Sungai Buloh.
Umur : 9 tahun

Md. Khairul Anuar bin Muhammad,
Sekolah Rendah Anggerek
Desa.
Umur : 7 tahun

Muhammad Ainifuddin bin Haji Abdul Rahim
Sekolah Rendah Bengkurong.
Umur : 11 tahun

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 717,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 716

1. Apakah nama bangunan ini?

2. Di manakah letaknya?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 717

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

(Bahagian Lembaga Melesen
Kenderaan Bermotor)
Bahagian III

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Permit 'P' bagi kenderaan perniagaan untuk keperluan persendirian (selepas temu duga dan Mesyuarat MTLA)	7 hari
2.	Permit 'S' kepada kenderaan perniagaan bagi keperluan untuk disewakan (selepas temu duga dan Mesyuarat MTLA)	7 hari

CERPEN

OLEH HAJI JAMALUDDIN ASPAR

MURBA sanggup berbual apa saja kerana cintanya terhadap Melur. Jangan kan bangau putih berbintang tiga, kalau hendakkan harimau bintang sekali pun pasti akan ditunaikannya sebagai prasyarat meminang Melur yang tidak ada duanya di desa itu.

"Mengapalah bakal mertua aku ini hendakkan bangau putih berbintang tiga, kalau bangau setusut putih banyak, tak payah masuk hutan. Di 'round-about' tepi-tepi jalan pun banyak." Murba bercakap sendirian. Bagaimanapun dia bersyukur juga kerana bakal bapa mertuanya tidak meminta Hotel Lima Bintang.

Murba mula meredah hutan belantara. Gunung didaki dan lurah dituruni, sungai diseberangi, danau dan diharungi, paya belukar dijelajahi. Namun apa yang dicari belum dijumpai. Apa lagi wajah bangau putih berbintang tiga, satu suara burung pun tidak kedengaran.

Murba hairan juga di zaman Teknologi Maklumat (IT) ini pun ada orang tais liar kan bangau putih berbintang tiga ...! Apakah ini cuma dugaan atau benar-benar syarat yang diperlukan. Murba tetap cekat dan perjalanan harus diteruskan.

Hari semakin gelap. Cahaya matahari sudah ditutup oleh daun-daun lebar di hutan yang tebal itu. Murba perlu berehat untuk meneruskan perjalanannya esok pagi. Dia berteduh di sepon pohon kecil tapi rendah. Kebetulan ketika itu hujan turun renyai-renyai disertai dengan warna-warna pelangi yang indah.

Murba bersandar di pokok itu. Tiba-tiba sebatang buluh runcing mencecah buah halkumnya. Di depannya terpacak seorang wanita berpakaian ala tarzan. Buluh runcit wanita itu bila-bila masa saja akan menamatkannya jika dia bergerak.

Wanita itu sungguh cantik. Murba sempat berfikir mengapa dia berada di tengah-tengah hutan begini. Kalau pontianak

pun tentu berpakaian serba putih berlumuran darah dan berkuku panjang. Bukan bersenjatakan buluh runcing.

Agaknya pontianak zaman IT ini sudah ada selera hendak tukar imej ...!

"Siapa suruh kau masuk kawasan aku ...?" garang dan lantang suara wanita itu.

"Aku tersesat ...!" Jawab Murba ketakutan. Siapa tidak takut kalau buluh runcing cucuk-cucuk di kerongkong. Sekali radak dia sudah menjadi mayat, jika salah-salah cakap dia pasti akan jadi aimulah.

"Bohong ...! Kau tentu penyeludup ..."

"Apa yang nak ku seludupkan, aku cuma bawa ketupat dan serunding ayam bekal aku masuk hutan ini. Lagipun semua barang-barang ini dijamin halal tau ...!"

"Aku bukan mempersoalkan halal haram ...!"

"Dah tu mengapa kau nak bunuh aku ...?"

"Apa tujuanmu menceroboh kawasan aku ini ...?"

"Aku belum lagi keluar sempadan, kalau kau tak percaya tengok i/c aku."

"Jangan macam-macam jika kau tak mau buluh runcit ini menembusi lehermu."

"Kau ni perempuan kah atau lelaki ...?" Murba acuh saja tunjuk berani.

"Kalau sudah takut memang tidak kenal apa-apa."

"Hari dah gelap macam mana aku nak nam-pak."

"Sepanjang hidupku dalam hutan ini, barulah ini kali pertama aku bertangguh untuk membenamkan buluh runcing ini ke leher orang macam kau

...!"

"Kalau perempuan jangan kasar-kasar begini ...!"

Aku tidak kenal kelembutan ...!"

"Orang perempuan lebih manis jika berpakaian kebaya atau baju kurang. Bukan macam ini haram tau ...! Lainlah kalau kau ini betul-betul tarzan."

Cepat pangkal buluh runcit wanita itu singgah betul-betul atas bumbunan Murba. Murba melintuk dan perlahan-lahan jatuh atas akar kayu yang timbul berlingkaran macam ular kekenyangan itu.

"Bang ...!" Panggilan manja dari sebuah banglo kecil di sudut taman yang sangat cantik dan indah itu.

"Abang datang ...!" Balas Murba.

"Minum bang ...!" Mawar mempelawa.

Murba minum sambil memandang keliling. Burung-burung berkicauan dan berterbangan sebebas-bebasnya. Macam-macam burung ada di taman itu. Burung merak, burung rajawali, burung kakak tua dan banyak lagi yang seolahnya tempat itu sebuah taman burung.

"Sudah berapa lama abang tinggal di sini Mawar ...?"

Baru tiga purnama bang ...!"

"Rasa-rasanya abang terlupa sesuatu."

"Tentang bangau putih berbintang tiga ...?"

"Sekarang baru abang ingat bila lagi Mawar nak berikan pada abang ...?"

Mawar diam. Mawar juga ingat tapi apa yang hendak diberikannya kepada suaminya sedangkan bangau putih berbintang tiga itu tidak wujud dan tidak akan pernah wujud di dunia ini.

Mawar telah jatuh cinta pada Murba sejak berlakunya peristiwa dalam hutan itu dulu. Mawar terpaksa berbohong kerana ingin bersuamikan Murba, kerana itulah dia tidak membunuh Murba dan itulah helahnya. Mawar termangu sejenak.

"Aku datang ke sini untuk mencari bangau putih berbintang tiga."

"Untuk apa ...?" Wanita itu menengking.

MAWAR RIMBA



WANITA itu sungguh cantik. Murba sempat berfikir mengapa dia berada di tengah-tengah hutan begini. Kalau pontianak pun tentu berpakaian serba putih berlumuran darah dan berkuku panjang. Bukan bersenjatakan buluh runcing.

"Aku sangat-sangat memerlukan," balas Murba ketakutan.

"Kalau kau nak tau bangau putih berbintang tiga itu adalah milikku."

"Kalau macam itu aku beri kau wang yang banyak sebagai tukar gantinya."

"Apa kau ingat aku ini mata duitan ...! Di hutan belantara ini wang tidak ada nilainya lagi. Kau jangan cuba nak merasuah aku, semuanya itu kotor kau tau ...!"

"Kalau begitu itu kau ini sebilah orang sakai yang tak bertamadun ...!"

"Sekali lagi kau cakap begitu, buluh runcit ini akan tembus di leher kau ...!"

Wanita itu menekan sedikit buluh runcitnya. Leher Murba berdarah.

"Bagaimana kalau kita bermesyuarah ...?"

"Aku tidak perlu semua itu ... kau pembohong ...!"

"Mana kau tau aku bohong ...?"

"Orang macam kau semuanya penipu."

Kenangan Mawar terbantut. Bunyi burung-burung berkicauan begitu bisu. Itulah bunyi keaslian hutan yang belum tercemar dan dicemar oleh manusia perosak. Mawar serba salah. Selama ini dia berbohong hendak memberikan bangau putih berbintang tiga kepada Murba jika

Murba bersetuju menjadi suaminya.

"Mawar, masih ingatkah dengan perjanjian kita itu ...?"

"Mawar ingat bang ... tapi ...!"

"Mawar jangan menangis, itu adalah perjanjian kita."

"Kalau begitu abang betul-betul tidak menyintai Mawar."

"Abang tidak suka berbohong, abang cuma menyintai Melur. Abang lakukan semua ini adalah semata-mata kerana Melur ...!" Murba cuba memulihkan ingatan Mawar kembali.

Mawar mengangguk. Bagaimana harus diterimanya kenyataan ini. Dia akan kehilangan Murba. Mawar serba salah. Tapi sekarang sudah tiba saatnya untuk dia berterus terang kepada Murba.

"Maafkan Mawar bang ... selama ini Mawar berbohong pada abang."

"Maksud Mawar ...?"

"Mawar tidak punya bangau putih berbintang tiga."

"Jadi selama ini Mawar berbohong pada abang ...?"

"Benar bang ...!"

"Mengapa Mawar lakukan semuanya ini ...?"

Misi AMM bantu kestabilan dan keselamatan serantau

Oleh Samle Haji Jait

samle.jait@information.gov.bn



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan rencana penghargaan kepada seorang pegawai ABDB yang menamatkan tugas sebagai Pasukan Misi Pemantauan Aceh (AMM) Negara Brunei Darussalam. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BERAKAS, Jumaat, 17 Mac. - Penglibatan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam Misi Pemantauan Aceh (MMN) Negara Brunei Darussalam meru-

pakan salah satu sumbangan positif negara ke arah kestabilan dan keselamatan di rantau ini.

Seramai 14 orang pegawai terdiri daripada



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin menyampaikan rencana penghargaan kepada seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei yang menamatkan tugas mereka di Aceh. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

tujuh orang pegawai ABDB dan tujuh orang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menamatkan tugas sebagai Pasukan AMM, Negara Brunei Darussalam diraikan dengan Majlis Penghargaan yang diberikan oleh ABDB di Padang Kawad Bolkiah Garison, di sini.

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan rencana penghargaan kepada pegawai-pegawai berkenaan.

Juga hadir menyaksikan upacara menyambut kepulauan dan penghargaan kepada kontingen Negara Brunei Darussalam, Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Harijanto Soeparto; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa dan Ketua AMM, Peter Feith.

Pegawai-pegawai AMM Negara Brunei Darussalam yang telah menjalani misi AMM di Aceh bermula 15 September 2005 lalu telah bergabung dengan Pasukan Pemantauan Kesatuan Eropah dan Pemantauan Negara ASEAN termasuk Malaysia, Republik Filipina, Thailand dan Republik Singapura.

Sepanjang berada di Aceh, pasukan itu telah ditempatkan ke beberapa lokasi di wilayah tersebut untuk menjalani tugas mengawal dan memantau pematuan gencatan senjata serta pelaksanaan aspek pembangunan sosioekonomi yang terkandung di dalam perjanjian Memorandum Persefahaman yang ditandatangani oleh Kerajaan Republik Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) pada 15 Ogos 2005 di Helsinki, Finland.

Misi tersebut telah berjaya melaksanakan tugas dan mandat mereka dengan efisien serta cemerlang sehingga jumlah pembentukan Pasukan AMM dikurangkan kepada enam orang bagi pegawai AMM Negara Brunei Darussalam yang terus bertugas sehingga bulan Jun 2006 ini.

Ketua Misi Pemantauan Aceh membuat kunjungan ke Jabatan Penerangan

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BERAKAS, Sabtu, 18 Mac. - Tuan Yang Terutama Peter Feith, Ketua Misi Pemantauan Aceh (AMM) Republik Indonesia telah membuat kunjungan muhibah ke Negara Brunei Darussalam pada 16 hingga 19 Mac lepas.

Dalam rangka lawatan tersebut, beliau sempat membuat kunjungan ke Jabatan Penerangan pada hari ini di Bilik Orang Kaya Shahbandar, di sini.

Dalam lawatan tersebut, Tuan Yang Terutama disertai sama oleh tiga orang pegawai iaitu Leftenan Kolonel Haji Harith

bin Haji Abdul Karim, Komander Pasukan Negara Brunei Darussalam Bagi AMM; Leftenan Ruhaizmi bin Haji Rusli, Pegawai Perhubungan dan Leftenan Kolonel (L) Haji Aznan bin Haji Julaihi selaku jurucakap dari Kementerian Pertahanan.

Mewakili Jabatan Penerangan bagi mengulaskan lawatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi.

Semasa kunjungan tersebut, TYT Peter Feith dan rombongan telah menden-

mangkan Timbalan Pengarah Penerangan mengenai Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada masa kini dan juga fungsi kelima-lima Majlis yang terdapat dalam keadaan Kerajaan Negara Brunei Darussalam serta sumber-sumber kewangan yang terdapat di negara ini seperti pengeksporan minyak dan gas.

Sebagai tanda penghargaan, penyampaian cenderahati kepada TYT Peter Feith, Ketua Misi Pemantauan Aceh telah dilakukan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi semasa menyerahkan cenderahati kepada Tuan Yang Terutama Peter Feith, Ketua Misi Pemantauan Aceh (AMM) Republik Indonesia. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Dari muka 8

"Mawar benar-benar menyintai abang."

"Kita terpaksa berpisah Mawar ... cukup di sini pertemuan kita."

"Jangan pergi bang ...!"

"Abang tidak suka pada kebohongan dan kepura-puraan."

"Jangan tinggalkan Mawar bang ... jangan ...! Jangan pergi ... abang ...!"

Mawar menjerit sekuat-kuatnya. Burung-burung berterbangan. Daun-daun berguguran satu demi satu melayang-layang ditiup angin sepoi-sepoi bahasa di hutan belantara itu. Murba tidak pedulikan

panggilan Mawar, malah terlalu bernafsu untuk meneruskan langkahnya. Setapak demi setapak kakinya melangkah tapi tidak berganjak.

Badannya semakin lemah dan akhirnya dia tersandar di seponok pokok. Sebatang ranting kering jatuh betul-betul atas kepalanya. Murba terkejut. Matanya liar memandang keliling hutan itu. Banglo dan taman yang indah sudah tidak ada, yang nampak cuma hutan tebal semula jadi.

Perutnya terasa lapar. Cepat dia mengambil bekal ketupat dan serunding. Tapi bekalnya sudah habis. Murba mula sedar selama

ini dia tertidur dan bermimpi, sudah tentu maknanya itu dimakan oleh binatang-binatang penghuni hutan.

Murba menggosok-gosok mukanya. Dia terpelembat bila merasakan di wajahnya tumbuh janggut dan jambang yang sangat panjang. Dia teringat pisau cukur yang ada dalam balataknnya. Dia cuba mengambil. Kali ini dia benar-benar kaku dan hampir tidak percaya bahawa belataknnya juga tidak ada, sudah hancur dimakan oleh anai-anai.

Spontan Murba teringat pada Melur, dia ingin meneruskan perjalanannya untuk mencari bangau pu-

tih berbintang tiga, tapi dia sudah tidak larat. Badannya benar-benar macam sotong. Dia ingin kembali ke kampung walau dengan tangan kosong.

Akhirnya Murba sampai juga di kampung halamannya. Murba sekali lagi macam tak percaya. Kampungnya sudah bertukar wajah. Tidak ada lagi pokok durian yang menjadi ranjang tupai jantan berkejaran. Tidak ada lagi pokok-pokok binjai, mambangan dan yang ketara pokok-pokok kelapa diganti dengan kondominium beraneka bentuk. Murba berdiri di antara elusi atau realiti.

Tiba-tiba sekelompok kunang-kunang memenuhi ruang matanya yang membuatkan pandangannya kabur. Dalam ke-kaburan itu dia terbayang wajah Melur. Kemudian wajah itu beransur-ansur hilang bersama degupan jantungnya yang semakin lemah. Dalam kelemahan itu juga jelas raut wajah isterinya Mawar melambai-lambaikan tangan



dengan senyum. Murba menjerit memanggil Mawar. Sepasang tangan lembut menggoncang-goncangkan badannya.

"Mengapa abang pandang Mawar macam tu ...?"

Murba memandang keliling. Badannya berpeluh dan nafasnya turun naik

begitu kuat. Pandangan-nya kembali pada Mawar. Mawar merasa seram dengan pandangan suaminya itu.

"Jangan pandang Mawar macam tu bang, Mawar takut ...!"

"Apa yang telah terjadi pada abang ...?"

"Abang menjerit pasal

itulah Mawar kejutkan abang."

Murba kembali merebahkan badannya sambil memejamkan matanya. Sempat dia menikmati sejenak cebisan mimpinya yang indah sebentar tadi. Isterinya Mawar pula kini diselimi pelbagai tanda tanya.

MAWAR menjerit sekuat-kuatnya. Burung-burung berterbangan. Daun-daun berguguran satu demi satu melayang-layang ditiup angin sepoi-sepoi bahasa di hutan belantara itu. Murba tidak pedulikan panggilan Mawar, malah terlalu bernafsu untuk meneruskan langkahnya. Setapak demi setapak kakinya melangkah tapi tidak berganjak.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KENANGAN

Kenangan lama
pelita hidup
saat berlalu
di buai zaman.

Manik berputik
senja berkala
hujan gerimis
berpayung malam.

Hanyutmu disalir sedih
ratapan rindu mentari gerhana.

TANAH AIRKU

Semangkuk kasih
seulas sayang
rimbunan daun-daun
cahaya kesetiaan
untukmu jua tanah airku.

Taburan bakti
wira bangsa
untuk menjulang
namamu negara
ke puncak jaya
penuh gemilang.

Dr. Haji Ismail Opak

MISTERI MALAM

Gemuruh guruh di langit
mengusik malam menelan pahit.

Bertiup angin bayu
menyapa tubuh bergerak kaku.

Bukan terang bersinar
mengajak jiwa gundah hati.

Gagak memecah kesayuan
tanda lama bermandikan persoalan.

Sunyi mendakap hari
menerjah waktu berpaut misteri.

Tika suram beradu
gundah memanjat pilu
saat-saat salju
merobek kesan di kamar kegelapan.

Begitu kekalutan
bagai cermin tiada ketembusan
mimpi hadir berlari
bertukar lemas di dalam misteri.

Apalah daya hati
insan cuma mampu berdoa
lakaran kegersangan
bukan santapan sang arjuna
bagai malam yagn belum pulang
menanti suria menjangkau subuh.

MANUSIA

Manusia ...
begitulah namamu
dicipta dengan sempurna
penuh kehormatan
yang amat mulia.

Engkau insan sejati
punya tugas dan kewajipan

di alam fana
dalam perjalanan
arah kebenaran
darjatmu begitu agung.

Sedari olehmu
andai hidup cuma sementara
buatmu teruskan perjuangan
di hari pertemuan
menghadap Tuhan
pencipta seluruh kehidupan
untuk kau terima balasan.

Manusia ...
engkau adalah harta
makhlik dunia yang disanjung
tiada siapa dapat tanding
tiada apa yang mampu mengatasi.

Manusia ...
andai diri punya adab
usah cuba membangga diri
angkuh dan mahu tegak berdiri
berdiri di atas puncak bumi
enggau mengakui jatuh terkulai
yang akhirnya punah jua
kembali pada Yang Esa.

KEGANASAN ...

Begitu lumrah dunia
pertelingkahan menjadi-jadi
menggoncang dunia
ke arena permusuhan
mengheret pada kerakusan.

Perbalahan yang melanda
angkara nafsu durjana
memamah jiwa-jiwa insan
ke arus kemusnahan
demi kepentingan binatang-binatang buas
rakus mencela ganas
hingga bumi gayus tercalar.

Inikah kemanusiaan?
antara jiwa yang berhati insan
menghukum derita
pada manusia yang tiada berdaya
ke lembah jurang kejahilan.

Apakah ini satu kemodenan?
apakah ini yang dibanggakan
sedang hati berjantung iblis
mahu apa mengajar orang!

A. Seroja

HIJRAH

Hijrah adalah perpindahan
menegakkan kebenaran
memperjuangkan jihad Islam
hijrah mengorak langkah perubahan
dari kegelapan kejahilan
menuju cahaya keimanan.

Hijrah adalah kebebasan
dari belenggu kemungkaran
kemaksiatan dan kehinaan manusia
hijrah adalah pengorbanan
dari lembah kehancuran
menuju mercu ketenangan.

Hijrah adalah perjuangan
menjauhi dari kezaliman
• menuntut keadilan

hijrah adalah ujian
antara hawa nafsu nafsi
antara dunia dan akhirat.

KETIKA INI

Ketika ini
aku merenung jauh ke hadapan
aku tahu diri ini manusia kerdil
kurasa tidak terdaya
apabila saja mengimbas sejenak
hari-hari dan masa yang lampau
dalam kehidupan kepura-puraan.

Ketika ini
dalam aku sedar bangkit
mampukah aku merubah segalanya
kegelapan dan bayangan kehidupan
menyucikan dan menenteramkan
hati yang penuh keraguan ini.

Ketika ini
lalu aku lenyapkan segalanya
dari lalai dan jaga sentiasa
menyinari wajah-wajah masa lampau
mengorak langkah perjalanan
melalui laluan lorong yang sempit.

PANGGILAN TETAMU ALLAH

Lihatlah laut yang begitu luas
terbentang bergelora lautan dalam
terapung-apung di hujung sana
tiada siapa dapat menduga
jika ajal dan maut
mencabut nyawa dengan tiba-tiba.

Kita umat tetamu Allah
panggilan-Nya melambai-lambai
sentiasa saling menguji
kuasailah lidah, hati
akal dan fikiranmu sihat
saling kita nasihat-menasihati.

Di bumi suci ini
kita umat semulia-mulianya
marilah kita sambil beringat-ingat
meminaikan segala janji
kekuasaan kebesaran dan
kebenaran-Nya.

Kita tetap umat tetamu Allah
panjatkan doa memuji kebesaran
mengabdikan dalam solat
menunaikan puasa wajib
sambil khusyuk berzikir
demi berjihad dalam panggilan Islam.

Basirah HB

KEMARAU HATI

Setiap saat ibu menangi
kehidupanmu yang suram
bagai tiada tali kecapi
untuk menggesek
tali biola yang usang
buat menghibur
lara hati yang terhiris
oleh kilauan mutiara
yang sebetulnya kaca.

Kau tidak pernah membilang
deraihan air mata ibu
apa lagi untuk menimbang
curahan air mata

yang tumpah bak mutiara
renunglah mata ibu
pandanglah wajah ayah
lihat gusiran
wajah-wajah duka
semakin layu
kian malap
terbenam
di bibir senja
meniti jalur-jalur
kemarau hati yang merkah
yang tak akan banjir
walau hujan turun
berjuta tahun.

T.S.U.N.A.M.I

Tabah menghadapi dugaan
syukur pada apa yang diberikan
usaha perintis kejayaan
nikmat yang dirasakan
adalah pemberian Tuhan
moga mendapat keredaan
insya-Allah hidup penuh keberkatan.

JERITAN KOTA

Kota yang terhias
hiruk-pikuk jeritan
berbaur pelbagai ragam
apa sebutan
kurang jelas
jauh sekali nyata
kalau diperibahasakan
macam kaling karam.

Itulah mereka
yang barangkali
terlalu maju
akibat jeritan kota
membuat mereka
terpaksa menjerit sama.

KEHADIRANNYA

Kehadiran perantau
terlalu mencabar
kebolehan
maupun keupayaan
bagi pengisian
sebarang keperluan.

Kita yang terlalu manja
seakan satu warisan
leibh syiuk disuapi
dari menyuap sendiri
silap suap
binasa.

KITA-KITA

Satu satu ditimpakan
pelbagai bentuk maupun rupa
musibah atau bencana
ombak besar di lautan
runtuhan di daratan
jerebu di udara
penghuni dunia selesema
agar manusia tidak alpa
bahawa kita-kita semua
adalah kepunyaan-Nya.

Maya Brunei



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 5 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
11.00	FERGUS MCPHAIL
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	CYBERCHASE SEASON 4/ PRINCE STARLA AND THE JEWEL RIDERS
5.15	FAR FETCHED
5.45	BERITA
6.00	DRAMA - 'Kerja Overtime'
6.29	AZAN MAGHRIB
6.40	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	MUZIK O5
7.39	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	MAULUDUR RASUL BERSAMA MUFTI
9.30	GADGET AND GIZMOS
10.00	NEWS AT 10
10.30	PESAN RASUL
10.45	SUKAN
	ANTARABANGSA
11.15	LIFE WITH BONNIE
11.45	DARK ANGEL SR.2
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 6 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
11.00	FERGUS MCPHAIL
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	DRAMA - 'Matahariku'
12.24	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	IMPACT TV
1.30	JUST FOR VARIETY
2.30	PHILIPPINES MOVIES - 'Bakit Di Totohanin'
3.29	AZAN ASAR

3.55	PHILIPPINES MOVIES - Sambungan
4.15	SECRET ADVENTURES
4.45	MAPLETOWN
5.15	BEYOND 2000 SR. VII
5.45	BERITA
6.15	GAME PLAN
6.29	AZAN MAGHRIB
6.45	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.30	MAULUDUR RASUL BERSAMA MUFTI
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	PESAN RASUL
10.45	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'
11.30	WAYANG PILIHAN - 'Blood Work'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 7 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	PLAY WITH SESAME
10.45	FRANKLIN
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL 10
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	HEAR AND SEE
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI
3.27	AZAN ASAR
3.32	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.00	CHUCKLEWOOD CRITTERS
5.45	BERITA
6.00	SYIAR MASJID
6.29	AZAN MAGHRIB
6.40	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.30	DEKOR SR. 2 - Ulangan
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	MAULUDUR RASUL -

9.30	BERSAMA MUFTI
10.00	ANI ANITA
10.00	NEWS AT 10
10.45	KHUTBAH JUMAAT
11.00	TELEDRAWA - 'Ilham Karmila'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 8 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	WHAT'S WITH ANDY
10.45	HOLLY'S HEROES
11.15	DRAMA CO. PROD - 'Jodoh' - Ulangan
11.30	BERITA
12.00	GILLETTE WORLD SPORT - Ulangan
12.24	AZAN ZUHUR

PETANG

12.45	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Lightening From The Sky'
2.15	DRIVE
2.45	ODD SPOTS
3.15	THIRD WATCH SR.1
3.28	AZAN ASAR
4.00	ROUTE OF ISLAM
5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL
5.30	MALCOLM IN THE MIDDLE
5.45	BERITA
6.15	MUSLIM WORLD
6.29	AZAN MAGHRIB
6.45	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	2006 FIFA WORLD CUP IN GERMANY
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	MAULUDUR RASUL BERSAMA MUFTI
9.30	GADGET AND GIZMOS
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Hometown Legend'
12.00	DAMON
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 9 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI -

10.00	Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus'
10.45	ACCORDING TO JIM - Siri Baru
11.15	PADA SUATU HARI
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Frozen Impact'
12.24	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	GILLETTE WORLD OF SPORTS
1.45	ASIAN X GAMES 2005 - HIGHLIGHT
2.45	JUARA
3.28	AZAN ASAR
3.30	SEMINAR HARI KEBANGSAAN
4.30	TEKNO M3
5.00	KAUNSELING MASYARAKAT
5.30	PENGAJARAN DARI AL-QURAN
5.45	BERITA
6.00	SURVIVING ASIA
6.28	AZAN MAGHRIB
6.40	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	MAULUDUR RASUL BERSAMA MUFTI
9.30	GADGET AND GIZMOS
10.00	NEWS AT 10
10.30	PESAN RASUL
10.45	LIGA PERDANA MALAYSIA - 'Brunei DPMM FC lwn Johor'
11.45	TIRAI KELUARGA
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 10 APRIL

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
11.00	FERGUS MCPHAIL
11.30	ENTRADA - 'Tango, Argentina'
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	KIDS HOUR: 'Squiggle'

4.45	Vision/Science Court'
4.45	NADWAH KHAS
5.45	BERITA
6.00	HIDAYAH MAULUD
6.28	AZAN MAGHRIB
6.40	DIKIR MAULUD

MALAM

7.00	MAULUDUR RASUL BERSAMA MUFTI
7.38	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
